

## **BAB SATU**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Latar Belakang kajian**

Malaysia merupakan sebuah negara yang berlatar belakangkan kehidupan masyarakat beragama yang terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik. Menyedari hakikat ini, kerajaan Malaysia telah melaksanakan Dasar Islamisasi bersesuaian dengan Perlembagaan Negara Malaysia yang mengiktiraf Islam sebagai agama rasmi negara dan memberi kebebasan kepada penganut agama-agama lain untuk mengamalkan ajaran agama mereka.<sup>1</sup> Jelasnya, Islam bukanlah agama paksaan.<sup>2</sup> Islam sangat menekankan semangat dan budaya bertoleransi bagi menghidupkan suasana kehidupan masyarakat beragama khususnya di Malaysia secara sejahtera dan harmoni. Oleh itu, kehidupan masyarakat beragama yang mempunyai titik persamaan dan perbezaan perlu difahami dan wajar direncamkan oleh para pendakwah di dalam merealisasikan dasar Islamisasi (1982)<sup>3</sup> yang telah diperkenalkan oleh pihak kerajaan di dalam membangunkan tamadun ummah.

Kegagalan di dalam memahami pendekatan dakwah non-Muslim boleh menyebabkan berlakunya konflik antara masyarakat beragama yang merugikan bangsa

---

<sup>1</sup> *Perlembagaan Persekutuan* (Hingga Ogos 2008) Kuala Lumpur: MDC Publishers Sdn. Bhd. h.1

<sup>2</sup> Tidak ada paksaan bagi non-Muslim untuk memeluk agama Islam. Bagi Muslim adalah wajib berada dalam Islam sehingga akhir hayat kerana sudah jelas jalan yang benar dan sesat. Lihat Surah Al-Baqarah (2): 256, “Walaupun non-Muslim tidak dipaksa untuk mengikuti Islam tetapi non-Muslim turut berhak untuk merasai nikmat Islam dan iman merujuk maksud toleransi yang meliputi prinsip ‘rahmah,’ Lihat Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, “Islam Agama Rahmah dan Toleransi Beragama, Realiti dan Cabaran,” dalam Khadijah Mohd Khambali@ Hambali et.al (2008), *Isu dan Cabaran Hubungan Antara Agama di Malaysia*: Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya. h.17

<sup>3</sup> Islamisasi merujuk kepada satu proses mengislamkan sesuatu dengan memasukkan nilai-nilai suci yang terdapat di dalam ajaran Islam. Akhiran ‘..si’ pada perkataan tersebut itulah yang membuktikan ianya merupakan satu proses sebagaimana akhiran ‘isme’ merujuk kepada ideologi. Dalam konteks Malaysia, Islamisasi diertikan sebagai proses menerapkan nilai-nilai Islam dalam segenap segi. Lihat Hajjah Noresah binti Ibrahim et.al (eds) (2007), *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 590. Juga lihat Ahmad Fadhli bin Shaari (2001) *Islamisasi di Malaysia: Satu sorotan Pencapaian*. (TP). h. 1

dan negara. Keamanan negara akan tergugat dengan merebaknya api perkauman yang tidak terpadam. Malah kekaburuan semangat toleransi di dalam kehidupan masyarakat beragama<sup>4</sup> juga menyumbang ke arah merebaknya konflik antara masyarakat beragama. Apa yang berlaku sejak kebelakangan ini ialah peristiwa pergaduhan di antara pengikut agama Hindu dan Islam di Kampung Rawa, Pulau Pinang (1998).<sup>5</sup> Begitu juga dengan kontroversi isu keputusan Mahkamah Tinggi pada Disember 2009 yang membenarkan akhbar mingguan *Herald-The Catholic Weekly* menggunakan kalimah ‘Allah’ bertentangan dengan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-82 pada 5 hingga 7 Mei 2008 yang tidak membenarkan penggunaan kalimah ‘Allah’ dalam kalangan non-Muslim.<sup>6</sup> Malah pihak Kristian secara berani mencalarkan imej Islam dengan tuduhan liar yang jelas tidak berasas sama sekali. Lutfi Mustafa Elbatani telah menjelaskan bahawa terdapat 40 pandangan negatif Kristian terhadap Islam. Sebahagiannya adalah seperti berikut:

*Islam bukan agama asal tetapi agama import. Agama Islam disebar melalui mata pedang. Islam bukan agama sempurna, ajaran penuh tahayul, tidak sesuai dengan zaman ini, buktinya negara maju bukan terdiri dari negara Islam. Islam tidak boleh memberi perdamaian dunia ini bahkan sesama Islam sendiri kerap menjadi konflik dan pertumpahan darah. Hukum Islam kejam, si pencuri harus dipotong tangannya. Islam mengajar poligami semata-mata untuk kepuasan syahwat dan nafsu. Kedudukan wanita Islam sangat rendah dan terhad. Contoh hak warisan hanya sebahagian dari warisan lelaki.*<sup>7</sup>

---

<sup>4</sup> Khadijah Mohd. Khambali @ Hambali, “Toleransi Beragama Dan Amalannya di Malaysia: Rujukan kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia”, dalam *Jurnal Usuluddin* Bil.27 (2008), Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. h.81

<sup>5</sup> Peristiwa hitam yang berlaku sekitar 27 Mac 1998 di Kampung Rawa Pulau Pinang telah dikaji oleh Mohd Ali bin Saripan (2000), *Pembinaan Rumah Ibadat di Pulau Pinang: Satu Kajian Mengenai Insiden Agama*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, (Disertasi yang tidak diterbitkan).

<sup>6</sup> Lafaz Allah merupakan kalimah suci yang khusus bagi Agama dan umat Islam dan tidak boleh digunakan atau disamakan dengan agama-agama bukan Islam yang lain, Lihat: Isu semasa, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, <http://www.islam.gov.my/portal>, 23 November 2010.

<sup>7</sup> Lutfi Mustafa El-Batani, (1997) *Pandangan Negatif Barat Terhadap Islam*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man. h.108-143

Sebahagian pandangan negatif ini sebenarnya menggambarkan bahawa masyarakat non-Muslim, khususnya Kristian<sup>8</sup> tidak memahami ajaran Islam malah cuba memburukkan Islam di mata dunia. Para pendakwah sewajarnya mencari pendekatan dakwah yang berkesan bagi menarik minat non-Muslim di dalam memahami ajaran Islam. Sehubungan dengan itu, salah satu usul dakwah yang wajar diketengahkan sebagai pendekatan dakwah yang memperjelaskan kefahaman berhubungan falsafah setiap agama anutan adalah melalui pengaplikasian disiplin Ilmu Perbandingan Agama di dalam pendekatan dakwah non-Muslim di Malaysia.

Ilmu Perbandingan Agama ialah suatu cabang ilmu daripada ilmu pengetahuan yang berusaha untuk memahami gejala-gejala keagamaan yang terdapat pada sesuatu kepercayaan merangkumi persamaan dan perbezaan.<sup>9</sup> Ilmu ini telah menarik minat tokoh-tokoh ilmuwan Barat untuk membuat kajian secara ilmiah mengenai perkembangan agama-agama besar di dunia. Sejarah perkembangan ilmu pengetahuan di dunia barat telah mengiktiraf Max Muller<sup>10</sup> sebagai pencetus idea perkembangan Ilmu Perbandingan Agama. Malah ilmu ini juga turut dikembangkan oleh Joachim Wach<sup>11</sup> dengan menggunakan pendekatan sosiologi, histori, psikologi, antropologi, dan teologi agama untuk mengkaji perkembangan agama-agama dengan merujuk kepada *indicator* kajian pengalaman kehidupan masyarakat beragama. Pendekatan ini lebih

---

<sup>8</sup> Merujuk kepada pandangan negatif Kristian terhadap Islam.

<sup>9</sup> Ahmad Syalaby, (1992) *Muqaranah Adyan* (terj.), Jakarta: Pt. Rineka Cipta, h. 10.

<sup>10</sup> Pada tahun 1856, buku pertama Max Muller (*Comparative Mythology*) telah diterbitkan dan 1870 diterbit sebuah buku yang bertajuk *Introduction to the Science of Religions*. Lihat: Joachim Wach (1958), *Ilmu Perbandingan, Inti dan bentuk Pengalaman Keagamaan*, (Terj.1984), Jakarta: CV.Rajawali, Jakarta. h.3

<sup>11</sup> Dilahirkan pada 25 Januari 1898 di Chemnitz, Saxony. Meninggal pada 27 Ogos 1955 di Orselina Switzerland. Buku utumanya *The Comparative Study of Religions* (1952), *Der Erlösungsgedanke und Deutung( Leipzig 1922)*, *Religionswissenschaft: Prolegomena zu ihrer Grundlegung* ( Leipzig ,1924), *Sosiology of Religion*

menekan aspek ilmiah atau objektif.<sup>12</sup> Nilai objektif kajian agama didasari prinsip mempelajari Ilmu Perbandingan Agama yang disebut sebagai ‘*Agree In Disagreement*’.<sup>13</sup>

Walaupun dunia barat telah mengembangkan disiplin ilmu ini dengan acuan pemikiran mereka, namun sebenarnya asas mempelajari Ilmu Perbandingan Agama telah pun bermula sejak di zaman Nabi Ibrahim a.s iaitu ketika berlaku dialog dengan kaumnya yang menyembah berhala.<sup>14</sup> Begitu juga pendekatan dialog (*Mubāhalah*)<sup>15</sup> di antara Nabi Muhammad s.a.w. dengan sekelompok perwakilan Kristian Najran yang diketuai oleh ‘Abd al-Masīh serta Abū Harithah bin al-Qamah.<sup>16</sup> Peristiwa dialog inilah yang dapat dijadikan fakta serta bukti sejarah yang menyatakan bahawa mempelajari agama Islam dan bentuk kefahaman agama-agama yang wujud di dunia ini seperti Yahudi, Kristian, Majusi, Buddha, Hindu, Kong Hu Cu, Zoroaster, Manu, Shabiah dan lain-lain kefahaman agama ciptaan manusia adalah merupakan satu keperluan yang amat penting kepada kita. Di dunia Islam usaha ini masih diteruskan oleh para ulama muktabar dan para ilmuwan Muslim, antaranya ialah Ibn Taimiyyah,<sup>17</sup> Ibn Hazm,<sup>18</sup> Hujjatul Islam Imam Ghazālī,<sup>19</sup> al- Bīrūnī,<sup>20</sup> Syeīkh Ahmad Dedat, Dr. Zakir Naik dan lain-lain tokoh samada di Malaysia dan luar negara. Salah seorang tokoh tersebut telah

<sup>12</sup> Kajian yang bersifat adil, tidak menyebelahi (apologi) mana-mana agama. Juga dikatakan ‘Pluralisme.’

<sup>13</sup> Setuju dalam tidak persetujuan atau setuju dalam perbezaan menjadi pegangan bagi seseorang yang ingin melibatkan diri dalam ilmu ini, tanpa mempersoalkan benar atau salah. Lihat Husainy Ismail (1988), *Konsepsi-Konsepsi Dasar Agama*, Banda Aceh : Syiah Kuala University Press, h. 2

<sup>14</sup> Surah al-Anbiya (21): 51-71

<sup>15</sup> Surah ‘Ali Imran (3): 61

<sup>16</sup> Syeikh Muhammad ‘Izzat al-Tahtawi, *al-Mīzān Fi Muqārānah Adyān*, Syiria: Darul Salam. h.10

<sup>17</sup> Nama sebenarnya ialah Taqī al-Dīn Abū al-‘Abbas Ahmad bin Shahab al-Dīn Abī al-Mahasin Abd al-Halim bin Majd al-Dīn Abī al-Barakah Abdul al-Salam bin Abī Muhammad Abdullah Abī al-Qāsim al-Khadr bin Muhammad al-Khadr bin ‘Alī bin Abdullah bin Taimiyah. Lahir pada hari Isnin 10 Rabi’ulawal 661 H bersamaan 22 Januari 1263 M (Ruj: *The Encylofdia of Islam*, 1971 ed. “*Ibn Taimiyah*”).

<sup>18</sup> Abū Muhamad ‘Alī Ibn. Abī Umar Ahmad Ibn. Sa’id Ibn. Hazm (456 H/ 1064- 383H/ 994M) (Lihat: *Qadi Sa’id- Tabaqat al-Umam* P. 119)

<sup>19</sup> Abū Hamid Muhammad Ibn. Muhammad Ibn Ahmad al-Ghazālī al-Tusi lahir (450H/1058) di Tabaran (Ruj: *al-Subki, Tabaqat*)

<sup>20</sup> Abū Rayhan Muhammad bin Ahmad al-Bīrūnī (362/973-443/1051) Kitabnya *al-Athar al-Baqiyah*, ‘an Qurūn al-Khalīyah- Kitab al Hind. Pendekatannya di dalam kajian Agama telah dikaji oleh Dr. Kamar Oniah Kamaruzaman (2003), *Early Muslim Scholarship in Religionswissenschaft, The Works and Contributions of Abu Rayhan Muhammad Ibn. Ahmad al-Biruni*, Kuala Lumpur: ISTAC, IIUM.

mengaplikasikan ilmu ini di dalam metodologi dakwah Islamiah. Sebagai contohnya, Syeīkh Ibn Taimīyyah telah mengerang beberapa buah kitab bagi menjawab pertuduhan Kristian ke atas Islam serta menghina Nabi Muhammad s.a.w. iaitu kitāb *Al-Jawāb al-Sahīh Li man Baddalā Dīn al-Masīh* (4 Vols, Jiddah:Tawazī, Maktabah al-Balad al-Amin: 1414/1993), *Iqtidā’ al-Sirāt al-Mustaqīm Mukhālafāt Ashāb al-Jahīm* (Beirut, Dar al-Kitab al-‘Arabi:1425/2005), *Jawāb fī Ihtijāj al-Jahmīyah wa al-Naṣārā bil kalmīa, al-Risālah al-Quhrusīyah, Kitāb Li-Sirjwās Mālik Quhrus, Qawāīd āl-Kanāis, Takhjīl ahl-Injīl wa-Nah al-Sahīh fī al-Rāad dan Kitāb ‘Alā Man Baddalā Dīn ‘Isā ibn Maryām al-Masīh*. Ketegasan di dalam karangan beliau menunjukkan bahawa aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam metodologi dakwah sangat menekankan aspek keadilan dan kebenaran agama Islam. Justeru, aplikasi pendekatan ilmu ini dalam metodologi dakwah amat bertepatan dengan ajaran Islam.

Di Malaysia, sebahagian pihak NGO, badan kerajaan dan pusat pendidikan telah mula mengorak langkah untuk menganjurkan kursus Ilmu Perbandingan Agama dan dialog antara agama. Antaranya ialah Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Universiti Malaya, Jabatan Usuluddin dan Falsafah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya (UM), Inter-Faith Spirituil Fellowship (INSAF) dan organisasi NGO yang lain. Senario ini menunjukkan satu perkembangan yang baik di dalam mengharmonikan suasana kehidupan di antara masyarakat beragama yang terdiri dari pelbagai agama, bangsa dan etnik sesuai dengan dasar Islamisasi<sup>21</sup> yang diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia. Walau bagaimanapun, usaha-usaha pihak

---

<sup>21</sup> Pelaksanaan dasar ini (1982) telah mencetuskan idea baru di kalangan pemimpin non-Muslim menubuhkan Majlis Perundingan Agama-Agama. Cetusan idea ini juga merupakan detik permulaan sejarah dialog antara agama di Malaysia (lihat Khairulnizam Mat Karim ( 2005), *Realiti Aplikasi Dialog Antara Agama Di Malaysia: Kajian Terhadap Inter-Faith Spirituil Fellowship (INSAF) dan Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

pengurusan organisasi dakwah sama ada pihak kerajaan atau NGO di dalam menerapkan nilai-nilai keharmonian kehidupan masyarakat beragama melalui pendekatan Ilmu Perbandingan Agama masih lagi di tahap kurang memuaskan. Hal ini dilihat dari sudut kegagalan badan-badan dakwah NGO dan kerajaan berkerjasama dalam menganjur program dakwah dan kurang menjalankan aktiviti kabajikan terhadap masyarakat non-Muslim jika dibandingkan gerakan Missionari Kristian yang memperbanyak kerja-kerja amal dan sukarela.<sup>22</sup> Justeru, permasalahan ini menarik minat penulis untuk membuat kajian selanjutnya.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Pendekatan dakwah non-Muslim yang disertai dengan ‘hikmah’ perlu ‘ditajdidkan’ semula kerana ia merupakan faktor penentu kejayaan usaha seseorang pendakwah. Merujuk firman Allah s.w.t.:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْخَيْرَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالْقِوَافِيَّةِ هَيْ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ صَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ

*Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalannya dan dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat Petunjuk.*<sup>23</sup>

Ayat al-Qur'an di atas merupakan dalil yang menunjukkan bahawa para pendakwah adalah wajar mengatur strategi untuk memulakan usaha dakwah ke atas penganut-penganut agama lain terutamanya umat Kristian, Hindu, Buddha, dan lain-lain

<sup>22</sup> Ibrahim Che Noh, “Dakwah kepada non-Muslim: Masalah dan Cabarannya” dalam Sidi Gazalba dan Zainab Ismail (penyunting) (1995), *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini*, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, h.81

<sup>23</sup> Surah *an-Nahl* (16):125

agama anutan di Malaysia. Metodologi dakwah non-Muslim yang tepat dan jelas akan mempengaruhi penganut-penganut non-Muslim untuk mendekati Islam.

Di Malaysia, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)<sup>24</sup> merupakan salah satu organisasi dakwah yang telah ditubuhkan pada tahun 1971 telah berjaya menggerakkan usaha dakwah terhadap masyarakat non Muslim. Kejayaan ini terbukti apabila ABIM telah menubuhkan Islamic Outreach pada 26 Oktober 1987 bertujuan menyebarkan ajaran Islam kepada masyarakat non-Muslim.<sup>25</sup> Tinjauan awal mendapati Outreach ABIM telah mengaplikasikan Ilmu Perbandingan Agama sebagai pendekatan dakwah non-Muslim di dalam program-program yang dirancang dari semasa ke semasa. Namun, persoalannya sejauh mana aplikasi Ilmu Perbandingan Agama mempengaruhi non-Muslim memahami ajaran Islam yang sebenar. Justeru, Islamic Outreach ABIM yang melaksanakan pendekatan dakwah non-Muslim akan dijadikan subjek kajian. Antara rumusan persoalan utama kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Adakah pendekatan Ilmu Perbandingan Agama dapat meningkat kefahaman non-Muslim mengenai ajaran Islam yang sebenarnya?
- ii. Adakah Islamic Outreach ABIM telah memahami serta mengaplikasikan sepenuhnya Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah non-Muslim?
- iii. Adakah aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dapat dijadikan sebagai salah satu alternatif terbaik dalam pendekatan dakwah non-Muslim?

---

<sup>24</sup> Selepas ini kajian akan menggunakan ABIM sebagai merujuk kepada Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)

<sup>25</sup> Profil Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), lihat [www.abim.org.my](http://www.abim.org.my), 23 November 2010

### **1.3 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Menjelaskan konsep Ilmu Perbandingan Agama dalam konteks dakwah non-Muslim yang dikemukakan oleh Islamic Outreach ABIM
- ii. Menjelaskan aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah terhadap non-Muslim di Islamic Outreach ABIM
- iii. Menjelaskan aplikasi Ilmu Perbandingan Agama sebagai salah satu alternatif terbaik dalam menyampaikan seruan dakwah terancang kepada non-Muslim

### **1.4 Kepentingan Kajian**

- i. Menjelaskan kepada pendakwah supaya mempersiapkan diri untuk mengaplikasikan Ilmu Perbandingan Agama dalam melaksanakan usaha dakwah kepada penganut agama lain supaya memahami kebenaran Islam dan melahirkan masyarakat beragama yang harmoni sepanjang masa.
- ii. Melahirkan pendakwah-pendakwah yang berketerampilan dan menguasai disiplin Ilmu Perbandingan Agama dalam menyampaikan hujah yang menarik ketika menyertai dialog peradaban antara agama.
- iii. Menarik minat para pelajar dan mahasiswa untuk mempelajari Ilmu Perbandingan Agama secara lebih mendalam. Golongan pelajar atau mahasiswa merupakan pelapis yang akan mencorakkan kehidupan masyarakat beragama di Malaysia dalam suasana aman dan harmoni.

- iv. Kajian ini dapat dijadikan sumber rujukan ilmiah kepada mahasiswa-mahasiswa yang ingin memperincikan lagi disiplin Ilmu Perbandingan Agama sesuai dengan kehidupan masyarakat majmuk di Malaysia.
- v. Pendekatan Ilmu Perbandingan Agama dalam metode dakwah non-Muslim wajar dimodulkan oleh ABIM. Justeru, kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan bagi menyediakan modul pendekatan dakwah non-Muslim yang berasaskan disiplin Ilmu Perbandingan Agama.

## **1.5 Skop Kajian**

Kajian mengenai aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah non-Muslim bertujuan melihat sejauh mana keberkesanan Ilmu Perbandingan Agama dapat mempengaruhi non-Muslim untuk memahami dan menerima kebenaran ajaran Islam. Untuk melihat secara lebih jelas dan praktikal, penulis akan memfokuskan pendekatan dakwah Islamic Outreach ABIM yang berlokasi di alamat No. 3402, Jalan Ampang Hilir 2, 55000 Kuala Lumpur. Pusat ini merupakan agensi pelaksana aktiviti dakwah dan tarbiah ABIM yang ditubuhkan khusus untuk menyebarkan ajaran Islam kepada masyarakat non-Muslim. Selain itu, pusat ini juga bertanggungjawab di dalam memastikan saudara baru mendapat kefahaman yang jelas mengenai ajaran Islam. Hasil tinjauan awal mendapati Islamic Outreach ABIM telah lama<sup>26</sup> bergerak aktif di dalam merancang dan melaksanakan program-program yang berunsur dakwah bagi menarik minat masyarakat non-Muslim untuk memahami Islam serta memeluknya. Sehingga kini, usaha ini telah berjaya menarik minat lebih kurang 5000 orang non-Muslim untuk memeluk agama Islam.<sup>27</sup>

---

<sup>26</sup> Sejak ia ditubuhkan pada 26 Oktober 1987.

<sup>27</sup> Temu bual dengan Encik Azril Muhammad Amin, Pengurus IOA, di Masjid Negara Kuala Lumpur, Jam: 2.30-4.00 petang, pada 22 April 2011.

Pendekatan dakwah non-Muslim yang diperlakukan oleh Outreach ABIM adalah lebih bersifat dakwah *bi al-hal* dan *bi al-lisan* yang dapat diketahui mengandungi pendekatan disiplin Ilmu Perbandingan Agama. Di antara pendekatannya ialah dengan mengadakan program-program seperti berikut: (i) Program Pengajian Islam Saudara Baru; (ii) Program Kaunseling; (iii) Program Ziarah Pesakit Hospital; (iv) Projek Khidmat Orang Asli; (vi) Dialog Antara Agama; dan (vi) Program Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid Negara. Program-program ini merupakan program teras yang dilaksanakan sepanjang tahun. Oleh itu, program-program ini akan dikaji dan dianalisis perkaitannya dengan aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam konteks pendekatan dakwah non-Muslim.

## **1.6 Sorotan Kajian**

Dalam membahaskan tajuk ‘Aplikasi Kepentingan Ilmu Perbandingan Agama Dalam Pendekatan Dakwah Non-Muslim,’ penulis menyorot kembali beberapa kajian yang telah dibuat oleh pengkaji lain. Penulis memfokuskan kajian lepas yang berkaitan skop pendekatan dakwah kepada non-Muslim. Hal ini kerana penulis melihat pendekatan Ilmu Perbandingan Agama dapat dijadikan usul dakwah yang berkesan bagi menyampaikan seruan agama Islam kepada non-Muslim. Merujuk kepada beberapa kajian lepas penulis mendapati kajian mengenai aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah non-Muslim belum dibahaskan secara rencam oleh pengkaji-pengkaji lain. Untuk itu, penulis telah melihat beberapa kajian lepas yang hampir berkaitan dengan tajuk yang dikaji.

Terdapat kajian yang telah dilakukan oleh Khairulnizam bin Mat Karim yang bertajuk Realiti Aplikasi Dialog Antara Agama Di Malaysia: Kajian Terhadap Inter-Faith Spiritual Fellowship (INSAF) dan Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya

(2005). Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana perkembangan dialog antara agama di Malaysia yang dilaksanakan oleh Inter-Faith Spritual Fellowship dan juga Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya. Kajian ini lebih berbentuk kajian kualitatif iaitu pengkaji cuba melihat konsep dialog antara agama di Malaysia, sejarah permulaan dialog antara agama, realiti aplikasi dialog antara agama oleh Inter-faith Spiritual Fellowship dan Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya. Dalam pengumpulan data, beberapa metodologi digunakan iaitu metode wawancara, metode observasi, metode partisipasi/penyertaan (metode ikut serta), metode dokumentasi, dan metode analisis data terdiri dari metode induktif, metode deduktif, metode dokumentasi dan metode komparatif. Hasil kajian mendapati bahawa faktor utama ke arah pelaksanaan dialog antara agama di Malaysia adalah disebabkan oleh pelaksanaan Dasar Islamisasi yang digagaskan oleh pihak kerajaan pada tahun 1982.<sup>28</sup> Selain itu, kajian beliau mendapati beberapa bentuk aplikasi yang dilaksanakan iaitu seminar/persidangan, syarahan/kuliah umum, projek/aktiviti usaha sama, kursus/kelas pengajian agama-agama, majlis dialog/forum dan bengkel. Kajian juga mendapati penglibatan organisasi Islam dan masyarakat Muslim amat rendah berbanding dengan organisasi bukan Islam dan masyarakat Muslim dalam pelaksanaan dialog antara agama. Justeru kajian ini hanya memfokuskan aplikasi dialog antara agama yang dikelolakan oleh Inter-Faith Spiritual Fellowship dan Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya.

Dalam kajian mengenai “Bicara Al-Qardawi Tentang Islam Dan Hubungannya Dengan Agama Lain Dalam Konteks Mengharmonikan Kehidupan Beragama Di Malaysia,” telah menegaskan bahawa dialog antara agama perlu digerakkan selaras dengan ajaran al-Qur'an yang mengiktiraf kedudukan manusia, dijalankan secara

---

<sup>28</sup> Khairulnizam Mat Karim (2005), *Realiti Aplikasi Dialog Antara Agama Di Malaysia: Kajian Terhadap Inter-Faith Sprituiul Fellowship (INSAF) dan Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, (Disertasi yang tidak diterbitkan).

‘hikmah’ dan bijaksana, tidak diadakan dengan orang-orang zalim dan melampaui batas, memiliki pengetahuan yang sempurna dan dialog harus berdasarkan kejujuran.<sup>29</sup>

Dialog antara Agama juga diperjelaskan dalam kajian bertajuk Beberapa Pengamatan Awal Hubungan Islam dan Kristian di Malaysia: Cabaran Interaksi dan Dialog Antara Agama.<sup>30</sup> Kajian ini menyorot kembali sejarah Islam dan Kristian pada zaman Kolonial yang menampakkan kegagalan usaha Kristianisasi ke atas orang Islam. Walaupun usaha mereka kurang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat Melayu, tetapi pada zaman ini mereka tidak menerima dasar Islamisasi yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan. Di dalam hal ini pendekatan dialog antara agama diharapkan dapat mengharmonikan suasana kehidupan masyarakat beragama di Malaysia.

Pendekatan dakwah non-Muslim juga turut dibahaskan oleh Prof. Dr. Ab. Aziz bin Mohd Zin dalam bukunya, Metodologi Dakwah, yang mengandungi lapan bab. Pendekatan dakwah non Muslim disentuh di dalam bab keempat halaman 86-124. Beliau mengemukakan tiga asas pendekatan dakwah non-Muslim yang perlu digarap oleh para pendakwah iaitu membina kepercayaan kepada sumber isi, membina asas kepercayaan, dan menghilangkan kesamaran dan masalah yang dialami oleh sasaran.<sup>31</sup> Berdasarkan teori pendekatan, penulis tertarik untuk mengembangkan usul dakwah non-Muslim dengan menggunakan pendekatan dan aplikasi disiplin Ilmu Perbandingan Agama.

---

<sup>29</sup> Mohamad Kamil Hj. Ab.Majid,dan Moh Fauzi Hamat,“Bicara Al-Qardawi Tentang Islam Dan Hubungannya Dengan Agama Lain Dalam Konteks Pengharmonian Kehidupan Beragama Di Malaysia”, dalam Khadijah Mohd Khambali@ Hambali et.al (2008) *Isu Dan Cabaran Hubungan Antara Agama Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam ,Universiti Malaya, h.55

<sup>30</sup> Azmi Shah Suratman, Sayed Muhsain Sayed Ahmad dan Kamarul Azmi Jasmi, “Beberapa Pengamatan Awal Hubungan Islam dan Kristian di Malaysia: Cabaran Interaksi dan Dialog Antara Agama,” dalam *Ibid.* h.63

<sup>31</sup> Ab.Aziz Mohd zin (2001), *Metodologi Dakwah*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 86-124

Kajian Yusri Abu (2004) mengenai *Kefahaman Akidah di Kalangan Saudara Baru di Kuala Lumpur* juga dirujuk. Kajian beliau memfokuskan tahap kefahaman akidah Saudara Baru selepas memeluk Islam dan sebab-sebab mereka tidak mampu untuk memahami sesuatu perkara berkaitan ajaran Islam. Hasil kajian mendapati 80.74% Saudara Baru mengetahui prinsip-prinsip asas akidah dan terdapat sebahagian sahaja (44.44%-61.48%) mengetahui perkara lebih khusus mengenai akidah seperti mukjizat, alam barzakh, padang mahsyar dan *ṣirāt al-Mustaqim*.<sup>32</sup>

Begitu juga *Kajian tentang Saudara Baru Cina di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur* yang dilakukan oleh Dr. Amran Kasimin. Fokus kajian adalah untuk melihat permasalahan yang dihadapi oleh Saudara Baru berketurunan Cina serta untuk mengetahui sejauh mana penghayatan mereka terhadap Islam. Hasil kajian ini mendapati badan dan organisasi berkaitan seharusnya memainkan peranan yang penting dalam memberi kefahaman dan pengetahuan kepada Saudara Baru mengenai Islam.<sup>33</sup>

*Kajian Orang Asli di Pendalaman* juga mendedahkan bahawa di antara cabaran dan masalah orang Asli adalah untuk menyesuaikan diri dengan agama baru. Hal ini kerana kepercayaan dan adat pegangan asal didapati masih menebal dalam kalangan mereka.<sup>34</sup> Di dalam hal ini, para pendakwah perlu menyesuaikan diri dengan hikmah dan kebijaksanaan kerana Orang Asli beranggapan sikap orang Melayu adalah kurang baik.<sup>35</sup>

---

<sup>32</sup> Yusri Abu ( 2004), *Kefahaman Akidah di kalangan Saudara Baru : Satu Kajian di Kuala Lumpur*, Kuala Lumpur: Pengajian Usuluddin, Universiti Malaya,(Disertasi yang tidak diterbitkan)

<sup>33</sup> Amran Kasimin (1985) *Saudara Baru di Wilayah Persekutuan dan Selangor*, Selangor: UKM Bangi.

<sup>34</sup> Othman Hj.Ibrahim (1995), *Mekanisme Dakwah, Pendekatan Kepada Masyarakat Pendalaman*. Kota Baharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

<sup>35</sup> Abdul Ghafar Hj.Don (1998), “Metodologi Dakwah Terhadap Masyarakat Orang Asli: Pengalaman Pengislaman di Paya Sendayan, Temerloh Pahang”, dalam Abdul Ghafar Hj.Don et.al (eds), *Dakwah kepada Non-Muslim di Malaysia: Konsep, Metode dan Pengalaman*, Selangor: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Di antara pendekatan dakwah yang digunakan untuk menarik minat Orang Asli memeluk Islam ialah pendekatan ziarah, Klinik Kesihatan, sukaneka, gotong-royong, makan bersama, mengadakan upacara kesenian, pendidikan kanak-kanak, demonstrasi kesihatan, masakan dan gubahan, dan aktiviti kerohanian. Selain pendekatan ini, Orang Asli memeluk Islam bukanlah tertarik dengan kebaikan Islam yang disampaikan melalui lisan semata-mata tetapi mereka tertarik dengan kelakuan terpuji yang ditonjolkan oleh pendakwah itu sendiri.<sup>36</sup>

Berdasarkan sorotan kajian mengenai pendekatan dakwah non-Muslim di Malaysia, pengkaji mendapati bahawa masih lagi terdapat kekurangan di dalam menyampaikan seruan dakwah. Aspek-aspek pendekatan dakwah yang diguna pakai adalah tidak menyeluruh. Terutamanya dari sudut pemahaman akidah yang benar dan mantap. Pendekatan yang dilaksanakan lebih bersifat dakwah *bi al-hal* yang turut penting dalam pendekatan dakwah non-Muslim. Adalah lebih baik kombinasi dakwah *bi al-hal* dan dakwah dengan menggunakan pendekatan Ilmu Perbandingan Agama.

Penulis juga merujuk satu kajian yang telah dibuat oleh Yunus Abdullah bin Ma Zheng mengenai *Persepsi Orang Cina di Kuala Terengganu terhadap Agama Islam*.<sup>37</sup> Melalui kajian ini menggambarkan bahawa sebahagian masyarakat Cina non-Muslim mempunyai persepsi negatif terhadap kesucian dan kesempurnaan ajaran Islam. Kebanyakan masyarakat Cina di Kuala Terengganu mempunyai persepsi yang salah tentang Islam akibat dari pemerhatian yang sempit melalui aspek-aspek negatif yang wujud dalam kalangan masyarakat Melayu dan Cina yang beragama Islam. Hal ini yang

<sup>36</sup> Che Yusoff Che Mamat (2004), "Pendekatan Dakwah kepada Orang Asli suku Semai di Kampung Sungai Rail, Raub, Pahang," dalam *Jurnal Islamiyyat* bil.25, Bangi Selangor : Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>37</sup> Abdullah bin Ma Zheng ( 2001) *Persepsi Orang Cina di Kuala Terengganu Terhadap Agama Islam*, Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.(Disertasi yang tidak diterbitkan)

menyebabkan mereka menolak Islam. Di dalam kajian ini, penulis mendapati pengkaji lebih memfokuskan persepsi masyarakat non-Muslim khususnya masyarakat Cina Kuala Terengganu, tanpa melihat aspek-aspek yang perlu diberi penekanan di dalam menyelesaikan masalah tersebut. Walau bagaimanapun melalui kajian ini jelaslah bahawa terdapat kelemahan yang ketara dalam kalangan umat Islam yang tidak mengambil berat pendekatan dakwah di dalam menjelaskan kebenaran Islam ke atas masyarakat non-Muslim.

Sebagai landasan berfikir di dalam melihat perkembangan ABIM di dalam dunia dakwah, penulis turut menyorot kembali sebuah kajian yang dilakukan oleh Badlihisham Mohd Nasir yang bertajuk *Ketokohan dan Pemikiran Dakwah Dato' Dr. Siddiq Fadhil*.<sup>38</sup> Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan mendapati bahawa Dato' Dr. Siddiq Fadhil mempunyai karisma dan ketokohan di dalam memimpin dan mengurus ABIM dengan baik dan cemerlang. Dalam masa yang sama beliau dapat membuktikan bahawa ABIM merupakan sebuah badan gerakan dakwah yang bebas (non partisan) telah berjaya melebarkan sayap dakwahnya di peringkat nasional dan juga antarabangsa. Melalui kajian ini, penulis dapat melihat bagaimana persepsi pemimpin ABIM di dalam menanggapi persoalan dakwah kepada non-Muslim. Nyatalah bahawa kepimpinan ABIM memang berhasrat untuk menarik minat kaum Cina dan India untuk memahami Islam serta memeluknya. Oleh itu, sorotan kajian ini menjadi titik-tolak kepada penulis untuk melihat sejauh mana kewajaran aplikasi Ilmu Perbandingan Agama sebagai pendekatan dakwah kepada non-Muslim.

---

<sup>38</sup> Badlihisham Mohd Nasir, *Op.Cit.*

## **1.7 Metodologi Penyelidikan**

Di dalam perbahasan mengenai ‘Aplikasi Ilmu Perbandingan Agama Dalam Pendekatan Dakwah Non Muslim: Kajian Terhadap Program Islamic Outreach ABIM,’ pengkaji menggunakan beberapa pendekatan atau metode yang dapat memecahkan permasalahan dan objektif kajian yang dikemukakan. Secara umumnya kajian yang dilakukan adalah berbentuk kualitatif dan kuantitatif. Kajian kualitatif bermaksud satu kajian yang tidak memerlukan data numerika.<sup>39</sup> Hal ini adalah kerana kajian ini lebih memfokuskan bidang kemasyarakatan keagamaan yang bersifat memberi dan meningkatkan kefahaman sebagai tujuan kajian. Oleh itu, data-data yang bersifat primer dan sekunder adalah perlu di dalam melengkapkan kajian ini. Pun begitu, kajian turut melihat pendekatan kuantitatif khasnya dari aspek peratus kefahaman non-Muslim melalui pendekatan dakwah berteraskan Ilmu Perbandingan Agama. Ini bererti kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif dan kuantitatif.

### **1.7.1 Teknik Pengumpulan Data**

Teknik pengumpulan data sama ada primer dan sekunder dapat diperolehi dari sumber bacaan di perpustakaan. Melalui sumber perpustakaan penulis menelaah kitab-kitab dan buku-buku rujukan yang membicarakan tentang aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah non Muslim. Selain itu jurnal-jurnal atau disertasi dan tesis juga dilihat sebagai panduan di dalam menentukan skop dan masalah kajian.

Selain daripada itu, temu bual tidak berstruktur akan dijalankan ke atas responden-responden yang telah ditentukan berdasarkan kepentingan kajian. Responden yang ditentukan ialah presiden ABIM, mantan presiden, pegawai pengurus Islamic Outreach ABIM, dan sukarelawan Islamic Outreach ABIM yang terlibat secara

<sup>39</sup> Chua Yan Piaw (2006), *Kaedah dan Statistik Penyelidikan, Buku 1, Kaedah Penyelidikan*, Kuala Lumpur: Mc Graw Education, h. 9

langsung atau tidak langsung di dalam menggerakkan usaha dakwah kepada masyarakat non-Muslim. Rasional pemilihan responden adalah seperti berikut:

- i. Presiden ABIM merupakan pemimpin atasan yang bertanggungjawab dalam menentukan arah tuju pendekatan dakwah yang disampaikan kepada kelompok sasaran khususnya masyarakat non-Muslim.
- ii. Sumbangan idea pemikiran mantan presiden ABIM dalam memperkasa dunia dakwah menjadi titik permulaan usaha ABIM di dalam pendekatan dakwah non-Muslim.
- iii. Pengurus Islamic Outreach ABIM bertanggungjawab menyusun dan menyelia program pengajian Saudara Baru, program khidmat Orang Asli, dialog antara agama dan lain-lain program berkaitan.

Marshall & Rossman Mc Leod menjelaskan bahawa temu bual merupakan salah satu daripada kaedah utama dalam penyelidikan kualitatif.<sup>40</sup> Temu bual tidak berstruktur adalah fleksibel dan meluas dan tidak berpandukan kepada skrip soalan yang telah disusun. Bagi menarik perhatian responden di dalam menjawab persoalan yang dikemukakan, penulis telah memulakan dengan suatu rangsangan umum yang berfokus kepada sasaran yang dikaji. Jadi dalam hal ini responden tidak terikat dengan skrip soalan. Responden bebas dan berasa selesa untuk menjelaskannya persepsinya terhadap kepentingan Ilmu Perbandingan Agama. Oleh itu, penulis membina soalan-soalan lanjutan mengikut keperluan semasa.

---

<sup>40</sup> Marshall, Catherine & Rossman, Gretchen B (1998), *Designing Qualitative Research*, London: Sage Publication, h.79-89. Lihat juga Mc Leod, John (1994), *Doing Counselling Research* London: Sage Publication, h.79-85

Temu bual responden dirakam dengan menggunakan alat perakam MP4. Penggunaan alat perakam ini membantu penulis merekodkan interaksi lisan dalam kalangan responden-responden yang telah ditentukan. Perkataan dan sebutan di dalam temu bual yang sebenarnya dapat dirakamkan dengan tepat. Setelah itu, tiga langkah penting dilaksanakan untuk memperoleh data tersebut secara manual. Penulis mendengar kembali seluruh rakaman tersebut untuk mendapat gambaran umum. Seterusnya mendengar semula untuk mencari dan mengenal pasti data-data penting. Berikutnya sekali lagi penulis mendengar rakaman untuk membuat transkripsi.<sup>41</sup>

Selain metode kualitatif yang menggunakan pendekatan temu bual, penulis juga menggunakan metode kuantitatif iaitu dengan mengajukan set soal selidik kepada 70 orang saudara baru yang mengikut program pengajian Islam di Islamic Outreach ABIM.<sup>42</sup> Ini kerana penglibatan dan maklum balas terhadap program tersebut adalah merupakan *indicator* penting di dalam melihat sejauh mana aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah ini telah mempengaruhi golongan non-Muslim ini memahami pengajaran Islam yang sebenarnya.

Bentuk soal-selidik ini diabsahkan terlebih dahulu oleh penyelia sebelum diedarkan kepada 30 orang responden (saudara baru) sebagai kajian rintis. Soal-selidik diharmonikan selepas kajian rintis dan diedar kembali kepada 70 orang saudara baru di Islamic Outreach ABIM. Kemudian data-data yang dikumpulkan melalui pendekatan ini dianalisis dengan menggunakan sistem SPSS 16.1 bertujuan untuk melihat peratusan responden yang lebih memahami pengajaran Islam dengan menggunakan pendekatan Ilmu Perbandingan Agama.

---

<sup>41</sup> Transkripsi dalam kajian ini adalah merujuk kepada catatan semula dalam bentuk perkataan demi perkataan di dalam temu bual tidak berstruktur yang telah dijalankan oleh penulis.

<sup>42</sup> Pemilihan responden hanya ditentukan berdasarkan daftar kehadiran Saudara Baru yang mengikuti Kelas Pengajian Islam di Islamic Outreach ABIM, Ampang Hilir 2 pada setiap minggu. (bermula 3 April sehingga 30 Mei 2011)

### **1.7.2 Teknik Menganalisis Data**

Penulis menstrukturkan data-data secara menyeluruh tentang aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah non-Muslim. Kemudian membaca data-data serta membuat catatan yang dianggap penting untuk dianalisis. Setelah itu, penulis mengenal pasti dan mengelompokkan makna kenyataan yang sesuai dengan objektif kajian. Manakala kenyataan responden tidak relevan dihapuskan kerana tidak menepati objektif kajian. Kenyataan relevan dikumpulkan dan dijadikan tema atau isu hasil temu bual. Bagi mencari keputusan hasil kajian, penulis menggunakan metode analisis induktif dan deduktif. Analisis ini memfokuskan persepsi responden-responden yang menjelaskan aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah non-Muslim. Melalui analisis ini juga penulis membandingkan di antara data-data primer dan skunder bagi melihat sejauh mana Ilmu Perbandingan Agama telah diaplikasikan dalam pendekatan dakwah non-Muslim oleh Islamic Outreach ABIM. Data-data ini disimpulkan dan dijadikan hasil dapatan kajian.

### **1.8 Susunan Penulisan**

Kajian ini dibahagikan kepada lima bab yang didahului dengan bab Satu (Pendahuluan) yang menjelaskan secara umum latar belakang permasalahan yang menjadi isu utama dalam kajian. Isu dan permasalahan telah dirumuskan berdasarkan sorotan kajian lepas. Berdasarkan permasalahan yang dikemukakan, objektif kajian dibina dan metodologi penyelidikan dilakukan.

Bab Dua membahaskan konsep ilmu Perbandingan Agama serta kepentingannya dalam konteks kehidupan masyarakat beragama secara umum. Antara perkara-perkara yang dibahaskan ialah; takrif ilmu Perbandingan Agama, latar belakang perkembangan Ilmu Perbandingan Agama di dunia Islam dan Barat, diperkuatkan dengan dalil-dalil

bersumberkan al-Qur'an dan Hadis yang menjelaskan kewajipan mempelajari agama-agama sebagai persediaan dakwah terhadap non-Muslim. Bagi melihat realiti keperluan mempelajari Ilmu Perbandingan Agama, bab ini membahaskan tujuan dan kepentingan ilmu ini.

Bab Tiga memfokuskan pendekatan dakwah ABIM terhadap non-Muslim. Bab ini mengkaji program-program yang telah dilaksanakan oleh Islamic Outreach ABIM sejak mula ditubuhkan pada tahun 1987 sehingga kini. Terutamanya program-program yang mengandungi aspek-aspek Ilmu Perbandingan Agama dikaji satu persatu bagi memperlihatkan sejauhmana aplikasi ilmu tersebut dan keberkesanannya dalam dakwah kepada non-Muslim.

Bab Empat merupakan kajian yang berbentuk kuantitatif dan kualitatif. Kajian ini memfokuskan maklum balas saudara baru yang mengikuti Program Pengajian Islam yang mengaplikasi Ilmu Perbandingan agama yang dianjurkan oleh Islamic Outreach ABIM. Memperkuuhkan kepentingan kajian, penulis menemubual tiga orang tokoh yang merupakan individu yang terlibat secara langsung dengan kepimpinan ABIM. Dengan itu, kajian di dalam bab ini menjelaskan dan memperkuuhkan lagi aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah non-Muslim di Islamic Outreach ABIM.

Bab Lima merupakan rumusan dari keseluruhan bab. Di dalam bab ini, penulis membuat kesimpulan dari hasil kajian yang telah dilakukan dan mengemukakan cadangan bagi memantapkan pendekatan dakwah Islamic Outreach ABIM terhadap non-Muslim.

## **BAB DUA**

### **ILMU PERBANDINGAN AGAMA DAN KEPENTINGANNYA DALAM KONTEKS DAKWAH NON-MUSLIM**

#### **2.1 Pendahuluan**

Bab ini memfokuskan konsep Ilmu Perbandingan Agama dan kepentingannya dalam konteks dakwah non-Muslim. Bahasan bab ini merupakan satu pengenalan terhadap konsep Ilmu Perbandingan Agama yang dijadikan sebagai topik utama kajian yang menjelaskan bahawa mempelajari Ilmu Perbandingan Agama merupakan satu keperluan asasi bagi para pendakwah Muslim.

#### **2.2 Pengertian Ilmu Perbandingan Agama**

Dalam menjelaskan definisi Ilmu Perbandingan Agama, penulis akan melihat persepsi ilmuwan di dunia Barat dan dunia Timur. Pendefinisian Ilmu Perbandingan Agama oleh tokoh Barat dan Timur adalah untuk melihat sejauh mana perbezaan konsep ilmu tersebut.

Menurut Mukti Ali, Ilmu Perbandingan Agama adalah salah satu cabang ilmu pengetahuan yang berusaha untuk memahami gejala-gejala keagamaan dari suatu kepercayaan (agama) dalam hubungannya dengan agama lain. Pemahaman ini mencakup persamaan dan perbezaannya. Kajian ini adalah penting untuk menilai struktur asas dari pengalaman keagamaan manusia.<sup>43</sup>

Ahmad Syalaby di dalam kitābnya *Muqāranah al-Adyān* mendefinisikan Ilmu Perbandingan Agama sebagai suatu ilmu daripada ilmu pengetahuan untuk memahami

---

<sup>43</sup> A. Mukti. (1975). *Ilmu Perbandingan Agama: Sebuah Pembahasan Tentang Methodos dan Sistematik*. Yogyakarta. h. 5

gejala-gejala keagamaan yang terdapat pada sesuatu kepercayaan merangkumi persamaan dan perbezaannya.<sup>44</sup> Sementara menurut Husainy Ismail, Ilmu Perbandingan Agama merupakan suatu ilmu yang membandingkan antara satu fenomena agama dengan satu fenomena yang terdapat di dalam agama-agama lain.<sup>45</sup>

Dr. Rifqi Zahir dalam kitabnya *Qisṣat al-Adyān Dirāsat Tariqiyah Muqāranah* (Jilid 1) menyatakan bahawa Ilmu Perbandingan Agama adalah satu ilmu yang membandingkan semua agama sama ada agama *samawi*<sup>46</sup> atau agama *ardī*.<sup>47</sup> Beliau menyatakan bahawa tidak mungkin membandingkan satu agama sahaja, malah perlu mengetahui atau mempelajari semua agama untuk dibandingkan di antara satu agama dengan agama-agama yang lain.<sup>48</sup>

Sementara Imam al-Sharastani dan Ibn Hazm juga merupakan dua orang tokoh pelopor sarjana Muslim yang telah mengembangkan Ilmu Perbandingan Agama. Kedua tokoh ilmuwan ini telah menggunakan pendekatan *historis* dan *comparative* secara sistematik dalam mengkaji dan mendalami ajaran dan juga dogmatika yang terdapat di dalam sesuatu agama yang berkembang.<sup>49</sup> Sebagai contohnya Ibn Hazm dalam kitabnya *Al-faṣl fī al-Milal Wa al-Ahwā' wa al-Nihāl* telah membahagikan ajaran Kristian kepada dua bahagian iaitu, Kristian *polytheism* dan Kristian yang mempunyai

---

<sup>44</sup> Ahmad Syalaby (1978). *Muqāranah al-Adyān, al-Yahūdi*. Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah. h. 25

<sup>45</sup> Husainy Ismail(1988). *Konsepsi-Konsepsi Dasar Agama*. Darusslam Banda Aceh: Syiah Kuala Press. h. 1

<sup>46</sup> Agama yang berasal dari wahyu ilahi yang diturunkan kepada Nabi dan Rasul yang telah diutuskannya. Bermula dari nabi Adam a.s sehingga ke Nabi Muhammad s.a.w. Mempunyai ajaran yang sama iaitu mentauhidkan Allah swt. Lihat K.H. Agus Hakim (1993), *Perbandingan Agama : Pandangan Islam mengenai kepercayaan Majusi, Shabiah, Yahudi, Kristian, Hindu, Budha, Sikh* , Bandung: CV. Diponegoro, h.13

<sup>47</sup> Agama *ardī* disebut juga dengan agama tabi'e kerana timbul dari angan-angan dan khayalan manusia yang ingin mengabdi dan memuja kepada sesuatu yang dianggapnya maha kuasa atas dirinya. Bukan dari wahyu ilahi. Lihat *ibid*.

<sup>48</sup> Rifqi Zahir (1980), *Qisṣat al-Adyān Dirāsat Tariqiyah Muqāranah*, Kaherah: Darul Matbu'at al-Dawliyyah, h. 26

<sup>49</sup> A. Mukti Ali (1975), *Ilmu Perbandingan Agama*, Yogjakarta: Yayasan Nida, h.7-16

kitab yang diwahyukan.<sup>50</sup> Begitu juga Imam Sharastani di dalam kitabnya *Milal Wa al-Nihal* menampilkan Ilmu Perbandingan Agama sebagai ilmu yang dapat menggambarkan fenomena dan gejala keagamaan dengan menggunakan metode historis dan *comparative*.<sup>51</sup> Jelasnya, kedua tokoh ini menjadikan Ilmu Perbandingan Agama sebagai senjata yang berkesan bagi menolak segala ajaran agama yang bertentangan dengan Islam.<sup>52</sup>

Berdasarkan pandangan Joachim Wach, Ilmu Perbandingan Agama merupakan ilmu pengetahuan deskriptif empiris yang mempelajari, mengkaji, mentafsirkan bentuk pengalaman keagamaan di dalam pelbagai agama anutan umat manusia dengan menggunakan metode historis, sosiologis, psikologis, antropologis, fenomenologis, typologis, dan komparatif.<sup>53</sup> Metode ini digunakan untuk mengkaji secara ilmiah bentuk pengamalan keagamaan umat manusia.

Michael Pye di dalam bukunya *Comparative Religion An Introduction Through Source Materials*, menyatakan bahawa Ilmu Perbandingan Agama merupakan ungkapan pendek yang tepat digunakan untuk menilai kajian terhadap agama-agama tanpa terikat dengan satu kes sejarah agama. Jelasnya, Ilmu ini adalah satu ilmu pengetahuan yang menggunakan metode perbandingan untuk mencari titik persamaan dan perbezaan di antara teori-teori agama melalui sistem analisis data untuk mendapatkan kefahaman yang jelas dan tepat. Pandangan beliau dikemukakan seperti berikut:

*'The comparative study of religion,' or 'comparative religion' for short is really a phrase used to indicate the study of religion in so far as the student is not confining his attentions to a single case-history. It could be argued*

---

<sup>50</sup> M.Bahri Ghazali MA (1994), *Buku Modul, Ilmu Perbandingan Agama suatu pengenalan awal*, Jakarta: CV. Pedoman Ilmu Jaya, h.18-19

<sup>51</sup> Ibid.

<sup>52</sup> Mohammad Kamil Hj.Abdul Majid & Mohd Fauzi Hamat, "Bicara al-Qardawi Tentang Islam dan Hubungannya Dengan Agama Lain Dalam Konteks Kehidupan Beragama di Malaysia," *Op.cit.* h.55

<sup>53</sup> Joachim Wach (1958), *The Comparative Study of Religions*. Djamanuri (terj.) c. 1. (1984), Jakarta: CV. Rajawali, h. 3-8

*that every student of religion should be concerned with comparative religion simply because the consideration of data analogous to those with which he is primarily concerned may contribute to his understanding of the latter. Moreover, any general view or theory of religion must take into account the similarities and dissimilarities between specific religions, and hence is dependent on comparative study.* ”<sup>54</sup>

Reinhard Pummer melihat bahawa Ilmu Perbandingan Agama bersinonim dengan dialog antara agama. Hal ini kerana ilmu ini dapat menyumbang ke arah dialog antara agama yang lebih kognitif, objektif dan efektif.

*“For the practice of interreligious dialog, then, three considerations are of the utmost importance. Despite everything that has been said and written about dialogue it is necessary to emphasize them time and again. These three issues concern the cognitive, the affective, and the objective aspects of dialogue.”<sup>55</sup>*

Berdasarkan pandangan ini, didapati beliau lebih cenderung mengaplikasikan pendekatan dialog antara agama di dalam mengkaji gejala-gejala atau fenomena-fenomena yang terdapat di dalam sesuatu agama. Hal ini adalah berbeza dengan pendekatan yang digunakan oleh Joachim Wach dan Michael Pye dalam membentuk disiplin Ilmu Perbandingan Agama.

Merujuk kepada definisi-definisi yang dikemukakan oleh beberapa orang tokoh Ilmu Perbandingan Agama di dunia Barat dan Timur di atas, dapatlah disimpulkan bahawa Ilmu Perbandingan Agama merupakan satu ilmu yang memfokuskan pengkajian terhadap agama-agama yang wujud dan berkembang di atas muka bumi ini. Dunia Barat mengembangkan ilmu ini dengan beberapa pendekatan ilmiah untuk mengkaji aspek kehidupan masyarakat beragama di seluruh dunia. Sebagai contohnya pendekatan sosiologi, antropologi, historis, fenomenologi, psikologi, dan *comparative*

---

<sup>54</sup> Michael Pye (1972), *Comparative Religion An Introduction Through Source Materials*, Great Britain: David & Charles Limited Newton Abbot Devon, h. 8.

<sup>55</sup> R.Pummer, “Research In Comparative Religion-Implication For Interfaith Dialogue” dalam Amarjit Singh Sethi et.al (1979), *Comparative Religion*, New Delhi Bomby: Vikas Publishing House Pvt Ltd, h.1

telah digunakan oleh ilmuwan Barat secara ilmiah.<sup>56</sup> Sementara di dunia timur, Islam dijadikan sebagai neraca pengukuran dan panduan di dalam melihat aspek-aspek perbandingan yang terdapat di dalam agama-agama lain. Aspek-aspek perbandingan merangkumi konsep dasar dalam sesuatu agama seperti konsep sembahyang, dosa, pahala, neraka, syurga, puasa, dan sebagainya. Jelasnya, metode perbandingan diterapkan di dalam ilmu ini untuk menjelaskan kebenaran agama Islam secara ilmiah dan bijaksana.

### **2.3 Latar Belakang Ilmu Perbandingan Agama**

Dalam perbahasan latar belakang Ilmu Perbandingan Agama, penulis melihat sejarah perkembangan ilmu ini di dunia Timur dan Barat. Perbahasan ini penting untuk meninjau asal usul ilmu ini dikembangkan. Apakah sebab musabab ilmu ini dikembangkan oleh para sarjana di dunia Timur dan Barat?

#### **2.3.1 Dunia Timur**

Di dunia Islam para sarjana Islam telah berusaha mengembangkan semula Ilmu Perbandingan Agama mengikut kesesuaian realiti semasa yang lebih menjurus ke arah perkembangan dunia dakwah Islamiah. Dalam erti kata lain, Ilmu Perbandingan Agama telah dijadikan senjata ofensif untuk menjawab segala pertuduhan yang dilemparkan oleh agama-agama non-Muslim. Oleh sebab itu, sumber Ilmu Perbandingan Agama adalah merujuk kepada al-Qur'an, Hadis, dan sejarah Nabi. Ketiga sumber ini sebenarnya menjadi rujukan dan panduan para sarjana Islam untuk mengembangkan Ilmu Perbandingan Agama mengikut acuan pemikiran Islam tulen. Jelasnya ilmu ini

---

<sup>56</sup> Kajian agama secara ilmiah menurut Pemikiran Barat ialah mempelajari dan mengkaji kewujudan agama-agama di dunia dengan menggunakan pendekatan yang bersifat saintifik. Dalam erti kata lain mengkaji apa sahaja yang terdapat di dalam kepercayaan sesuatu agama yang dianuti secara objektif kerana untuk melihat sejauhmana perbezaan dan persamaan yang terdapat di dalam sesuatu agama. Maka sebab itulah disiplin Ilmu Perbandingan Agama berprinsipkan ‘Agree In Disagreement’ (setuju dalam ketidak persetujuan), Lihat Husainy Ismail *Op.Cit.*, h. 2

berkembang selepas kedatangan Islam yang dibawa oleh junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w.<sup>57</sup> Pada zaman Nabi Muhammad s.a.w. dakwah ke atas kaum Musyrikin (non-Muslim) memang giat dijalankan. Pada ketika itu puak Yahudi dan Kristian telah wujud di bumi Mekah dan Madinah. Kedua puak ini merupakan golongan yang diistilahkan sebagai Ahli Kitab<sup>58</sup> yang telah merubah isi kandungan kitab Injil dan Taurat. Golongan ini tidak mengakui kenabian dan kerasulan Muhammad s.a.w. dan tidak mentauhidkan Allah. Namun Nabi Muhammad s.a.w. tetap menjalankan dakwah ke atas mereka dengan pendekatan *mujādalah* dan dialog<sup>59</sup> mengenai kebenaran agama Islam dan penjelasan terhadap penyelewengan agama mereka. Dalam hal ini, jelas memperlihatkan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. menguasai ajaran-ajaran agama Ahli Kitab yang telah diselewengkan Yahudi dan Kristian. Sejarah perjuangan dakwah Nabi Muhammad s.a.w. dan Nabi-nabi terdahulu yang dirakamkan di dalam al-Qur'an dan Hadis telah dijadikan asas utama oleh para ulama dan para sarjana Muslim untuk mengembangkan Ilmu Perbandingan Agama.

Salah satu faktor mengapa dunia Islam sangat berminat untuk mengembangkan Ilmu Perbandingan Agama ialah merujuk kepada faktor histori dan antropologi agama. Sudut histori dan antropologi agama dapat dilihat dari pertalian dan hubung kait antara agama Islam, Yahudi, Kristian dan agama ciptaan manusia. Paling ketara kitab Taurat

---

<sup>57</sup> Ahmad Syalaby (1978), *Op.Cit.*, h. 25

<sup>58</sup> ‘Ahli Kitab’ bererti Yahudi dan Kristian. Lihat maksud surah Ali ‘Imran: 64, “Hai Ahli kitab, marilah berpegang kepada suatu kalimah (ketetapan) yang tidak ada perselisihan antara kami dan kamu, bahawa tidak ada yang kami sembah kecuali Allah dan tidak kami persekutukan dia dengan sesuatu pun dan tidak (pula) sebahagian kami menjadikan sebahagian lain sebagai Tuhan selain Allah. Jika mereka berpaling maka katakanlah kepada mereka, “saksikanlah, bahawa kami adalah orang-orang yang berserah diri kepada Allah”. Ayat ini ditujukan kepada puak Yahudi dan Kristian yang telah merombak-rungkai ayat-ayat Allah yang terkandung dalam kitab Injil dan Taurat. Lihat Ahmad Deedat, (Terj.)(2010) *The Choice Dialog Islam & Kristian*, Petaling Jaya: Kharisma Network Sdn. Bhd. h. 131

<sup>59</sup> Konsep *mujadalah* dan dialog bertujuan menjelaskan konsep ketuhanan dan peribadatan yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Rujuk al-Baqarah (2): 255, al-Qasas (28): 88, al-Mukminun (23): 91, Sad (38): 5; Lihat Ahmad Zaki Berahim@ Ibrahim, “Pemikiran Ibn Hazm Mengenai Hubungan Antara Agama dan Dialog Peradaban: Analisis Pada Era Pemerintahan Bani Umayyah Di Andalus” dalam Wan Suhaimi Wan Abdullah et.al (1997), *Konsep Asas Islam Dan Hubungan Antara Agama*, Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 214-215

dan Injil yang diwahyukan Allah s.w.t. kepada Nabi Musa a.s dan Isa a.s telah diubah dan ditokok tambah oleh golongan Yahudi dan Kristian yang disebut sebagai Ahli Kitab. Sementara umat Islam wajib mempercayai dan meyakini Taurat dan Injil. Sikap Yahudi dan Kristian yang telah menyelewengkan isi kandungan Taurat dan Injil perlu dipertanggungjawabkan oleh Islam untuk menyatakan kebenaran yang sebenar. Justeru, realiti dan situasi zaman berzaman inilah yang menyebabkan Ilmu Perbandingan Agama dianggap sebagai ilmu utama yang dikenali dalam sejarah pengajian Islam.<sup>60</sup>

Kegemilangan Dunia Islam di dalam bidang Ilmu Perbandingan Agama telah melahirkan para ilmuwan Muslim, dan ulama-ulama yang telah mengembangkan Ilmu Perbandingan Agama. Berpandukan kronologi sejarah perkembangan Ilmu Perbandingan Agama adalah berlatarbelakangkan usaha-usaha dan sumbangaan tokoh-tokoh ilmuwan Muslim dan para ulama' dalam mengarang kitab-kitab berkaitan *Muqāranah al-Adyān*. Kronologi sejarah sumbangaan dan usaha mengembangkan disiplin Ilmu Perbandingan Agama di dunia Islam adalah seperti berikut:<sup>61</sup>

- i. *al-Jāhiẓ* (m.255 H) kitābnya yang berjudul *Fī al-Radd 'ala al-Nasārā*.
- ii. *al-Nubakhti* (m.302H) yang mengarang kitāb *al-Ara' wa al-Diyānāt*.<sup>62</sup>
- iii. *al-Mas'ūdī* (m 310H) kitābnya *al-Ārā' wa al-Diyānāt*.
- iv. *Abū Mansūr al-Baghdādī* (m429) kitābnya *al-Farq bayn al-Firāq*.

<sup>60</sup> Ahamad Shalabi, Dr. (1989), *Tārīkh al-Manāhij al-Islāmiyyah*, Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, h. 98

<sup>61</sup> Muhammad Diya' al-Rahman al-Azami (1988) *al-Yahūdiyyah wa al-Māsihiyyah*, al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-Dar, h. 25-28.

<sup>62</sup> Dalam kalangan para pengkaji agama berpendapat bahawa Ilmu Perbandingan Agama dimulakan oleh al-Nubakhti (m.302H) yang mengarang kitab *al-Āra' wa al-Diyānāt*. Tetapi dengan berpandukan kronologi sejarah didapati karya *al-Jahiz* (m.255 H) kitabnya yang berjudul *Fī al-Radd 'ala al-Nasārā* juga dianggap paling awal daripada *al-Nubakhti*. Lihat Ahmad Zaki Berahim@ Ibrahim, *Op.Cit.*, h. 245

- v. *al-Birūnī* (m440) kitābnya *Tahqīq mā li al-Hind min Maqūlah Maqbūlah fī ‘Aql wa Mardhūlah.*
- vi. *Ibn Hazm* (m 456 H) kitābnya *al-Fasl fī al-Milāl wa al-Ahwā’ wa al-Nihāl*
- vii. *al-Shahrastānī* (m 548 H) kitābnya *al-Mīlāl wa al-Nihāl*
- viii. *Abū Ubaydah al-Khazraji* (m 582 H) kitābnya *Bayn al-Māsihiyyah wa al-Islām.*
- ix. *Ibn Taymiyyah* (m 728 H) kitābnya *al-Jāwāb al-Sahīh li man Baddala Dīn al-Masīh*
- x. *Ibn Qayyim al-Jawziyyah* (m 751 H) kitābnya *Hidāyah al-Hiyārī fī Ajwībah al-Yahūd wa al-Nasārā.*

Prof. Dr. H.A. Mukti Ali, pakar Ilmu Perbandingan Agama Indonesia berpendapat bahawa Ali ibn Hazm atau Muhammad Abd Karim al-Syahrastani merupakan pelopor Ilmu Perbandingan Agama Dunia Timur. Beliau merujuk kepada dua buah kitab masyhur iaitu: *al-Fasl fī al-Mīlāl wa al-Ahwā’ wa al-Nihāl* karangan *ibn Hazm* dan *al-Mīlāl wa an-Nihāl* karangan al-Syahrastānī.<sup>63</sup>

Namun kegembilangan dunia Islam mengembangkan disiplin Ilmu Perbandingan Agama terbantut disebabkan beberapa faktor. Dalam hal ini Dr. Ahmad Syalaby telah mengemukakan empat punca utama sebab-sebab kelemahan Ilmu Perbandingan Agama di Dunia Islam.<sup>64</sup> Antaranya ialah: (1) Keruntuhan sistem istana Raja dan Khalifah kerana disebabkan oleh penglibatan non-Muslim dalam pemerintahan; (2) Kesan dari perperangan Salib yang menyebabkan hilangnya sikap ‘bertasamuh’ di antara Islam dan

---

<sup>63</sup> Burhanuddin Daya, “Kuliah Ilmu Perbandingan Agama Pada Institut Agama Islam Negeri (IAIN)” dalam Burhanuddin Daya & Herman Leonard Beck ed.all (1990), *Ilmu Perbandingan Agama di Indonesia dan Belanda*, Jakarta: Indonesia-Netherlands Cooperation in Islamic, h. 181

<sup>64</sup> Ahmad Syalaby, *Op.cit.*, h. 29-30

non-Muslim; (3) Faktor taksub mazhab fiqh; (4) Sebahagian orang Islam menolak kepentingan Ilmu Perbandingan Agama. Berdasarkan faktor-faktor kelemahan perkembangan Ilmu ini di dunia Islam telah membuka peluang kepada sarjana barat untuk mengembangkan ilmu tersebut di Barat.

Selepas perkembangan di dunia Barat, barulah kemudiannya para pelajar yang menuntut ilmu tersebut di Barat menyedari kepentingan ilmu tersebut dan berusaha untuk mengaplikasikannya semula dalam pendekatan dakwah non-Muslim di negara-negara Muslim. Antara usaha tersebut telah meletakkan ilmu tersebut di beberapa institusi pengajian tinggi. Sebagai contohnya di Malaysia, ilmu ini dikembangkan dengan menawarkan pengajian Perbandingan Agama di peringkat ijazah dasar dan ijazah tinggi. Pusat Pengajian Tinggi Awam yang menawarkan Pengajian Agama ialah Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Universiti Malaya, Jabatan Usuluddin dan Falsafah Universiti Kebangsaan Malaysia, Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Agama Universiti Islam Antarabangsa dan lain-lain Universiti di Malaysia.<sup>65</sup> Pun begitu, kepentingan ilmu ini semakin terserlah apabila terlaksananya program-program dialog antara agama yang dianjurkan badan-badan NGO di Malaysia. Sekitar tahun 90-an telah tertubuhnya Interfaith Spritual Dialogue (INSAF), Fostering Interreligious Encounters (FIRE), Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya (PDP), International Movement For Just World (JUST) dan tahun 2000 Malaysian Interfaith Network (MIN) dan Akademi Kajian Ketamadunan (AKK).<sup>66</sup> Justeru, realiti perkembangan Ilmu Perbandingan

---

<sup>65</sup> Penulis melihat bidang Ilmu Perbandingan Agama adalah berkaitan dengan Pengajian Falsafah dan Falsafah Islam di IPTA Malaysia. Lihat Wan Suhaimi Wan Abdullah, “Pengajian Falsafah Islam Di Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia: Sukatan, Masalah dan Cabaran Pengajian” dalam Mohd. Fauzi Hamat et.al (2007), *Pengajian Islam di Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 36-37

<sup>66</sup> Peranan Dialog Antara Agama ialah mengharmonikan kerukunan hidup beragama dan toleransi beragama di Malaysia. Lihat Khadijah Mohd Khambali @Hambali, “Islam Agama Rahmah” Dan Toleransi Beragama: Realiti dan Cabaran, dalam Khadijah Mohd Khambali et.al (2008), *Isu dan Cabaran Hubungan Antara Agama Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 7

Agama di Malaysia menampakkan kesegaran kajian ilmiah agama-agama dapat dimanfaatkan sebagai wacana dakwah Islamiah.

Indonesia juga menerapkan pengajaran Ilmu Perbandingan Agama di pusat-pusat pengajian tinggi. Jelasnya, Institut Agama Islam Negeri (IAIN) seluruh Indonesia telah menawarkan pengajaran ilmu ini di Fakulti Usuluddin Jurusan Ilmu Perbandingan Agama. Pada tahun 1961, ilmu ini telah mula diajarkan di Fakulti Usuluddin, Jurusan Ilmu Perbandingan Agama, Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Sunan Kalijaga Yogyakarta. Selepas itu, pada tahun 1964 sebuah buku yang bertajuk Ilmu Perbandingan Agama (Sebuah Pembahasan Tentang Metode Dan Sistem) karangan Dr. Mukti Ali telah diterbitkan. Kemudian pada tahun 1986 disusuli dengan penerbitan sebuah buku baru yang bertajuk Ilmu Perbandingan Agama di Indonesia hasil karangan Dr. Mukti Ali.

Menurut Burhanuddin Daya, Indonesia mempunyai buku sejarah agama yang tertua yang telah dijadikan sebagai bahan rujukan dan kajian. Beliau menyatakan bahawa pertengahan abad ke-17, Nuruddin ar-Raniry (m.1685) telah mengarang sebuah kitab (*Tibyan fī Ma'rifat al-Adyān*) yang membicarakan asal-usul agama dari Adam a.s sehingga Nabi Isa a.s.<sup>67</sup>

Namun perkembangan ilmu ini di Indonesia pada peringkat awalnya adalah kurang terserlah. Menurut M. Darojat Ariyanto terdapat beberapa faktor yang menyebabkan Ilmu Perbandingan Agama kurang berkembang di Indonesia. Antara faktornya ialah:<sup>68</sup> (1 ) Kekurangan bacaan ilmiah; (2) Kekurangan penelitian ilmiah; (3) Kekurangan diskusi akademi; (4) Tahap penguasaan bahasa asing dalam kalangan

---

<sup>67</sup> Burhanuddin Daya, *Op.Cit.*, h. 34

<sup>68</sup> M. Darojat Ariyanto (2007), *Ilmu Perbandingan Agama (Isi, Perkembangan dan Manfaat Bagi Seorang Muslim)*, Jakarta: h.9

pensyarah dan mahasiswa masih rendah; (5) Pemikiran ulama di Indonesia tentang Islam lebih memfokuskan bidang fiqh; (6) Memandang negatif terhadap Ilmu Perbandingan Agama yang dikembangkan di Barat. Manakala Dr. Mukti Ali berpendapat bahawa para peserta kuliah Ilmu Perbandingan Agama kurang menguasai ilmu-ilmu bantu (Sejarah, Sosiologi, Antropologi dan Arkeologi,) dan kurang menguasai bahasa asing.<sup>69</sup> Walaupun bagaimanapun, sehingga kini ilmu ini telah berkembang pesat dan masih dipelajari di Institut Agama Islam Negeri (IAIN) seluruh Indonesia. Malah ilmu ini diutamakan dengan mewujudkan satu Jurusan Ilmu Perbandingan Agama yang berada di bawah Fakulti Usuluddin.<sup>70</sup>

### **2.3.2 Dunia Barat**

Disiplin Ilmu Perbandingan Agama di dunia Barat telah dikenal pasti sejak beberapa abad sebelum kelahiran Jesus. Buktinya, telah lahir para pengkaji Barat, antaranya Herodotus (481 SM), Beroros (250 SM), Cicero (106-38 SM), Sallustius (86-34 SM) telah memberikan sketsa berhubung sejarah berbagai agama dan menggambarkan adab kebiasaan bangsa-bangsa lain yang diketahuinya pada waktu itu. Strabo (63SM-21M) telah menulis dengan kritis agama-agama di dunia Timur. Ia diikuti oleh Varro (116-27 SM) dan Tacitus (55-117M).<sup>71</sup> Begitu juga dengan sejarah Marco Polo (1254-1324M) yang telah menjelajahi Asia Tengah pada tahun 1271 dan Negeri Tiongkok pada tahun 1275 telah menulis tentang agama-agama Timur di Eropah pada masa itu.<sup>72</sup>

Ilmu Perbandingan Agama di dunia Barat dikenali dengan nama pelbagai nama. Antaranya ialah *Allgemeine Religionswissenschaft, Science of Religions, The History of Religions, Comparative Studies of Religion, Phenomenology of Religion, Historical*

---

<sup>69</sup> A.Mukti Ali. *Op.Cit.*, h. 17-21

<sup>70</sup> *Ibid.*

<sup>71</sup> M. Darojat Ariyanto, *Op.Cit.*, h. 20

<sup>72</sup> *Ibid.*, h. 23

*Phenomenology, The Study of World Religions, The Comparative Study of Religions, Systematic Science of Religion, Vergleichende Religionswissenschaft.*<sup>73</sup> Nama-nama ilmu ini adalah berdasarkan kepada perkembangan Ilmu Perbandingan Agama di Dunia Barat yang lebih bersifat objektif.

Penggunaan istilah Ilmu Perbandingan Agama di dunia Barat agak mengelirukan kerana para tokoh Barat mempunyai persepsi yang berbeza di dalam mendefinisikan konsep ilmu tersebut. Istilah ‘*The Comparative Religion Study of Religion*’ adalah ciptaan Friedrich Max Muller (1823-1900) yang merupakan pelopor Ilmu Perbandingan Agama moden Dunia Barat. Istilah ini dikomen oleh Prof. Dr. Th.P van Baaren (1912-1989) dan Prof. Dr. L.Leertouwer (1932) dengan menyatakan bahawa istilah tersebut terlalu menekankan aspek perbandingan ilmu daripada aspek penjelasan ilmu agama.<sup>74</sup>

Kepelbagaian konsep Barat di dalam mengembangkan Ilmu Perbandingan Agama telah melahirkan para pengkaji yang lebih rasional mencari kebenaran. Contohnya, pada abad ke-3 seorang penulis Kristian yang bernama *Lactantius* telah mengkaji mengenai kepercayaan masyarakat beragama. Secara etimologi beliau berpendapat bahawa ‘*religio*’ adalah penyembahan kepada kebenaran dan tahayul merupakan kekeliruan.<sup>75</sup> Jelasnya, walaupun beliau seorang penganut Kristian, beliau turut mempercayai kebenaran kekuasaan Tuhan yang Maha esa.

Kepelbagaian konsep Ilmu Perbandingan Agama juga menyebabkan berlaku perubahan ke atas Ilmu Agama yang menekan aspek asal-usul agama. Pada zaman perkembangan Ilmu Perbandingan Agama moden, teori evolusi Charles R. Darwin

<sup>73</sup> Burhanuddin Daya dan Herman Leonard Beck (1990), *Ilmu Perbandingan Agama di Indonesia dan Belanda (Beberapa Permasalahan)*. Jakarta: h.30, 57, dan 165.

<sup>74</sup> Herman L. Beck, “Ilmu Perbandingan Agama dan Fenomenologi Agama: Mencari Inti Sari Agama?” dalam Burhanuddin Daya & Herman Leonard Beck ed.all (1990), *Ilmu Perbandingan Agama di Indonesia dan Belanda*, Jakarta: Indonesia-Netherlands Cooperation in Islamic,h. 50

<sup>75</sup> Richard King (1999) (Terj.) *Orientalism and Religion Postcolonial Theory, India and “The Mystic East.”* Yogyakarta: Penerbit Qalam. h.70

(1809-1882) tidak diaplikasikan di dalam karya-karya Ilmu Perbandingan Agama moden.<sup>76</sup> Oleh itu perkembangan Ilmu Perbandingan Agama dunia Barat telah menampakkan bahawa terdapat keinginan dan persepsi yang berbeza dalam kalangan para sarjana Barat berdasarkan period perkembangan seperti berikut:

- i. Pada period pertama: menggambarkan bahawa kajian-kajian agama dunia Barat lebih bersifat spekulatif dan mitologi. Hal ini dipengaruhi oleh faktor keinginan yang kuat untuk memahami agama-agama. Malah disebabkan faktor campur aduk penelitian bahasa, sejarah dan falsafah. Jelasnya, dalam period ini para sarjana Barat lebih mementingkan aspek-aspek persamaan yang mendorong mereka untuk mendapat hasil penemuan baru.
- ii. Period kedua memperlihatkan bahawa unsur spekulatif masih diberi perhatian oleh sarjana Belanda, Tiele (1896-1898). Hal ini kerana beliau juga terpengaruh dengan teori evolusi yang terdapat sejarah agama, ciritera, sosiologi dan psikologi. Antara kajian yang mengandungi unsur teori evolusi ialah: karya-karya Tylor, *Primitive Culture* (1871), Emile Durkheim, *Les Formes elementaires de la vie religieuse* (1992), dan Wilhelm Wundt, *Volkerpsychologie* (1906).<sup>77</sup> Kesan dari pengaruh evolusi lahir pula kajian yang bercorak positivistis deskripsi.<sup>78</sup> Pada period ini nilai kajian yang bersifat ‘objektif’ sangat diutamakan oleh para pengkaji barat. Oleh itu mereka lebih cenderung kepada aspek persamaan-persamaan di dalam agama yang telah membangkitkan semangat ‘pluralisme.’

---

<sup>76</sup> Herman L. Beck, *Op.Cit.*, h. 51

<sup>77</sup> *Ibid*, h. 5

<sup>78</sup> Aliran falsafah yang menganggap bahawa ilmu pengetahuan itu semata-mata berdasarkan pengalaman dan ilmu yang pasti (berlawanan dengan metafizik). Sementara deskripsi ialah keterangan yang bertujuan untuk menyampaikan gambaran mentel tentang sesuatu yang dialami. Lihat Md.Nor bin Hj.Ab.Ghani et.al (2007), *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 345

iii. Period ketiga merupakan perkembangan Ilmu Perbandingan Agama semasa meletusnya perang Dunia Pertama. Historisme menguasai metode Ilmu Perbandingan. Ernst Troeltsch, tokoh Historisme telah mengembangkan kajian terhadap agama sehingga terbentuk semula kajian bercorak filsafat dan teologi agama yang bersifat metafisis.<sup>79</sup>

Berdasarkan petunjuk ketiga period ini, penulis mendapati Ilmu Perbandingan Agama di dunia Barat terus mengalami perubahan di dalam mengembangkan kajian terhadap agama-agama dunia yang mempengaruhi kehidupan masyarakat beragama. Hal ini adalah kerana Barat sangat menekankan nilai objektif kajian. Walau bagaimanapun perkembangan di dunia Barat masih berbau nilai ‘opologi’ di dalam menilai agama-agama yang menjadi subjek kajian. Pun begitu, Ilmu Perbandingan di dunia Barat telah berkembang dengan baik kerana didokong oleh suasana dan semangat ilmiah yang baik dan sumber kewangan yang mencukupi.<sup>80</sup>

## 2.4 Tujuan Mempelajari Ilmu Perbandingan Agama

Setiap disiplin ilmu yang dikembangkan sama ada berlatarbelakangkan dunia Timur dan dunia Barat adalah mempunyai tujuan dan metode pembahasan khusus. Begitu juga dalam perkembangan Ilmu Perbandingan Agama yang turut mendasari tujuan dan metode sebagai faktor pendorong perkembangan ilmu tersebut. Semangat dunia ilmu pengetahuan yang bersifat ilmiah telah menerokai sesuatu objek kajian secara sistematik dan saintifik. Status disiplin Ilmu Perbandingan Agama bertujuan menyelidiki sesuatu fenomena atau gejala yang terdapat di dalam sesuatu agama yang menjadi anutan umat manusia. Fenomena atau gejala agama ini akan dibandingkan untuk melihat sejauh mana titik persamaan dan perbezaan di antara agama.

---

<sup>79</sup> Joachim Wach, *Op.cit.*, h.7

<sup>80</sup> M. Darojad Ariyanto, *Op.Cit.*, h.45

Menurut A. Mukti Ali tujuan Ilmu Perbandingan Agama adalah mengkaji persoalan fundamental yang menjadi dasar kepercayaan dan keyakinan penganut agama.<sup>81</sup> Contohnya tentang konsep dosa, pahala, sembahyang, puasa, ketuhanan dan sebagainya yang terdapat di dalam agama-agama anutan. Justeru, konsep sesuatu ajaran dan kepercayaan sesuatu agama inilah yang akan dikaji dan dibandingkan sesuai dengan tujuan disiplin Ilmu Perbandingan Agama.

Sementara menurut Joachim Wach tujuan Ilmu Perbandingan Agama adalah mengkaji pengalaman agama. Pengalaman agama dapat membuktikan kehidupan masyarakat beragama sama ada turut dihayati menurut pegangan atau anutan agama masing-masing. Pengalaman agama juga mencakupi masalah ketuhanan, peribadatan dan aturan agama yang umat beragama bermotivasi untuk bertindak sesuai dengan aturan agama masing-masing. Wach telah mengungkapkan pengalaman agama dalam tiga bentuk,<sup>82</sup> iaitu: (a) Pengalaman agama yang diungkapkan dalam fikiran; (b) Pengalaman agama yang diungkapkan dalam tindakan; dan (c) Pengalaman agama yang diungkapkan dalam kelompok. Dengan demikian kajian Ilmu Perbandingan Agama dapat melihat dengan lebih jelas perkembangan sesuatu agama.

## 2.5 Metode Dalam Ilmu Perbandingan Agama

Dalam Ilmu Perbandingan Agama terdapat beberapa metode yang digunakan untuk membantu menjalankan kajian agama-agama. Metode-metode ini adalah dianggap sebagai ilmu bantu dalam mengembangkan disiplin Ilmu Perbandingan Agama. Antaranya ialah metode historis, sosiologi, psikologi, antropologi, fenomenologis, typologis dan metode perbandingan atau komparatif.

---

<sup>81</sup> A.Mukti Ali, *Op.Cit.*, h.7

<sup>82</sup> Joachim Wach, *Op.Cit.*, h.91

Metode historis merupakan pendekatan sejarah yang digunakan oleh para pengkaji agama di dunia Timur dan Barat untuk menilai kebenaran asal-usul pertumbuhan pemikiran agama, sejarah perkembangan agama dan peranan institusi keagamaan. Metode ini dapat melihat kekuatan dan kelemahan agama yang dianut oleh pelbagai lapisan masyarakat dari awal sehingga akhir period perkembangannya.<sup>83</sup> Pengkaji Barat cenderung menggunakan pendekatan historis kerana dapat memahami sejarah pertumbuhan agama dengan lebih jelas. Antaranya Kajian C. J. Bleeker dan G. Widrengen dalam bukunya *Historia Religianum, Handbook for the History of Religious* dan S. A. Tokarev dalam bukunya *Die Religion in der Geschichte der Volker*. Begitu juga kajian C. J Bleeker, G. Widrengen, A. Reviolle, A Berth dan Fr .M. Muller merupakan para sarjana Barat yang telah menggunakan metode historis dalam kajian mereka.<sup>84</sup>

Sosiologi agama mempelajari aspek-aspek kehidupan manusia yang mencakup hubungan antara umat beragama. Hubungan antara umat beragama dilihat dari kesan pengaruh individu, kelompok, institusi dan organisasi di dalam melaksanakan peraturan agama yang menyangkut aspek tatasusila dan spiritual. Emile Durkheim (1858-1917) menyatakan bahawa: “*A religion is a unified system of beliefs and practices relative to sacred things, that is to say, things set apart and forbidden –beliefs and practices which unite into one single moral community called a Church, (and) all those who adhere to them.*”<sup>85</sup> Ertinya agama ialah satu sistem yang memperkenalkan kepercayaan yang praktikal terhadap benda-benda yang berhubung kait dengan keimanan. Dapat dikatakan sesuatu perkara kadang-kadang dilupakan. Jadi kepercayaan mesti dipraktikkan agar

---

<sup>83</sup> Joachim Wach, *Ibid*. h.21

<sup>84</sup> Jongeneel, J.A.B.(1978), *Pembimbing ke dalam Ilmu Agama dan Teologi Kristian Pembimbing Umum Pembimbing ke dalam Ilmu Agama*, Jakarta: (T.T.P) h. 59

<sup>85</sup> John C.Super and Briane K.Turley (2006), *Religion in World History, The Persistence Of Imperial Communion*, New York And London: Routledge Taylor& Francis Group, h. 3. Lihat E. Durkheim (1912) *The Elementary form of the Religious Life: A Study in Religious Sociology*.

dapat menyatukan komuniti moral yang dipanggil gereja dan semua yang berkaitan dengannya. Melalui metode ini, Emile Durkheim telah mengkaji mengenai hubungan *totem*<sup>86</sup> dengan masyarakat. Menurut Emile Durkheim bentuk dan jenis *totem* tergantung pada bentuk masyarakat. Contoh ini menunjukkan bahawa metode sosiologi sangat berkesan di dalam menilai sikap peduli masyarakat beragama terhadap keyakinan agama mereka.

Psikologi adalah ilmu kejiwaan. Dalam kajian agama, ilmu ini dijadikan pendekatan untuk meninjau dengan lebih jelas pengalaman batin individu dan kelompok masyarakat beragama. Jelasnya, kajian psikologi ini meliputi masalah *arketipus*, *symbol*, *mite*, *numinous*, wahyu, iman, taubat, *revival*, suara hati, keinsafan dosa, perasaan bersalah, pengakuan dosa, pengampunan, kekhawatiran, kebimbangan, penyerahan diri, kelepasan, *askese*, kesucian, *mistik*, *meditasi*, *kontemplasi*, *ekstase*, orang-orang *introvert* agama, agama, kehidupan jiwa orang-orang *psikose*, *psikopati*, *neurose*, dan sebagainya.<sup>87</sup> Di sini dikaji aspek batin dari pengalaman agama individu mahupun kelompok.<sup>88</sup> Di dalam metode ini dikaji interaksi dan interaksi antara agama dengan jiwa manusia.<sup>89</sup>

Metode Antropologi mengkaji kebudayaan manusia, asal-usul dan perkembangan agama yang dikaitkan dengan budaya manusia. Dalam mengkaji kebudayaan manusia, sebahagian para pengkaji Barat adalah beraliran *evolusionisme*, *fungsionalisme* dan *strukturalisme*.<sup>90</sup> E. B. Taylor dalam bukunya *Primitive Culture*, menyatakan bahawa evolusi asal-usul agama adalah *animisme* sementara Andrew Lang

<sup>86</sup> Ukiran gambar, patung, benda atau binatang yang dianggap oleh orang asli Amerika Utara sebagai suci dan dijadikan sebagai lambang suku, Lihat: John M. Echols & Hassan Shadily (1975), *An English-Indonesia Dictionary*, London: Cornell University Press, h.597

<sup>87</sup> Zakiah Daradjat(1992) *Perbandingan Agama 11*, Jakarta: (T.P) h. 56

<sup>88</sup> Joachim Wach, *Op.Cit.*, h. 23

<sup>89</sup> Jongeneel, *Op.Cit.*, h. 86

<sup>90</sup> Zakiah Daradjat, *Op.Cit.*, h. 56-60

dalam bukunya *The Making of Religion* mengatakan bahawa asal-usul agama adalah kepercayaan kepada dewa yang tertinggi.<sup>91</sup> Begitu juga James Frazer dalam bukunya *The Golden Bough* merumuskan bahawa *magi* merupakan agama yang tertua.<sup>92</sup> Oleh itu, metode ini mempunyai persamaan dengan metode historis di dalam Ilmu Perbandingan Agama.

Metode Fenomenologis mengkaji agama dari segi unsur-unsur yang menjadi dasar pegangan atau kepercayaan sesuatu agama. Metode ini bertujuan untuk mendalami penghayatan penganut sesuatu agama tanpa sikap prejedis para pengkaji. Metode ini digunakan untuk mengkaji agama menurut apa yang difahami oleh para penganut bukan menurut pemahaman para pengkaji.<sup>93</sup> Metode ini juga digunakan untuk mengklasifikasikan, menamai, membandingkan dan menggambarkan sesuatu gejala agama dengan gejala-gejala agama lain tanpa menilai kebenaran sesuatu agama yang dibandingkan. Di antara sarjana Barat yang menggunakan metode ini dalam kajian agama adalah seperti Rudolf Otto dalam bukunya *The Idea of the Holy* mengkaji tentang yang *kudus* (holy), Gerardus van der Leeuw dalam bukunya *Religion in Essence and Manifestation* mengkaji tentang objek agama, dan subjek agama dalam hubungannya antara satu dengan lainnya.<sup>94</sup> Jelasnya, metode ini lebih objektif dan tetap telus dalam mempelajari gejala-gejala atau fenomena agama-agama secara perbandingan.

Metode Tipologi digunakan untuk mengkategorikan gejala-gejala agama mengikut *type* tertentu. Contohnya gejala-gejala agama dikategorikan seperti: *type* mistik, teologi, peribadatan, karisma agama, pemimpin agama, kekuatan agama,

---

<sup>91</sup> M.Darojdat, *Op.Cit.*, h. 34

<sup>92</sup> *Ibid.*

<sup>93</sup> *Ibid.*

<sup>94</sup> *Ibid.*

kelompok-kelompok agama, kejiwaan pemeluk agama, dan lain-lain.<sup>95</sup> Para sarjana Barat mengkaji gejala-gejala agama dengan menggunakan metode ini adalah Max Weber, Howard Becker, William James, Wilhelm Dilthey, Herder, dan Hegel.<sup>96</sup>

Metode komparatif merupakan metode yang diaplikasikan sepenuhnya di dalam disiplin Ilmu Perbandingan Agama. Metode ini digunakan secara umumnya untuk membandingkan gejala-gejala yang terdapat di dalam sesuatu agama dengan agama-agama yang lain. Para pengkaji Barat berbeza persepsi terhadap pengaplikasian metode ini. Menurut Ake Hultkranz, yang dibandingkan adalah fungsi-fungsi unsur agama dalam konteks budaya.<sup>97</sup> O. Lewis, mengatakan bahawa perbandingan dibahagikan kepada dua kategori iaitu perbandingan terbatas dan tidak terbatas.<sup>98</sup> Sementara Platvoet membandingkan agama-agama secara keseluruhan dan juga membandingkan gejala-gejala yang bersamaan di dalam agama-agama.<sup>99</sup> Begitu pun Van Baaren dan Leertouwer telah membezakan antara perbandingan transkultural dengan perbandingan kontekstual.<sup>100</sup> Perbandingan transkultural terfokus kepada cara dan unsur-unsur agama yang dianggap oleh penganut agama tersebut berbeza dengan cara dan unsur agama orang luar. Sedangkan perbandingan kontekstual agama atau unsur agama dibandingkan dalam situasi konteks agama dan kebudayaan masing-masing. Walau bagaimanapun metode ini merangkumi metode-metode yang terdapat di dalam Ilmu Perbandingan Agama.

Berdasarkan metode-metode di atas didapati Ilmu Perbandingan Agama bukan suatu ilmu yang hanya membandingkan sesuatu agama dengan agama lain. Malah

---

<sup>95</sup> *Ibid.*

<sup>96</sup> Joachim Wach, *Op.Cit.*, h. 26

<sup>97</sup> M.Darodat. *Op.Cit.*, h. 45

<sup>98</sup> *Ibid.*

<sup>99</sup> *Ibid.*

<sup>100</sup> *Ibid.*

disiplin ilmu ini sangat memerlukan daya intelektual yang tinggi untuk menanggapi seluruh persoalan dan permasalahan yang berkait rapat dengan hidup dan kehidupan beragama. Dengan metode ilmiah juga belum tentu kehidupan masyarakat beragama dapat dikaji dengan baik dan sistematik. A. Mukti Ali menyatakan bahawa metode ilmiah saja tidak cukup untuk mendekati agama, perlu dilengkapi dengan metode lain yang khas agama iaitu metode dogmatis. Oleh kerana itu metode yang lengkap untuk mendekati agama adalah *sintesis* dari metode ilmiah dan dogmatik yang disebut dengan metode *religio-scientific* atau *scientific-cum-doctrinal*.<sup>101</sup>

## **2.6 Kepentingan Ilmu Perbandingan Agama Dalam Konteks Dakwah Non-Muslim**

Dalam pembahasan mengenai kepentingan aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam konteks dakwah non-Muslim pengkaji akan menjelaskan tentang dalil mempelajari Ilmu Perbandingan Agama, persamaan dan perbezaan fenomena tertentu di antara agama, penilaian kekuatan sesuatu agama, dan kekuatan Islam untuk menghadapi agama lain. Penjelasan ini untuk membuktikan bahawa disiplin Ilmu Perbandingan Agama adalah sangat wajar diaplikasikan di dalam pendekatan dakwah non-Muslim.

### **2.6.1 Dalil Mempelajari Ilmu Perbandingan Agama**

Mempelajari Ilmu Perbandingan Agama merupakan sunnah Nabi Muhammad s.a.w. Bukan sekadar sejarah perjuangan Nabi Muhammad s.a.w. menegakkan agama Islam menjadi bukti malah terdapat dalil-dalil al-Qur'an yang mengarahkan umat Islam agar mengambil tahu hal-hal berkaitan dengan perkembangan agama-agama dunia. Dalil yang bersumberkan al-Qur'an dan hadis Nabi s.a.w. inilah dijadikan sebagai dasar pembentukan dan pengembangan disiplin Ilmu Perbandingan Agama.

---

<sup>101</sup> A. Mukti Ali, *Op.Cit.*, h. 79

Salah satu metodologi dakwah kepada non-Muslim ialah dengan menguasai Ilmu Perbandingan Agama. Menguasai ilmu perbandingan bermakna memahami secara jelas setiap ajaran atau fenomena agama-agama untuk mendatangkan hujah penolakan terhadap ketidakbenaran ajaran-ajaran sesuatu agama yang dianuti. Lihat bagaimana Syeīkh Rahmatullah<sup>102</sup> membongkar serta menjelaskan satu persatu penyelewengan yang besar yang dilakukan oleh Kristian melalui sumber rujukannya Bible, yang merangkumi Perjanjian Lama (*Old Testament*) dan juga Perjanjian Baru (*New Testament*). Usaha seperti ini sewajarnya diteruskan oleh para pendakwah masa kini dengan menguasai disiplin Ilmu Perbandingan Agama bagi menjawab segala persoalan yang dikemukakan oleh kelompok sasaran non-Muslim dengan hikmah kebijaksanaan berdakwah. Merujuk firman Allah s.w.t. yang berbunyi;

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْخَيْرَةِ وَجَدِلُهُمْ بِالْقِوَافِ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ

*“Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalanNya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.”<sup>103</sup>*

Pendakwah Muslim hanya mampu berusaha untuk menarik minat non-Muslim untuk memahami kebenaran Islam tetapi Allah jua yang menentukan samada ia mendapat petunjuk hidayah atau sebaliknya. Dalam konteks ayat ini juga umat Islam diseru agar berjidal/berdialog dengan cara yang baik ketika berhujah dengan agama yang lain. Ayat ini juga menegaskan bahawa dialog di antara umat beragama telah wujud sejak zaman nabi Muhammad s.a.w. Inilah justifikasi mengapa Ilmu

---

<sup>102</sup> Iaitu Muhammad Rahmatullah bin Khalilullah, dikenali juga sebagai Khalil al-Rahman al-Kairanawi al-Uthmani. Dilahirkan di Darbakilan perkampungan Kairanat India, pada Jamadil awal 1233 H / 1818 M. Lihat: Kitab Izhar- al-Haq (Jilid 1), Dar al-Hadis: Kaherah. h. 15

<sup>103</sup> Surah al-Nahl(16): 125

Perbandingan Agama perlu dipelajari dan dikembangkan sesuai dengan kehendak semasa.

Mempelajari sumber rujukan agama adalah termasuk dalam disiplin Ilmu Perbandingan Agama. Sumber rujukan seperti al-Qur'an adalah merupakan bukti penting di dalam menghuraikan ajaran agama yang dianuti. Sumber al-Qur'an dapat dijadikan panduan dalam menilai kebenaran sumber rujukan agama-agama yang lain seperti Bible, Veda, dan Talmud. Oleh itu, sumber rujukan agama-agama lain perlu dipelajari dan dikaji oleh para pendakwah Muslim untuk menjawab segala persoalan yang berhubung kait dengan masalah kehidupan masyarakat beragama. Seperti mana Allah s.w.t. memerintah Nabi Muhammad s.a.w. merujuk kepada Ahli Kitab dalam meyakini kebenaran ajaran Islam. Firman Allah s.w.t.:

فَإِنْ كُنْتَ فِي شَكٍّ مِمَّا أَنْزَلَنَا إِلَيْكَ فَسُئِلُ الَّذِينَ يَقْرَءُونَ الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكَ لَقَدْ  
جَاءَكَ الْحَقُّ مِنْ رَبِّكَ فَلَا تَكُونَ مِنَ الْمُمْتَرِينَ 

*Maka jika kamu (Muhammad) berada dalam keragu-raguan tentang apa yang Kami turunkan kepada Mu, Maka Tanyakanlah kepada orang-orang yang membaca kitab sebelum kamu. Sesungguhnya telah datang kebenaran kepada mu dari Tuhan mu, sebab itu janganlah sekali-kali kamu termasuk orang-orang yang ragu-ragu.<sup>104</sup>*

Menurut Syeikh Muhammad Izzat al-Tahtawi ayat ini merupakan dalil yang menunjukkan bahawa status Ilmu Perbandingan Agama termasuk dalam ilmu-ilmu Islam.<sup>105</sup> Dalil di atas juga menggambarkan bahawa terdapat satu isyarat yang jelas dari Allah s.w.t. kepada manusia yang beriman agar tidak mengambil mudah sesuatu perkara yang berhubung kait dengan urusan kehidupan umat antara beragama. Hal ini kerana bukan hanya umat Islam sahaja yang hidup di atas muka bumi ini, malah terdapat masyarakat beragama lain juga yang secara fitrah mengakui kewujudan Tuhan.

<sup>104</sup> Surah Yunus (10): 94

<sup>105</sup> Muhammad Izzat al-Tahtawi(tt), *al-Mizan fi Muqaranah al-Adyān*, Syiria: Darul Salam, h. 20

Allah s.w.t. telah menjadikan umat manusia yang terdiri dari pelbagai kaum, bangsa dan agama bertujuan untuk manusia menjalankan hubungan baik di antara sama lain. Dalam konteks ‘*li ta’arafu*,’ manusia perlu mempelajari budaya dan cara hidup umat beragama supaya mereka beriman boleh menyatakan kebenaran Islam dengan cara yang lebih berkesan dan bijaksana.

يَتَّبِعُهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّنْ ذَكَرٍ وَّأُنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًاٰ وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُواٰ إِنَّ  
أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَقْنَدُكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَسِيرٌ ﴿١٠٦﴾

*Hai manusia, Sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang yang paling taqwa diantara kamu. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha Mengenal.<sup>106</sup>*

Malaysia adalah sebuah negara bermasyarakat majmuk yang terdiri daripada pelbagai anutan kepercayaan agama iaitu Islam, Kristian, Buddha, Hindu, Konfusius, Paganisme, Animisme dan lain-lain agama. Maka sebab itu mereka juga memerlukan agama sebagai peraturan hidup. Dari sisi lain, Islam memandang hak sesama manusia untuk saling kenal-mengenal antara satu sama lain supaya manusia bertakwa kepada Allah s.w.t. Tujuan kenal mengenal inilah akan melahirkan makhluk sosial yang akan berinteraksi dalam suasana kehidupan masyarakat yang memerlukan peraturan hidup.<sup>107</sup> Dalam menentukan peraturan hidup ini umat manusia memerlukan agama yang menjadi tempat pertalian. Realiti ini bermakna semua agama memerlukan peraturan hidup yang bersandarkan agama. Oleh sebab itu, memahami agama yang lain sangat penting dalam konteks pembinaan masyarakat beragama yang harmoni.

<sup>106</sup> Surah Al-Hujurat (49):13

<sup>107</sup> M.Quraish Shihab,(1992), *Membumikan al-Qur'an, Fungsi dan Peranan Wahyu dalam Kehidupan Masyarakat*, Bandung: Mizan khazanah Ilmu Islam, h. 211

## **2.6.2 Persamaan Dan Perbezaan Fenomena Di antara Agama**

Kenapa perlu mencari dan mengkaji persamaan dan perbezaan di antara agama? Apakah kita perlu menyamakan agama dengan mengatakan bahawa semua agama itu sama. Jelasnya, kelihatan seperti sama tetapi hakikatnya tidak. Realitinya semua agama mempercayai adanya tuhan, dosa, pahala, balasan syurga dan neraka tetapi pemahamannya di dalam konsep-konsep tersebut adalah tetap tidak sama kerana ianya berasaskan falsafah dan tuntutan ajaran masing-masing yang ternyata berbeza. Sebagai contohnya Hindu mengajar cara menghapuskan dosa dengan berlakunya reinkarnasi (penjelmaan semula/kelahiran semula).<sup>108</sup> Kristian melakukan upacara sakramen penghapusan dosa.<sup>109</sup> Sementara Islam wajib bertaubat setiap hari dan menyesalkan kesalahan yang dilakukan dan memohon keampunan daripada Allah s.w.t. Pemahaman terhadap perbezaan dan persamaan di dalam sesuatu agama akan melahirkan sikap dan budaya toleransi yang telah ditetapkan mengikut al-Qur'an dan sunnah Nabi s.a.w.

Budaya toleransi beragama sangat perlu di dalam kehidupan sesebuah negara yang mempunyai berbilang kaum, bangsa, suku dan agama. Budaya toleransi beragama akan melahirkan suasana kehidupan beragama di dalam sesebuah negara secara lebih aman dan harmoni. Ajaran Islam telah pun mengajarkan kita tentang hal ini. Islam menyatakan bahawa tidak ada paksaan di dalam agama sekiranya individu tersebut belum menganuti Islam. Tetapi Islam tegas mempertahankan akidah Muslim sekiranya berlaku kes murtad. Bererti apabila individu itu Muslim, ia wajib mempertahankan agamanya. Islam turut menggalakkan umatnya berkongsi nikmat Islam dan Iman daripada individu non-Muslim tetapi tidak bermaksud memaksanya memeluk agama Islam. Masing-masing agama bebas melaksanakan sesuatu ajaran agama yang

---

<sup>108</sup> *Ibid.*, h .90

<sup>109</sup> Husainy Ismail(1993) *Kristologi*, Syiah Kuala University Press, Banda Aceh Indonesia, h. 56

diyakininya tanpa dihalang, dicerca, dihina dan sebagainya. “Bagi kamu agama kamu, dan bagi aku agama Ku,”<sup>110</sup>

Adalah menjadi kewajipan kepada setiap penganut agama mengamalkan sikap bertoleransi antara satu sama lain. Memahami budaya toleransi dalam konteks masyarakat majmuk seperti di Malaysia tidak dinafikan bahawa perlu merujuk kepada Perlembagaan Malaysia. Islam merupakan agama rasmi Negara dan agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai.<sup>111</sup> Perkataan aman dan damai adalah ditafsirkan sebagai suasana kehidupan masyarakat beragama. Sekiranya masyarakat diberi hak kebebasan beragama tanpa menghiraukan keamanan dan kedamaian, maka tidak keterlaluan dikatakan bahawa masih belum wujud toleransi kehidupan beragama di Malaysia. Satu isu penggunaan kalimah ‘Allah’ yang dituntut oleh pihak Kristian telah menimbulkan sensitiviti dalam kalangan umat Islam yang mengundang suasana ketegangan. Mereka membakar gereja kerana marahkan Kristian yang ingin menggunakan kalimah Allah di dalam upacara ibadat agama mereka. Dalam hal ini sewajarnya pihak gereja perlu memahami konsep toleransi melalui tafsiran perlembagaan Malaysia perkara 3(1) yang menekan peri pentingnya keamanan dan kedamaian. Keadaan ini memaksa pihak kerajaan menu buhkan suruhanjaya antara beragama bertujuan menyelesaikan masalah hubungan antara umat beragama di Malaysia. Walau bagaimanapun masih di peringkat perbincangan kerana dikhuatiri menimbulkan persepsi ‘semua agama adalah sama’ yang hanya menjurus ke arah semangat Pluralisme agama. Sebagai penyelesaiannya, masalah ini perlu dilihat dari sudut kaca mata Ilmu Perbandingan Agama.

---

<sup>110</sup> Surah al-Kafirun(109): 6, Lihat Khadijah Mohd Khambali@ Hambali et.al (2008) “Islam Agama Rahmah dan Toleransi Beragama, Realiti dan Cabaran”, *Op.Cit.* h.17

<sup>111</sup> Perlembagaan Persekutuan pasal 3(1) dan 11(1)

### **2.6.3 Penilaian Kekuatan Sesuatu Agama**

Disiplin Ilmu Perbandingan Agama sangat memerlukan kajian ilmiah dalam menentukan tahap kebenaran fakta yang terdapat di dalam sesuatu agama. Beberapa pendekatan ilmiah dalam kajian agama telah digunakan antaranya ialah pendekatan filologi, etnologi, archeologi, sosiologi, antropologi, teologi, dan histori adalah sangat membantu dalam memahami fenomena agama-agama.<sup>112</sup> Metode-metode ini juga merupakan ilmu yang berkembang seiring dengan Ilmu Perbandingan Agama. Dalam erti kata lain, ilmu-ilmu ini mempunyai hubungan kait di antara satu sama lain dalam menentukan sesuatu kajian yang dijalankan bagi melihat perkembangan dan kekuatan agama.

Perkembangan dan kekuatan sesuatu agama telah dinilai oleh para pengkaji dengan menggunakan pendekatan sosiologi agama. Sosiologi adalah suatu ilmu yang mengkaji hal ehwal kemasyarakatan.<sup>113</sup> Manakala sosiologi agama adalah ilmu mempelajari hal masyarakat beragama. Apa yang perlu dikaji ialah bagaimana sesebuah masyarakat beragama itu berinteraksi di antara satu sama lain. Di dalam Islam masjid dijadikan sebagai pusat peribadatan dan sebagai tempat penyatuan dan pembinaan semangat persaudaraan dalam Islam. Nabi Muhammad s.a.w telah membina masjid Quba' sebagai tempat beribadat dan sebagai pusat pentadbiran pertama di Madinah. Malah pada zaman Nabi Muhammad s.a.w. masjid dijadikan sebagai tempat penyatuan puak Ansar dan Muhajirin. Perjuangan Rasulullah s.a.w. masih diteruskan sehingga ke hari ini iaitu dengan memperbanyakkan pembinaan masjid. Ia merupakan syiar Islam. Justeru, adalah wajar untuk melihat kekuatan dan perkembangan Islam, institusi masjid perlu dimakmurkan selaras dengan ajaran Islam. Oleh itu, pendekatan sosiologi agama

---

<sup>112</sup> Husainy Ismail, *Op.cit.*, h.1

<sup>113</sup> Karel J.Veeger (1992) *Pengantar Sosiologi*, Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama, h. 5

di dalam Ilmu Perbandingan Agama dapat dijadikan indikator bagi menilai perkembangan sesuatu ajaran agama.

Ilmu jiwa agama atau psikologi agama juga dipraktikkan untuk menyelidik perkembangan agama-agama dahulu dan kini. Dr. Sarlito Wirawan Sarwono mendefinisikan psikologi sebagai ilmu pengetahuan yang mempelajari tingkah laku manusia dalam hubungan dengan lingkungan.<sup>114</sup> Merujuk definisi ini bererti psikologi agama mempelajari tingkah laku manusia dalam pengamalan agama yang dianuti. Secara fitrah, makhluk manusia sememangnya memerlukan tempat pergantungan dan tempat meminta pertolongan. Oleh kerana lahir jiwa sedemikian, maka lahirlah agama-agama ciptaan manusia yang menjadikan dewa-dewa, api, roh orang telah mati, binatang, dan jin sebagai tempat sembahana dan minta tolong. Dr. Quraish Shihab memetik pendapat Freud yang menyatakan bahawa:

*Benih agama muncul dari kompleks oedipus. Mula-mula seorang anak merasakan dorongan seksual terhadap ibunya yang pada akhirnya membunuh ayahnya sendiri, kerana sang ayah merupakan penghalang bagi tercapainya tujuan tersebut. Namun, pembunuhan ini melahirkan penyesalan di dalam jiwa si anak, sehingga lahirlah penyembahan terhadap ruh sang Ayah. Dari sinilah bermula rasa agama dalam jiwa manusia.*<sup>115</sup>

Persoalan kejiwaan di dalam pengalaman keagamaan telah memberi impak positif dan negatif terhadap penganut-penganut agama. Samada ia berpegang teguh kepada ajaran agamanya atau ia langsung tidak meyakini agama yang dianutinya. Mungkin sekadar menjadikan ajaran agama sebagai budaya nenek moyang turun temurun. Mungkin sikap keraguan yang menimpa umat beragama seperti ini menampakkan kepincangan dalam sistem agama yang mereka anuti sejak sekian lama.

---

<sup>114</sup> Sarlito Wirawan Sarwono (1982) *Pengantar umum Psikologi*, Jakarta: Bulan Bintang, h. 9

<sup>115</sup> Quraish Shihab. *Op.cit*, h. 210

Dengan kajian pendekatan psikologi agama dapat membezakan kekuatan dan kelemahan sesuatu agama.<sup>116</sup>

#### **2.6.4 Kekuatan Islam Menghadapi Apologi Agama Lain**

Bagi para pengkaji Muslim, Ilmu Perbandingan Agama perlu dijadikan senjata yang paling berkesan dalam menghadapi agama lain. Dengan mempelajari ilmu ini, seseorang sarjana Muslim akan dapat melihat kekuatan dan kehebatan Islam secara lebih jelas dan meyakinkan lagi. Semua hujah disimpulkan di dalam al-Qur'an dan hadis Nabi Muhammad s.a.w. Oleh itu sewajarnya kesempatan ini diambil bagi mematikan hujah mereka dan menarik minat mereka untuk cuba memahami ajaran Islam.

Usaha menonjolkan kekuatan Islam melalui dialog antara agama telah dimulai oleh junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. Baginda telah berdialog dengan sekelompok perwakilan Kristian Najran yang diketuai oleh 'Abd al-Masih serta Abu Harithah bin al Qamah.<sup>117</sup> Usaha untuk berdialog dengan penganut-penganut agama lain, terutamanya Kristian diteruskan sehingga ke hari ini. Peranan penting ini dianjurkan oleh Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya dan juga Inter-Faith Spirituil Fellowship (INSAF). Selain itu, pemantapan kursus Ilmu Perbandingan Agama juga diadakan oleh Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan juga Persatuan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM).<sup>118</sup> Pendekatan dialog antara agama memberi peluang kepada para pendakwah Islam untuk mencontohi Nabi Muhammad s.a.w. dalam menjelaskan kebenaran Islam kepada orang-orang bukan Islam, khususnya Kristian.

---

<sup>116</sup> Sarlito Wirawan Sarwono, *Op.cit.* h. 12

<sup>117</sup> Syeikh Muhammad Izzat al-Tahtawi, *Op.Cit*, h. 24

<sup>118</sup> Hasil pengamatan penulis terhadap program yang dijalankan oleh ILIM, ABIM dan PERKIM, pada 10 April 2011- 15 Mei 2011, di ILIM Bangi, di IOA Ampang Hiliar 2 Kuala Lumpur dan PERKIM Kuala Lumpur Jam 10.00 pagi - 3.00 petang

Dialog Islam dan Kristian lebih mempengaruhi pemikiran para pendakwah Muslim di dalam mempertahankan keagungan Islam. Hal ini kerana walaupun al-Kitab yang terkandung di dalamnya Perjanjian Baru dan Perjanjian Lama telah dipalsukan sejak sekian lama, namun isu kandungan masih menyangkut dengan pemahaman akidah orang-orang Islam. Kristian menganggap Nabi Isa a.s sebagai Jesus (penyelamat) yang diutus oleh Allah ke dunia untuk menebus dosa warisan yang diwarisi oleh anak Adam. Malah beriktikad bahawa Nabi Isa a.s sebagai anak Tuhan yang dilahirkan Maryam tanpa sebarang ikatan perkahwinan yang telah dihukum mati di tiang salib.<sup>119</sup> Sedangkan Islam memahami hal ini seperti mana terkandung di dalam al-Qur'an:

إِذْ قَالَتِ الْمَلِئَكَةُ يَمْرَأَهُ إِنَّ اللَّهَ يُبَشِّرُكِ بِكَلِمَةٍ مِّنْهُ أَسْمُهُ الْمَسِيحُ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ  
وَجِيهًا فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَمِنَ الْمُقَرَّبِينَ ﴿١٥﴾ وَيُكَلِّمُ النَّاسَ فِي الْمَهْدِ وَكَهْلًا وَمَنْ  
الْصَّالِحِينَ ﴿١٦﴾ قَالَتْ رَبِّنِي يَكُونُ لِي وَلَدٌ وَلَمْ يَمْسَسْنِي بَشَرٌ ﴿١٧﴾ قَالَ كَذَلِكَ اللَّهُ  
يَحْكُمُ مَا يَشَاءُ إِذَا قَضَى أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ ﴿١٨﴾

"(ingatlah), ketika Malaikat berkata: "Hai Maryam, sungguhnya Allah menggembirakan kamu (dengan kelahiran seorang putera yang diciptakan) dengan kalimat (yang datang) daripadanya, namanya Al masih Isa putera Maryam, seorang terkemuka di dunia dan di akhirat dan termasuk orang-orang yang didekatkan (kepada Allah), dan Dia berbicara dengan manusia dalam buaian dan ketika sudah dewasa dan Dia adalah Termasuk orang-orang yang saleh. Maryam berkata: "Ya Tuhanku, betapa mungkin aku mempunyai anak, padahal aku belum pernah disentuh oleh seorang laki-lakipun." Allah berfirman (dengan perantaraan Jibril): "Demikianlah Allah menciptakan apa yang dikehendakinya. apabila Allah berkehendak menetapkan sesuatu, Maka Allah hanya cukup berkata kepadanya: "Jadilah", lalu jadilah Dia."<sup>120</sup>

Kekuatan hujah al-Qur'an tersebut perlu dipertahankan walaupun Kristian tetap membantahnya. Islam tegak di atas keadilan, ilmiah dan alamiah, walaupun Kristian

<sup>119</sup> Ahmad Syalaby (t.t), *Perbandingan agama Kristen (Muqāranah Adyān; Al-Masihiyah)* J.S Badudu (terj.), Bandung: Al-Ma'arif, h.55.

<sup>120</sup> Surah Ali 'Imran(03): 45-47

menampakkan keaslian sikap apologetik<sup>121</sup> mereka. Tegasnya, apologetik Kristian perlu dihujahkan dengan kebijaksanaan para pendakwah yang menguasai disiplin Ilmu Perbandingan Agama.

Dunia Barat dan Timur (Islam) telah mengembangkan Ilmu Perbandingan Agama mengikut persepsi yang berbeza di antara satu sama lain. Dari segi tafsiran dan juga pendekatan yang dibawa adalah sama tetapi tujuan mempelajarinya agak berbeza. Dunia Islam semestinya meletakkan Ilmu Perbandingan Agama sebagai senjata yang berkesan untuk menjawab serta menolak segala hujah kebatilan agama yang lain. Sedangkan dunia Barat mengkaji agama-agama secara ilmiah untuk melihat perbezaan dan persamaan dan kemungkinan sebahagian Orientalis Barat menjalankan kajian semata-mata ingin mencari kelemahan agama yang dianggap sebagai musuh, terutamanya agama Islam. Oleh sebab itu, kebenaran Islam yang bersumberkan al-Qur'an dan Hadis perlu ditonjolkan dalam kalangan non-Muslim supaya mereka memahaminya dengan sebenarnya.

Islam mempunyai konsep ketuhanan yang jelas. Malah ajaran Islam sesuai dipraktikkan sepanjang zaman. Begitu juga isi kandungan al-Qur'an yang mengandungi panduan kehidupan tidak diubah, ditambah, dan tidak dapat dipalsukan dengan sewenang-wenangnya. Isi kandungannya tetap terpelihara sepanjang zaman. Inilah merupakan kekuatan Islam yang tidak terdapat di dalam agama lain.

Menyedari bahawa kepentingan mempelajari Ilmu Perbandingan Agama amat penting, adalah sewajarnya ilmu ini dikembangkan dan diaplikasikan dalam pendekatan

---

<sup>121</sup> Pengertian *apology* berasal dari bahasa Greek iaitu “apologeomai” adalah “pembelaan atau pertanggungjawab” “membela diri atau mempertanggungjawabkan diri” ataupun “Apologetik” merupakan suatu pemikiran ilmiah tentang sesuatu pertanyaan iman serta bagaimana cara menjawabnya. Ilmu ini menjadi alat pembantu dalam praktik *apology*, kerana ia dapat memberikan suatu ikhtiar memahami semua unsur ajaran Kristian dan memikirkan secara serius bagaimana tiap unsur dogma dan etika keKristianan harus dipertanggungjawabkan. Lihat Husainy Ismail, *Op.Cit.* h. 41

dakwah kepada non-Muslim sesuai dengan ajaran Islam. Keprihatinan ini adalah kerana melihat realiti kehidupan masyarakat majmuk di Malaysia yang sangat memerlukan suasana kehidupan yang harmoni. Salah satu langkah drastik yang perlu diambil ialah pihak kerajaan melalui Kementerian Pelajaran ialah dengan memperkenalkan mata pelajaran Ilmu Perbandingan Agama secara khusus kepada semua pelajar Muslim dan non-Muslim. Pendedahan awal tentang perbandingan agama kepada para pelajar di peringkat menengah akan meluaskan wawasan pemikiran mereka di dalam menyesuaikan diri dengan suasana kehidupan beragama. Keperluan ini adalah selaras dengan usaha pihak kerajaan menggubal dasar Islamisasi yang bertujuan untuk melahirkan masyarakat bertamadun yang sentiasa mengamalkan nilai dan budaya toleransi beragama selaras dengan ajaran Islam.

## BAB TIGA

### LATAR-BELAKANG DAN PROGRAM DAKWAH ISLAMIC OUTREACH

#### ABIM TERHADAP MASYARAKAT NON-MUSLIM

##### 3.1 Pendahuluan

Angkatan Belia Islam Malaysia merupakan satu badan gerakan dakwah (NGO)<sup>122</sup> yang telah bergerak aktif lebih kurang 40 tahun sejak ditubuhkan. Penglibatan ABIM di dunia dakwah telah terserlah di dalam pelbagai bidang iaitu pendidikan, sosial, ekonomi, dan kemanusiaan.<sup>123</sup> Peranan ABIM di dalam membangunkan ummah merupakan suatu tugas berat yang tidak boleh dipandang ringan. Oleh itu, penulis akan membuat kajian terhadap latar belakang ABIM di dalam dunia dakwah khususnya pendekatan Islamic Outreach terhadap masyarakat non-Muslim.

##### 3.2 Latar Belakang Sejarah Penubuhan ABIM

Melihat kepada suasana masyarakat pada era pasca kemerdekaan, kita sudah maklum bahawa kehidupan masyarakat pada zaman moden ini umumnya sangat memerlukan ilmu pengetahuan keagamaan yang mantap bagi memenuhi keperluan di dalam kehidupan beragama khususnya Islam. Malah sebagai persiapan di dalam menghadapi arus globalisasi yang mendatangkan kesan negatif dan membawa pelbagai jenis nilai yang kebanyakannya bertentangan dengan budaya ketimuran dan ajaran Islam.<sup>124</sup> Realiti

<sup>122</sup> NGO adalah singkatan dari kata “*Non-Governmental Organization*” yang bermaksud Pertubuhan Bukan Kerajaan. Lihat Hajah Noresah bt. Baharom et.all (2005), *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1079. Jadi ABIM merupakan NGO Islam yang ditubuhkan hasil dari usaha Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Antarabangsa (PKPIM) mencetuskan kesedaran Islamiah dalam kalangan generasi muda belia Islam. Mereka adalah pemimpin mahasiswa Islam yang bergerak aktif dalam bidang Dakwah untuk mengislahkan masyarakat ke arah membina kehidupan yang lebih baik berteraskan ajaran Islam yang suci. Lihat “Gerakan Islam di Malaysia, Satu Tinjauan Sepintas Lalu”, *Risalah ABIM*, Biro Penerangan ABIM Pusat, 1980, h. 25

<sup>123</sup> “Bual Bicara Menjana Gelombang Kedua Dakwah Berteraskan Ilmu Dan Bakti”, dalam *Risalah* (Jan-April 2011) Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, h. 57

<sup>124</sup> Amini Amir bin Abdullah (2002), “Strategi Menangani Gejala Sosial Melalui Pendekatan Islam” (Kertas Kerja Muzakarah Menengani Gejala Sosial Pringkat Zon Utara, 24-26 september 2002), h. 3

ini adalah merupakan rasional penubuhan ABIM yang lebih memfokuskan kepada gerakan dakwah Islamiah jika dibandingkan dengan pertubuhan belia yang lain.

Pertubuhan belia sebenarnya telah tertubuh sejak 1903 (pertubuhan pengakap). Pada tahun 2000 terdapat 5500 pertubuhan belia di seluruh negara dan bilangan ini meningkat ke 8000 pada tahun 2005. Dengan keahlian meningkat pada 2.8 juta pada tempoh yang sama.<sup>125</sup> Walaupun beribu-ribu pertubuhan belia, tetapi ABIM juga termasuk di dalam kelompok pertubuhan belia yang bergerak di dalam bidang dakwah Islamiah. Masyarakat sangat mengharapkan perubahan ke arah kemajuan ketamadunan ummah yang realistik.<sup>126</sup>

ABIM adalah singkatan nama dari Angkatan Belia Islam Malaysia telah ditubuhkan hasil cetusan idea dan pertemuan generasi pengasas pada 6 Ogos 1971 di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pertubuhan ABIM bermula setelah terbentuk penajaan rasmi yang dipengerusikan oleh Almarhum Ustaz Abdul Wahab Abdullah dan saudara Fauzi Abdul Rahman. ABIM secara rasminya didaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 pada 17 Ogos 1972.<sup>127</sup>

Sejak ditubuhkan sehingga kini, kepimpinan tertinggi ABIM silih berganti mengikut situasi dan perubahan semasa. Setiap pemimpin yang menerajui ABIM mempunyai wawasan dakwah Islamiah yang tersendiri. Dr. Razali Nawawi (1972-1974)<sup>128</sup> adalah presiden pertama telah membawa ABIM ke arah keterbukaan dalam dunia dakwah. Baginya ABIM perlu menggerakkan usaha penerapan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian. Begitu juga dalam konteks dakwah non-Muslim, beliau

<sup>125</sup> “Peranan Pertubuhan Belia Dalam Membentras Gejala Sosial”, Kertas Kerja Majlis Pertubuhan Belia Negara, h.5

<sup>126</sup> Siddiq Fadhil, “Dasar Perjuangan ABIM,” *Majalah Risalah*, Januari 1985, h. 20

<sup>127</sup> Angkatan Belia Islam Malaysia 1971-1996, Bangi, ABIM, h. 15

<sup>128</sup> Lum Cih Feng (2001), *ABIM Tiga Dekad Yang Penuh Dugaan*, Ng Boon & Kok Wahying (Terj.) ctk.1, Kuala Lumpur, Teras Penerangan ABIM Pusat, h. 11

menggalakkan dialog yang melepas batas kaum dan agama.<sup>129</sup> Usaha dakwah adalah untuk memberi peluang kepada masyarakat non-Muslim supaya dapat memahami Islam dengan lebih baik.

Manakala Dato' Seri Anwar Ibrahim (1974-1982)<sup>130</sup> telah dilantik sebagai presiden ABIM yang kedua. Apa yang menarik ialah pada mula ABIM bersifat `non partisan' akhirnya mengubah haluan ke arah penglibatan secara rasmi di dalam arena politik tanah air. ABIM mula cenderung menyokong UMNO selepas pemimpinnya menyertai Barisan Nasional sekitar tahun 80-an dan 90-an iaitu penglibatan Dato' Seri Anwar Ibrahim pada tahun 1982 di dalam politik UMNO sehingga membolehkan beliau dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri di akhir penglibatannya dengan kerajaan UMNO. Pada era ini, ABIM dilihat menjadi vokal terhadap beberapa dasar dan pendirian pihak pemerintah, iaitu bersesuaian dengan pendekatan ‘*confrontational*’ ABIM.<sup>131</sup>

Seterusnya Dato' Dr. Siddiq Fadzil (1985-1991)<sup>132</sup> telah dilantik sebagai Presiden ABIM yang ke tiga. Setelah melalui zaman era radikal pergerakan pelajar di bawah kepimpinan presiden pertama dan kedua, maka bermulalah era kematangan di bawah kepimpinan Dr. Siddiq Fadhil yang lebih menjurus ke arah membudayakan ilmu pengetahuan melalui pengajaran agama Islam.<sup>133</sup> Di era kepimpinan beliau juga, pendekatan ABIM ditandai oleh perubahan orientasi ke arah pendekatan menangani dan menyelesaikan masalah sehinggalah melahirkan banyak institusi dan agensi seperti Islamic Outreach ABIM.

---

<sup>129</sup> *Ibid.*

<sup>130</sup> *Ibid.*, h. 6

<sup>131</sup> Angkatan Belia Islam Malaysia 1997-1996, Bangi, ABIM, h. 5

<sup>132</sup> *Ibid.*

<sup>133</sup> *Ibid.*

Dr. Muhammad Nur Manutu (1991-1997)<sup>134</sup> menjadi presiden ABIM yang ke empat. Beliau memberi penekanan kepada aspek dakwah yang meletakkan Islam sebagai cara hidup. Konsep ini merangkumi semua aspek kehidupan, iaitu di dalam bidang ekonomi, pendidikan, budaya, hubungan antara manusia, kepimpinan, masyarakat, dan juga hubungan umat Islam dengan non-Muslim.<sup>135</sup> Beliau juga berpendapat bahawa cabaran terbesar ABIM pada abad 21 ialah memperkenalkan Islam secara lebih rinci kepada kaum Cina dan India.

Diikuti oleh saudara Ahmad Azam Abdul Rahman (1997-2001),<sup>136</sup> presiden ABIM ke lima yang lebih menjurus ke arah tema pemugaran semula idealisme untuk menggilap semula dinamik perjuangan serta agenda perpaduan ummah yang bermatlamat untuk memelihara iman, nyawa, harta, maruah, kebebasan, hak dan keselamatan mereka. Salah satu usaha untuk mencapai objektif tersebut ialah mengadakan forum membicarakan dunia Palestin dengan menampilkan dua pemimpin terkemuka, iaitu Allahyarham Dato' Fadhil Noor (Mantan Presiden PAS) dan Tun Mahathir Mohamad (Mantan Perdana Menteri Malaysia) di Dewan Bahasa dan Pustaka. Tujuannya ialah untuk menyatukan pemikiran kedua tokoh pemimpin dalam membicarakan isu Palestin.<sup>137</sup>

Sehingga kini, ABIM terus bergerak aktif dengan dipimpin oleh seorang pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia(UKM), iaitu Dr. Muhammad Razak bin Idris yang dilantik pada 5 Ogos 2009 merupakan Presiden ABIM yang ke tujuh menggantikan saudara Yusri Muhammad (2001-2009).<sup>138</sup>

---

<sup>134</sup> *Ibid.*

<sup>135</sup> *Ibid.*

<sup>136</sup> *Ibid.*

<sup>137</sup> [www.abim.org.my/koleksi](http://www.abim.org.my/koleksi), 6 Mac 2011

<sup>138</sup> “Bual Bicara Menjana Gelombang Kedua Dakwah Berteraskan Ilmu Dan Bakti,” dalam *Risalah* (Jan-April 2011) *Op.Cit.* h. 57

Begitulah secara ringkas sejarah penubuhan dan kepimpinan ABIM yang mempunyai wawasan di dalam membangunkan tamadun ummah abad 21 selaras dengan ajaran al-Qur'an dan sunnah Rasulullah s.a.w. Justeru idea-idea pemikiran kepimpinan ABIM berteraskan dakwah adalah disifatkan sebagai keterbukaan pemikiran dakwah masa kini yang semakin berkembang sesuai dengan tuntutan zaman.

### **3.3 Objektif Penubuhan ABIM**

Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) adalah merupakan institusi dakwah yang telah bergerak aktif sejak sekian lama di negara Malaysia dan di luar negara. Penglibatan ABIM di dalam arena perjuangan dakwah lebih kurang 40 tahun telah dilihat sebagai institusi dakwah yang sangat mengambil berat hal-hal yang berkaitan pembinaan dan pembangunan tamadun ummah selaras dengan visi dan misi penubuhannya, iaitu “**Membina dan Memimpin Tamadun Khaira Ummah,**” dan “**Gerakan Islam Yang Komprehensif Untuk Merealisasikan Cita-cita Islamiah.**”<sup>139</sup> Di dalam merealisasikan perjuangan dakwah, ABIM telah menggariskan beberapa objektif iaitu menegak, mengembang dan memperjuangkan cita-cita Islamiah berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah; menjalankan dakwah Islamiah dengan cara yang progresif kepada seluruh lapisan masyarakat; menggembungkan tenaga belia Islam seluruhnya untuk memberi sokongan dalam meningkatkan taraf kehidupan sosial, ekonomi, pelajaran, kebudayaan, falsafah dan teknologi; dan bekerjasama serta mempererat hubungan dengan mana-mana badan yang mempunyai tujuan yang sejajar dengan ABIM tanpa mengira kaum bagi mewujudkan rasa persahabatan dan harmoni di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.<sup>140</sup> Bagi merealisasikan matlamat dan hala tuju, ABIM

---

<sup>139</sup> ABIM, *Modul Dakwah ABIM: Meniti Sejarah Membangunkan Ummah*, Kuala Lumpur (2003), h. 10

<sup>140</sup> *Ibid.*

telah mengatur pendekatan dakwah semasa yang boleh dinilai dan dilihat keberkesanannya.

### **3.4 Pendekatan Dakwah ABIM**

Dakwah sangat memerlukan kepada kepentingan pengaturan strategi. Agama Islam merupakan objek dakwah (*maudu'*) yang perlu difahami secara jelas oleh para pendakwah.<sup>141</sup> Pentingnya strategi dakwah kerana dakwah merupakan pasaran yang bergantung kepada strategi pemasaran. Ini bermakna pendakwah perlu bijak dalam mempengaruhi, mengajak serta menyeru agar setiap individu melakukan kebajikan dan meninggalkan kejahatan. Kalau berniaga memerlukan strategi untuk mlariskan perniagaannya begitu juga berdakwah memerlukan keberkesanannya.<sup>142</sup> Tegasnya, penekanan konsep ini menunjukkan keperluan dalam strategi berdakwah.

ABIM yang merupakan badan dakwah sememangnya telah mengatur strategi dakwah dari semasa ke semasa walaupun pucuk pimpinan ABIM silih berganti. Di antara pendekatan dakwah ABIM yang dapat dilihat dan dianalisis ialah pendekatan dakwah di dalam bidang pendidikan, kebajikan, sosial dan politik. Di dalam menggerakkan usaha dakwah, ABIM diterajui oleh Presiden, Timbalan Presiden, Naib Presiden Kebangsaan, Naib Presiden Antarabangsa, Naib Presiden HELWA, Setiausaha Agung, Setiausaha Kewangan, Penolong Setiausaha Agung, Biro Dakwah, Biro Pendidikan, Biro Penataran, Biro Tugas Khas (Hubungan Antarabangsa), Biro Pembangunan Sosial, Biro Ikhtisas dan Jaringan Professional, Biro Penerangan, Biro Penyelidikan, Biro Kesihatan, Biro Tugas (Perhubungan Teknologi Maklumat) dan Biro

---

<sup>141</sup> Abdul Karim Zaidan, (1984), *Usul al-Da'wah: Dasar-Dasar Ilmu Dakwah*. H. M. Asywadi Syukur Lc (terj.) Kuala Lumpur: Pustaka Al Ameen, h. 3

<sup>142</sup> Prof. Dr. Aziz, ketika menyampaikan kuliah kaedah penyampaian Usuluddin yang bertajuk: Usul dan Aplikasi Dakwah dalam Pengajian Usuluddin di Bilik Kuliah Universiti Malaya, Jam 2.00 - 5.00 petang, pada 24.2.2010

Tugas Khas yang bertanggungjawab membentuk agensi pelaksana program-program dakwah untuk masyarakat non-Muslim. Ini adalah struktur organisasi ABIM pusat.<sup>143</sup> Selain itu ABIM juga mempunyai cawangan-cawangan di negeri seluruh Malaysia termasuk Sabah, Sarawak dan cawangan ABIM luar negara seperti ABIM Mesir. Justeru, dengan pemantapan struktur organisasi ABIM yang merangkumi setiap bidang, ABIM begitu mudah mengorak langkah untuk melaksanakan tanggungjawab dakwah. Apa yang menarik ABIM telah meletakan dasar *amar ma'ruf nahi mungkar* serta ‘non-partisan’ di dalam melaksanakan pendekatan dakwahnya.

Meninjau pendekatan dakwah dalam bidang pendidikan, ABIM telah memberi perkhidmatan kepada masyarakat setempat seluruh negeri dengan menyediakan pendidikan pra sekolah seperti TASKI, Sekolah Rendah Islam (SERI), Sekolah Menengah Islam (SEMI), Tahfiz, dan juga Kolej Darul Hikmah. Tujuan penubuhan pusat pendidikan ini adalah untuk melihat anak bangsa, generasi pelapis sentiasa mendapat pendidikan agama sepanjang masa walaupun menceburi pelbagai bidang. ABIM menekan aspek pendidikan dan *Tarbiyah Islāmiyyah* kepada pelajar-pelajar dari peringkat rendah sehingga peringkat menengah dan peringkat pengajian tinggi. *Tarbiyah Islāmiyyah* inilah akan membentuk akhlak generasi pelapis sesuai dengan ajaran Islam. Menyoroti perjalanan kepimpinan Dato’ Dr. Sidiq Fadhil, Presiden ABIM ke tiga, beliau telah membina asas pemikiran dakwahnya dengan meletakkan matlamat pembinaan personaliti Muslim (*Syakhsiah Islāmiyyah*), keluarga Islam, membangunkan ummah, dan pembangunan negara berdasarkan sistem *Khalifah Islāmiyyah*.<sup>144</sup> Bagi beliau matlamat ini akan melahirkan kader-kader dakwah yang mampu untuk berhadapan dengan arus globalisasi yang semakin mengancam kehidupan masyarakat.

---

<sup>143</sup> Lihat Lampiran (1) Struktur Organisasi dan Perjawatan ABIM (Pimpinan ABIM Pusat 2009/2010)

<sup>144</sup> Siddiq Fadhil (1989), “*Garis-garis Besar Haluan Perjuangan*,” dalam koleksi Ucapan Dasar Muktamar Senawi ABIM, Mengangkat Martabat Umat, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam, h. 4

Dalam erti kata yang lain pendidikan mampu melahirkan para pendakwah yang berwibawa dan berketerampilan dalam pelbagai bidang yang diceburi.

Program pendidikan bukan dilaksanakan secara formal semata-mata, malah ABIM terus menawarkan kepada masyarakat program keilmuan bagi membolehkan mereka menimba ilmu pengetahuan keagamaan seperti mengikuti kuliah Tafsir Maududi bimbingan Dato' Dr. Siddiq Fadhil, kuliah Ibnu Khaldun bimbingan Dr. Ustaz Uthman el-Muhammadi, dan juga kuliah Halaqah Matla` al-Badryn bimbingan Prof. Dato' Dr. Siti Zulaikha. Program-program ini sebenarnya dapat membantu menambahkan lagi ilmu pengetahuan dan seterusnya dapat memantapkan penguasaan ilmu pengetahuan, khususnya ilmu pengetahuan keagamaan.<sup>145</sup>

ABIM juga tidak melupai saudara baru yang ingin berjinak-jinak untuk mengenali, mempelajari, memahami dan mengamalkan ajaran Islam. Apa yang dilakukan oleh ABIM ialah menyediakan perkhidmatan untuk saudara baru serta kursus dan kelas bimbingan pengajian Islam dalam Bahasa Inggeris. Saudara baru perlu mendapat pendidikan Islam yang sempurna supaya mereka tidak kembali kepada agama asal. Hal ini merupakan satu cabaran kepada ABIM di dalam menyantuni saudara baru yang ingin mendalami Islam. Dalam hal ini Dr. Siddiq Fadhil ingin melihat Islam disampaikan sehingga melintasi batas dan sempadan perkauman.<sup>146</sup> Oleh sebab itu, program Islamic Outreach ABIM diadakan bagi membantu saudara baru dan menarik minat kaum Cina dan India untuk mendekati Islam.

---

<sup>145</sup> Temu bual dengan Dr. Muhamad Razak Idris, Presiden ABIM, di Universiti Kebangsaan Malaysia, 2.30-4.00 petang, pada 1 Mei 2011

<sup>146</sup> Badlihisham Mohd Nasir (2008), "Ketokohan Dan Pemikiran Dakwah Dato Dr. Siddiq Fadhil," dalam Jurnal Usuluddin, Bil. 27, h. 12

### **3.5 Pendekatan Dakwah Non-Muslim**

Kajian ini akan memfokuskan latar belakang dan strategi pendekatan Islamic Outreach ABIM di dalam menarik minat masyarakat non-Muslim untuk memahami ajaran Islam yang sebenar. Tujuan kajian adalah untuk menilai aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah non-Muslim terhadap program Islamic Outreach ABIM.

#### **3.5.1 Penubuhan Dan Objektif Islamic Outreach ABIM<sup>147</sup>**

Aktiviti dakwah dan tarbiah merupakan teras utama gerak kerja ABIM. Bagi melaksanakan tugas ini, ABIM telah menukuhan Islamic Outreach ABIM (IOA) pada 26 Oktober 1987.<sup>148</sup> Outreach merupakan suatu konsep aktiviti yang dilaksanakan untuk menyampaikan seruan Islam kepada kelompok sasaran.<sup>149</sup> IOA dibentuk oleh ABIM Pusat di bawah kelolaan Biro Tugas Khas ABIM Pusat hasil keputusan muktamar ke-12 yang diadakan pada tahun 1985. Keputusan Muktamar juga bersepakat melantik Dr. Zaini bin Hamzah sebagai pengurus IOA yang pertama. Beliau juga merupakan pencetus idea penubuhan IOA.

Berdasarkan pandangan dan pendapat Dr. Zaini bin Hamzah, perkataan Outreach merupakan istilah yang digunakan untuk menerangkan suatu konsep pendekatan dakwah yang dapat difahami sendiri dari penggunaannya.<sup>150</sup> Jelasnya, istilah ini bermaksud sesuatu kerja dakwah yang disampaikan oleh setiap para pendakwah melalui pendekatan dakwah *bi al-hāl* dan *bi al-lisān*. Dr. Syed Norazaman juga berpendapat perkataan ini juga sesuai digunakan dalam konteks dakwah non-Muslim di Malaysia. Beliau berpendapat bahawa Kristian juga menggunakan istilah ini

---

<sup>147</sup> Penulis akan menggunakan singkatan IOA dalam kajian ini yang bermaksud Islamic Outreach ABIM

<sup>148</sup> Temu bual dengan En. Azril Muhammad Amin, Pengurus Outreach ABIM, di Masjid Negara, Jam 2.30-4.00 petang, pada 22 April 2011

<sup>149</sup> Zaini Hamzah, *Kertas Seminar Kesedaran Umat Islam Untuk Berdakwah Kepada Masyarakat Belum Islam Di Malaysia* pada 21 Ogos 1998, Pusat Islam Kuala Lumpur

<sup>150</sup> Ibid.

bagi menjalankan aktiviti dakyah mereka.<sup>151</sup> Jelasnya, konsep ini diperkenalkan dan dimasyurkan kerana untuk menarik kelompok sasaran non-Muslim mendekati Islam tanpa sebarang prejedis terhadap ajaran Islam.

Sehingga kini IOA masih aktif dalam bidang dakwah non-Muslim. Pada awal penubuhannya IOA telah mengorak langkah dengan memperkenalkan bidang tugasnya dan peranannya kepada seluruh masyarakat khusus non-Muslim. Justeru, sehingga kini masyarakat secara umumnya mengenali IOA dengan lebih dekat terutamanya warga luar negara (non-Muslim) yang ingin mempelajari serta memeluk Islam. Untuk itu, IOA telah menetapkan objektif penubuhannya seperti berikut:

- i. Menyampaikan seruan Islam kepada masyarakat non-Muslim menurut ajaran Islam yang sebenarnya. Dalam hal ini, para sukarelawan (pendakwah) IOA akan menggunakan pendekatan *bi al-hikmah* dan *mau'izah al-Hasanah* dalam segala tindakan semada melalui dakwah *bi al-hāl* atau *bi al-lisān*.<sup>152</sup>
- ii. Memberi bimbingan yang secukupnya kepada saudara baru yang sangat memerlukan panduan dan tunjuk ajar di dalam memahami ajaran Islam yang sebenar. Secara tidak langsung dapat memupuk dan mengeratkan lagi ikatan persaudaraan sesama Islam.<sup>153</sup>

Dalam merealisasikan usaha ini, IOA telah merancang program-program dakwah non-Muslim yang lebih memfokuskan konsep ‘outreach’.<sup>154</sup> Pendekatan ini

<sup>151</sup> Temu bual dengan Dr. Syed Norazman bin Syed Mustafa, Penceramah sukarelawan saudara baru IOA, di IOA Ampang Hilir 2 Kuala Lumpur, Jam 10.00-11.00 pagi, pada 28 April 2011

<sup>152</sup> Temu bual dengan Dr. Muhamad Razak bin Idris, Presiden ABIM, di Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, Jam 2.30-5.00 petang, pada 18 Mei 2011

<sup>153</sup> *Ibid.*

<sup>154</sup> Perkataan Outreach merupakan istilah bahasa Inggeris yang digunakan untuk menggambarkan suatu konsep penyampaian risalah atau ajaran Islam secara langsung kepada kelompok sasaran. (Temu bual

diaplikasikan dengan mengadakan program-program yang dapat menarik minat non-Muslim untuk mendekati serta memahami Islam dengan baik. Sebagai contohnya IOA telah menjalankan Program Saudara Baru, Program Pemandu Pelancong, Program khidmat Orang Asli, Program Ziarah Hospital dan Program Dialog Antara Agama. Program-program ini dapat dikategorikan di dalam pendekatan dakwah *bi al-lisān* dan *bi al-hāl* yang memerlukan pengorbanan dan kemahiran yang tinggi.<sup>155</sup>

### **3.5.2 Struktur Organisasi Islamic Outreach ABIM<sup>156</sup>**

Islamic Outreach ABIM merupakan agensi yang ditubuhkan oleh ABIM pusat di bawah pengelolaan Biro Tugas-Tugas Khas. Secara pentadbiran, IOA diberi amanah untuk menjalankan tanggungjawab sebagai agensi yang diasingkan dari pentadbiran ABIM pusat. Di dalam membentuk gerak kerja secara lebih sistematik, IOA telah menstrukturkan pengurusan pentadbiran mengikut bidang tugas seperti berikut:

#### **i. Pengerusi IOA**

Pengerusi IOA bertanggungjawab di dalam melaksanakan tugas-tugas pentadbiran. Antaranya ialah berkaitan dengan pengurusan kewangan, merancang program-program dakwah non-Muslim, mempengerusikan mesyuarat dan menyelia program-program yang telah dilaksanakan dari semasa ke semasa. Selain itu, pengerusi juga mempunyai tugas khas iaitu bertanggungjawab dalam mengadakan Program Dialog Antara Agama. Pengerusi IOA adalah Encik Azril bin Muhammad Amin yang bertugas sebagai seorang peguam.<sup>157</sup>

---

dengan En. Azri bin Muhammad Amin, Pengerusi IOA, di Masjid Negara Kuala Lumpur, Jam 2.30-4.00 petang, pada 22 April 2011

<sup>155</sup> *Ibid.*

<sup>156</sup> Lihat Lampiran (2) Carta Organisasi dan Perjawatan IOA

<sup>157</sup> Temu bual dengan En. Azril Muhammad Amin, Pengerusi IOA, di Masjid Negara Kuala Lumpur, Jam 2.30-4.00 petang, pada 22 April 2011

## **ii. Timbalan Pengerusi**

Puan Normah binti Sulaiman merupakan Timbalan Pengerusi IOA. Selain membantu pengerusi, beliau juga bertugas sepenuh masa di dalam menjalankan tugas-tugas dakwah. Beliau bergiat secara aktif sejak IOA ditubuhkan pada 1987. Di antara tugas khas yang berada di bawah tanggungjawab beliau ialah mengadakan Program Pemandu Masjid.<sup>158</sup>

## **iii. Pengurus Hal Ehwal Pentadbiran**

Jawatan ini diwujudkan bagi memastikan pengurusan hal ehwal saudara baru dan non-Muslim yang ingin mendapat khidmat melalui IOA di Ampang Hilir dapat berjalan dengan lancar.<sup>159</sup> Oleh itu, Puan Aisyah selaku pengurus hal ehwal pentadbiran dan ketua unit saudara baru bertanggungjawab dalam urusan proses pengIslamian, kaunseling, kelas pengajian Islam dan kebajikan saudara baru.

## **iv. Unit Orang Asli**

Unit ini diketuai oleh Saudara Hilmi bin Jamaluddin. Bidang tugas unit ini ialah mengadakan program-program sosio-ekonomi, perubatan percuma, dan pendidikan kepada orang-orang Asli. Program ini lebih memfokuskan dakwah *bi al-hāl*.<sup>160</sup>

## **v. Unit Ziarah Hospital**

Pegawai Pengurus Unit ini adalah saudara Zulharman bin Zakaria. Beliau bertanggungjawab dalam merancang dan melaksanakan program ini mengikut jadual yang telah ditetapkan.<sup>161</sup>

---

<sup>158</sup> *Ibid.*

<sup>159</sup> *Ibid.*

<sup>160</sup> *Ibid.*

## **vi. Unit Saudara Baru**

Antara bidang tugas unit ini ialah mengadakan sesi kaunseling kepada non-Muslim yang ingin memeluk agama Islam, menyelia program kelas pengajian Islam dan memproses pengIslamahan.<sup>162</sup>

## **vii. Unit Dialog Antara Agama**

Unit ini diketuai sendiri oleh pengurus IOA. Bidang tugasnya ialah merancang program dialog antara agama dengan melibatkan badan-badan NGO yang lain. Unit ini dinamakan sebagai sekretariat Program Dialog Antara Agama.<sup>163</sup>

### **3.5.3 Program Kaunseling<sup>164</sup>**

Kaunseling adalah satu proses nasihat yang diberikan oleh seseorang kaunselor kepada klien yang menghadapi sesuatu masalah yang memerlukan kepada penyelesaian. Dalam bidang dakwah non-Muslim, IOA telah menggunakan pendekatan kaunseling bagi menyelesaikan konflik dan emosi individu non-Muslim yang ingin memeluk agama Islam. Tegasnya proses kaunseling yang dijalankan di IOA lebih memfokuskan garis panduan bagi non-Muslim yang ingin memeluk agama Islam.

Sesi kaunseling non-Muslim memerlukan kepakaran dan kemahiran yang tinggi. Oleh itu, Islamic Outreach ABIM telah melantik sukarelawan panel kaunseling yang berpengalaman luas dalam bidang tersebut dalam kalangan profesional, peguam dan juga pensyarah. Antaranya ialah Ustaz Abdul Rahim bin Wan (Peguam Syarie), Prof. Dr. Norazman Mustafa (Felo Universiti Malaya) dan Dr. Mehron Sirraj (Peguam).

---

<sup>161</sup> Temu bual dengan En.Azril Muhammad Amin, Pengurus IOA, di Masjid Negara Kuala Lumpur, Jam 2.30-4.00 petang, pada 22 April 2011

<sup>162</sup> *Ibid.*

<sup>163</sup> *Ibid.*

<sup>164</sup> Temu bual dengan Puan Aisyah Binti Abdullah, Pegawai Kaunseling IOA, di IOA Ampang Hilir 2 Kuala Lumpur, Jam 9.00-10.00 pagi, pada 6 Mei 2011

Panel-panel kaunseling IOA akan dirujuk sekiranya terdapat masalah aduan yang terlalu akademik dalam kalangan para pengadu luar negara yang ingin mencari kebenaran dengan membuat perbandingan antara ajaran agama,<sup>165</sup> khususnya ajaran Islam dan ajaran anutan asal individu.

Proses kaunseling yang dilaksanakan adalah berdasarkan aduan yang dibuat oleh seseorang klien. Berdasarkan pengalaman pegawai IOA, terdapat banyak aduan yang dibuat oleh non-Muslim sepanjang beliau menjalankan tugas sebagai kaunselor IOA. Di dalam hal ini, aduan kes perkahwinan antara non-Muslim dengan Muslim merupakan kes yang paling banyak diterima oleh IOA. Dianggarkan dengan peratusan kekerapan aduan sebanyak 95% setiap tahun.<sup>166</sup> Selain itu terdapat juga pengadu yang hadir untuk mempelajari agama Islam kerana minat dan ingin memeluk Islam. Oleh itu, pegawai IOA yang bertugas akan mengadakan sesi kaunseling sehingga pengadu berpuas hati, memahami dan menerima Islam dengan baik dan rela hati.<sup>167</sup>

### **3.5.4 Program Pengajian Saudara Baru<sup>168</sup>**

Program ini merupakan suatu program asas fardu ain yang telah dirancang oleh IOA untuk memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada saudara baru yang telah memeluk Islam melalui IOA atau agensi yang lain. Program ini dilihat sebagai satu program yang memberi kefahaman berhubung ajaran Islam yang sebenar kepada saudara baru.

Program ini dilaksanakan mengikut perancangan jadual yang telah ditetapkan oleh unit pengurusan saudara baru pada setiap tahun. Kelas pengajian ini juga dijadualkan pada setiap bulan. Pengisian program yang terdapat di dalam jadual tersebut merangkumi kelas pengajian akhlak, akidah, ibadah, dan pengajian al-Qur'an. Selain

---

<sup>165</sup> Ibid.

<sup>166</sup> Ibid.

<sup>167</sup> Ibid.

<sup>168</sup> Lihat Lampiran (3) Islamic Studies Classes Schedule Year 2011

itu, Unit Saudara Baru IOA juga mengadakan beberapa kursus tambahan bagi membantu saudara baru memahami ajaran Islam yang sebenar. Kursus yang telah dijalankan seperti kursus isu-isu semasa, kaunseling, dialog antara agama,<sup>169</sup> kursus pengurusan jenazah dan kursus pra-perkahwinan Islam.<sup>170</sup> Kelas pengajian ini menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi pengajian. Ini kerena untuk menyesuaikannya dengan situasi saudara baru yang lebih memahami ilmu dengan penggunaan bahasa Inggeris.

Program ini juga dilaksanakan secara berperingkat. Peringkat pertama adalah peringkat pengenalan yang diadakan secara khusus kepada saudara baru dan juga individu-individu non-Muslim yang berminat untuk mempelajari Islam. Peringkat kedua merupakan program permulaan (*Beginners Class*) yang diadakan pada setiap bulan. Merujuk kepada jadual perancangan 2011 yang dikeluarkan oleh IOA, antara program ialah: *Beginners Class Islamic Quran Reading, Beginners Class Azan & Iqamah Competitition, Beginners Islamic Spritual Walk, Beginners Class Islamic Treasure Hunt, Beginners Class Hari Raya Gathering, Beginners Class Speaker Corner, Beginners Class Tilawah Al-Qur'an*, dan *Beginners Class Quiz and Mujamallah*.<sup>171</sup> Pelaksanaan program-program ini bertujuan untuk memberi asas pengajaran Islam yang sebenarnya kepada saudara baru yang ingin berjinak-jinak dengan ajaran Islam.

### **3.5.5 Program Pemandu Pelancong<sup>172</sup>**

Sekitar empat juta para pelancong luar datang berkunjung ke Masjid dan Pusat Islam Malaysia pada setiap tahun. Sebelum itu, di Masjid di sekitar Kuala Lumpur tidak

---

<sup>169</sup> Ia dapat dilihat melalui kursus dan program Biginners Class, Islamic Discourse, Speakers Corner, dan Pra Marriage Course. Tuntasnya setiap program yang dijalankan mengaplikasikan pendekatan Ilmu Perbandingan Agama. Hasil ikut serta pengkaji diprogram-program IOA pada 3- 17 April 2011 bermula jam 9.00 pagi-5.00 petang, di IOA Ampang Hilir 2 Kuala Lumpur

<sup>170</sup> Lihat Lampiran (3) Islamic Studies Classes Schedule Year 2011

<sup>171</sup> *Ibid.*

<sup>172</sup> Lihat Lampiran (4) Mosque Tour Guide Programme

menyediakan sebarang pamphlet secara khusus kepada para pelancong dan dalam masa yang sama tidak ada seorang pegawai yang ditugaskan sebagai pemandu pelancong di Masjid. Oleh itu, Islamic Outreach ABIM telah mengambil kesempatan ini untuk menjalankan usaha dakwah dengan memperkenalkan program pemandu pelancong kepada sukarelawan yang berminat untuk menyampaikan mesej Islam dan menghapuskan ketidakfahaman para pelancong terhadap Islam.<sup>173</sup>

Program ini merupakan satu program sukarelawan pemandu pelancong yang dilaksanakan di masjid-masjid di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Antara lokasi masjid ialah di Masjid Negara, Masjid Jamek , Masjid Putera Putrajaya, Masjid Sultan Abdul Aziz Shah, Masjid Wilayah Persekutuan dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin. Pelaksanaan program adalah bertujuan untuk memberi penerangan dan penjelasan kepada pelancong mengenai syiar Islam. Oleh itu, pihak IOA akan menganjurkan Kursus Latihan Pemandu Pelancong (sukarelawan masjid) sebagai persediaan awal bagi memantapkan sukarelawan yang minat dalam bidang tersebut.<sup>174</sup>

Kursus latihan pemandu pelancong (sukarelawan masjid) dianjurkan oleh IOA dengan kerjasama pihak pentadbiran masjid. Kursus ini diadakan mengikut keperluan semasa dan permintaan para sukarelawan. Objektif utama kursus adalah memberi pendedahan berkaitan bidang tugas pemandu pelancong. Kefahaman berkaitan tugas dapat mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan tentang kaedah-kaedah yang berkesan terutamanya dalam aspek komunikasi berkesan untuk menjalankan tugas sebagai pemandu pelancong (sukarelawan masjid). Penulis telah menghadiri kursus tersebut pada 19-20 April 2011 di Dewan Syarahan Utama, Masjid Negara, Kuala Lumpur. Penceramah yang dijemput adalah Saudara Shahkirit Kalulai Govindji dan

---

<sup>173</sup> Temu bual dengan Puan Normah Sulaiman, Timbalan Pengurusi IOA, di Masjid Negara Kuala Lumpur, Jam 9.00-10.30 pagi, pada 15 April 2011

<sup>174</sup> Ibid.

Engku Ahmad Fauzi Engku Mohsin dari Islamic Information and Services Foundation (IIS). Antara tajuk ceramah yang disampaikan adalah Sejarah Kristian, pengalaman pertemuan bersama Paderi dan kunjungan ke Gereja, Asas Kepercayaan Kristian, Buddha dan Hindu, dakwah melalui Lawatan berpandu Masjid, Islam dan Sains Moden, dan soalan lazim dari pelancong non-Muslim ketika mengunjungi masjid. Kursus selama dua hari telah menarik minat para peserta seramai 58 orang untuk menceburkan diri dalam bidang dakwah non-Muslim melalui pendekatan program pemandu pelancong masjid.<sup>175</sup>

Secara praktikal, para sukarelawan yang mengikuti kursus ini akan berada di Masjid yang ditetapkan untuk menjalankan tugas sebagai pemandu pelancong masjid. Setiap para sukarelawan hendaklah menguasai bahasa Inggeris untuk berkomunikasi dengan para pelancong luar yang terdiri dari pelbagai negara, bangsa, dan agama. Tindakan awal sukarelawan ialah menyambut kedatangan mereka dengan memberi layanan yang baik.

Seterusnya para pelancong akan dibawa untuk menziarahi masjid.<sup>176</sup> Dalam pada itu, sukarelawan perlu menerangkan tentang cara berpakaian di dalam Islam. Penerangan disampaikan apabila para pelancong non-Muslim diwajibkan untuk memakai pakain khas<sup>177</sup> yang disediakan oleh pihak pentadbiran Masjid. Selain itu, juga dijelaskan mengenai tatacara Muslim menunaikan solat, adab berada di masjid, seni bina masjid dan lain-lain persoalan yang ditanya oleh pelancong non-Muslim.<sup>178</sup>

---

<sup>175</sup> Pemerhatian dan ikut serta penulis dalam kursus pemandu pelancong siri 1/2011 di Masjid Negara Kuala Lumpur, Jam 9.00 pagi-3.00 petang, pada 19-20 April 2011

<sup>176</sup> Temu bual dengan Puan Normah Sulaiman, Timbalan Pengurus IOA, di Masjid Negara Kuala Lumpur, Jam 9.00-10.30 pagi, pada 15 April 2011

<sup>177</sup> Pakaian Muslim yang menutup aurat para pelancong non-Muslim ketika memasuki ruangan masjid

<sup>178</sup> Temu bual dengan Puan Normah Sulaiman, Timbalan Pengurus IOA, di Masjid Negara, Jam 9.00-10.30 pagi, pada 15 April 2011

### **3.5.6 Program Ziarah Hospital<sup>179</sup>**

Program ini adalah satu program lawatan ke hospital untuk menziarahi para pesakit non-Muslim dan Muslim. Program yang bersifat dakwah *bi al-hāl* ini dijalankan oleh IOA pada setiap minggu di Hospital Ampang dan Hospital Besar Kuala Lumpur. Program ini juga dinamakan sebagai program sukarelawan hospital yang diurus tadbir oleh pihak IOA Ampang Hilir.

Program ini bertujuan untuk membantu dan memberi sokongan sosial, kebajikan dan emosi pesakit-pesakit semasa mereka menjalani rawatan dan pemulihan di hospital. Antara bentuk sokongan sosial dan kebajikan pesakit ialah berkomunikasi dengan para pesakit, memberi sokongan moral dan material, memberi buah tangan (buah-buahan dan makanan), membantu membeli barang keperluan harian mereka, memberi tuisyen/mengajar pesakit kanak-kanak, membantu mengesan waris, membawa bahan-bahan bacaan, membantu mengendalikan Perpustakaan Bergerak, mengadakan jamuan sempena hari raya, melibatkan diri dengan aktiviti hospital bagi tujuan kebajikan, memberi bantuan peralatan perubatan yang tidak dibekalkan oleh pihak hospital (*diapers, crutches, kerusi roda, colostomy bags* dan lain-lain), mengadakan aktiviti rekreasi-lawatan keluar dan aktiviti dalaman, memberi sokongan kerohanian, membantu yang tiada upaya untuk dihantar ke wad, membaca, melukis bersama-sama pesakit, membantu menjadi penterjemah bagi pesakit yang bermasalah tentang penggunaan bahasa, membantu memberi penerangan dan menunjuk lokasi wad/klinik/jabatan kepada pesakit, mencuci/memotong kuku dan melaksana program mengazarkan bayi bagi Muslim.<sup>180</sup> Kerja-kerja ini memerlukan komitmen yang tinggi di dalam merealisasikan tujuan dan matlamat yang hendak dicapai dalam menjelaskan ajaran Islam yang sempurna dan amat prihatin terhadap permasalahan individu lain dan

---

<sup>179</sup> Lihat Lampiran (5) Garis Panduan Perkhidmatan Sukarelawan Hospital Ampang

<sup>180</sup> *Ibid.*

sekaligus menyebarkan rasa *mahabbah* dalam kalangan pesakit dan sukarelawan dan juga membuktikan Islam amat adil dalam layanan hubungan komuniti Muslim-non-Muslim yang bertepatan dengan ajaran Islam.<sup>181</sup>

Atas kesedaran inilah IOA telah membuka peluang kepada sukarelawan yang berminat untuk menyertai program ini. Para sukarelawan yang menyertai program akan dinilai terlebih dahulu oleh panel penilai IOA. Langkah pertama mereka perlu mengisi satu salinan borang permohonan sukarelawan serta dua keping gambar.<sup>182</sup> Setelah itu, mereka akan ditemu bual dan dinilai tahap kemampuan dan komitmen oleh Jawatankuasa Perkhidmatan Sukarelawan Hospital Ampang. Mereka dimaklumkan sama ada akan diterima sebagai sukarelawan atau tidak diterima. Sekiranya diterima, dalam tempoh tiga minggu mereka akan dipanggil untuk mendengar taklimat mengenai cara memberi perkhidmatan di wad-wad hospital di samping yang utama pengetahuan berhubung cara berkomunikasi dengan pesakit Muslim-non-Muslim dan mempunyai pengetahuan ajaran Islam yang mantap dan faham prinsip Ilmu Perbandingan Agama. Pihak IOA juga menganjurkan kursus untuk sukarelawan yang menekan aspek aplikasi Ilmu Perbandingan Agama sebagai metode dakwah non-Muslim.<sup>183</sup>

Para Sukarelawan Hospital yang akan menjalankan tugas terlebih dahulu perlu melaporkan diri kepada pegawai pengawas serta mengisi Buku Daftar Sukarelawan di wad.<sup>184</sup> Setelah itu, mereka perlu mengenal pasti pesakit-pesakit yang memerlukan perkhidmatan sukarelawan. Ini adalah untuk memastikan bahawa perkhidmatan yang diberikan adalah bersesuaian dengan para pesakit mengikut kategori rawatan wad-wad

---

<sup>181</sup> Temu bual dengan Zulharman Zakaria, Pegawai Unit Program Ziarah Pesakit Hospital, di IOA Ampang Hilir 2 Kuala Lumpur, Jam 9.00-11.00 pagi, pada 22 Mei 2011

<sup>182</sup> Lihat Lampiran (5) Garis Panduan Perkhidmatan Sukarelawan Hospital Ampang

<sup>183</sup> Lihat Lampiran (6) Cara Menyertai Program Sukarelawan Ziarah Pesakit di Hospital

<sup>184</sup> *Ibid.*

di hospital. Oleh itu, para sukarelawan hendaklah merekodkan perkhidmatan yang telah diberikan dalam buku daftar bagi memudahkan kerja-kerja penyeliaan dan penyemakan.

Walaupun para sukarelawan bebas memberikan perkhidmatan di wad-wad tetapi terdapat juga larangan dari pihak hospital yang perlu dipatuhi. Di antara tempat-tempat yang tidak dibenarkan untuk menjalankan perkhidmatan sukarelawan ialah di Bilik Bedah, Unit Rawatan Rapi, Unit Rawatan Jantung, Unit Rawatan Bayi, Unit Bersalin, pesakit di bawah perintah Mahkamah, Bilik Rekod Perubatan, Bilik Pengasingan, dan tempat-tempat yang dikenal pasti oleh pihak hospital. Tempat-tempat yang boleh diziarahi oleh para sukarelawan adalah tempat-tempat yang telah mendapat kebenaran khusus dari pihak pentadbiran hospital.<sup>185</sup>

Aktiviti sukarelawan hospital merupakan amal kebajikan yang bersifat dakwah *bi al-hāl*. Oleh itu, dalam menjalankan tugas sukarelawan hospital nilai etika adalah sangat penting di dalam menentukan keberkesanan dakwah. Di antara etika kerja sukarelawan ialah hendaklah merahsiakan semua maklumat perubatan pesakit, mengawal penglibatan emosi dan fizikal pesakit, jujur serta amanah, mematuhi undang-undang yang ditetapkan dan sentiasa memakai tanda nama ketika memberikan perkhidmatan sukarela di hospital. Kesemua ini adalah pendekatan dalam Ilmu Perbandingan Agama yang menekankan disiplin akhlak dan memahami latar-belakang anutan dan kepercayaan individu pesakit, namun dalam masa yang sama tetap menjaga kerahsiaan perubatan pesakit.

### **3.5.7 Program Khidmat Orang Asli**

IOA juga menjalankan usaha dakwah kepada Orang Asli. Di dalam menarik minat dan menjinakkan Orang Asli dengan ajaran Islam, IOA menggunakan pendekatan dakwah

---

<sup>185</sup> Lihat Lampiran (5) Garis Panduan Perkhidmatan Sukarelawan Hospital Ampang

*bi al-hāl*. Ini kerana sikap dan latar-belakang Orang Asli yang tidak mempunyai pengetahuan mengenai agama. Mereka tidak mementingkan kehidupan beragama dan masih mengamalkan kepercayaan Animisme.

Sebelum mengikuti program Orang Asli, para sukarelawan IOA akan diberi taklimat secara ringkas mengenai pantang larang Orang Asli. Taklimat ini adalah amat penting bagi para pendakwah IOA dalam menyampaikan mesej dakwah yang hendak disampaikan.<sup>186</sup> Pengetahuan tentang pantang larang ini merupakan faktor keberkesanan dalam mendekatkan diri dengan kehidupan masyarakat Orang Asli. Sebagai contohnya, seorang pengunjung tidak dibenarkan naik ke rumah sehingga dipelawa oleh tuan rumah. Setelah itu, tidak dibenarkan masuk di ruangan dapur. Para pengunjung perlu duduk di tempat yang sesuai dan jangan sekali-kali menyentuh atau mengusik barang-barang yang ada di dalam rumah tersebut. Bagi para pendakwah jangan berjanji semata-mata untuk menyedapkan hati Orang Asli atau untuk mendapatkan pengaruh atau simpati. Begitu juga para pendakwah tidak dibenarkan menyebut perkataan ‘Melayu’ ketika berbual-bual dengan Orang Asli.<sup>187</sup> Ini kerana mereka beranggapan bahawa masuk Melayu bermakna masuk Islam. Ini merupakan sebahagian dari pantang larang yang terdapat di dalam kehidupan masyarakat Orang Asli. Oleh itu, sewajarnya para pendakwah perlu mempelajari secara mendalam tentang adat kepercayaan Orang Asli khususnya berkaitan Animisme. Hal ini merupakan antara aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam mendekati non-Muslim yang ditekankan oleh IOA.

Orang Asli paling senang apabila para pendakwa dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan mereka. Kebiasaan Orang Asli ialah mereka sangat memerlukan pertolongan dan bantuan yang berbentuk kewangan dan kebajikan. Di dalam

---

<sup>186</sup> Temu bual dengan En. Hilmi Jamaluddin, Pegawai Unit Orang Asli IOA, di IOA Ampang Hilir 2 Kuala Lumpur, Jam 8.00-10.00 pagi, pada 23 Mei 2011

<sup>187</sup> *Ibid.*

menjalankan usaha dakwah ke atas orang Asli, beberapa program telah dijalankan oleh pihak pengurusan Unit Orang Asli IOA.<sup>188</sup> Antara program-program yang mendapat sambutan dari masyarakat Orang asli ialah program sosia-ekonomi, program kesihatan percuma dan program pendidikan. Ini merupakan antara pendekatan dakwah terhadap non-Muslim yang menggunakan aplikasi Ilmu Perbandingan Agama iaitu memahami gejala kepercayaan dalam komuniti Orang Asli dan keperluan mereka.

Program sosio-ekonomi merupakan program bantuan pemulihan taraf hidup masyarakat Orang Asli. Program ini dilaksanakan mengikut keperluan tempat pemastautin Orang Asli. Kebanyakan mereka lebih suka bercucuk tanam. Oleh itu, IOA akan cuba membantu dengan membuka kawasan pertanian baru di kawasan penempatan Orang Asli dan menyediakan kemudahan jentera pembajak, baja, racun serangga untuk melancarkan aktiviti pertanian. Program ini dapat meningkatkan taraf ekonomi masyarakat Orang Asli yang masih hidup dalam taraf kemiskinan.<sup>189</sup>

Pihak IOA juga mempunyai kepakaran dalam bidang kesihatan.<sup>190</sup> Oleh itu, IOA telah menyediakan khidmat klinik kesihatan percuma kepada masyarakat Orang Asli. Kebiasaan sumbangan ini berbentuk pemeriksaan kesihatan secara berkala, pemeriksaan darah, dan juga penyediaan ubat-ubatan secara percuma. Selain itu, pesakit yang kronik akan dibawa ke hospital berdekatan untuk mendapatkan rawatan dengan lebih baik.

Masyarakat Orang Asli juga memerlukan khidmat pendidikan secara berterusan. Bagi memastikan Orang Asli tidak ketinggalan dalam dunia pendidikan, para sukarelawan IOA telah menyediakan tenaga guru-guru yang berpengalaman untuk mengajar mereka. Dengan itu, IOA kelas tuisyen kepada anak-anak Orang Asli secara

---

<sup>188</sup> *Ibid.*

<sup>189</sup> *Ibid.*

<sup>190</sup> *Ibid.*

berjadual. Kelas ini dapat membantu mereka dalam memahami pelajaran-pelajaran yang diajar di sekolah.<sup>191</sup> Tuntasnya, segala khidmat yang dilaksanakan oleh IOA selaras dan menepati aplikasi Ilmu Perbandingan Agama yang memperlihatkan kecenderungan memahami keperluan golongan sasaran melalui pendekatan dakwah *bi al-hāl*.

### **3.5.8 Program Dialog Antara Agama**

Saudara Azri Muhammad Amin, pengurus IOA menyatakan bahawa pada tahun 1970-an ABIM telah mula mengadakan dialog antara Islam dan Konfusianisme. Oleh itu, beliau berpendapat bahawa pelaksanaan Program Dialog Antara Agama adalah sangat penting di dalam menyuburkan semangat kerukunan kehidupan masyarakat beragama khususnya di Malaysia. Beliau mengatakan bahawa para sukarelawan IOA adalah merupakan pendakwah yang bertanggungjawab di dalam menyampaikan seruan Islam ketika menyertai Program Dialog Antara Agama. Beliau juga mengakui bahawa walaupun tujuan dialog bukan untuk mengajak umat agama lain menganut sesuatu agama, tetapi bagi para pendakwah perlu menyertai program ini untuk menyatakan kebenaran ajaran Islam terutama kepada penganut agama Kristian.<sup>192</sup> Hal ini kerana pembahasan kepercayaan Kristian sangat berkaitan dengan ajaran Islam.

Menurut Presiden ABIM, Dr. Muhamad Razak Idris bahawa program ini merupakan kesediaan dan keupayaan satu-satu kelompok agama memberi respon dan reaksi terhadap sebarang permasalahan yang berbangkit sama ada perkara tersebut melibatkan kelompoknya sendiri atau orang lain.<sup>193</sup> Beliau juga menyatakan bahawa dialog dikategorikan kepada empat bahagian iaitu:<sup>194</sup>

---

<sup>191</sup> *Ibid.*

<sup>192</sup> Temu bual dengan En. Azril Muhammad Amin, Pengurus IOA, di Masjid Negara Kuala Lumpur, Jam 2.30-4.00petang, pada 22 April 2011

<sup>193</sup> Temu bual dengan Dr. Muhamad Razak bin Idris, Presiden ABIM, di Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, Jam: 2.30-5.00 petang, pada 18 Mei 2011

<sup>194</sup> *Ibid.*

1. Dialog kehidupan: iaitu pertemuan antara umat berlainan agama dalam kehidupan seharian seperti gotong-royong menjayakan aktiviti sosial, ekonomi dan seumpamanya.
2. Dialog kerja sosial: Suatu bentuk kesinambungan dari dialog kehidupan di mana penekanan terhadap kesedaran dan kepentingan betapa perlu hidup secara beragama dalam pertemuan yang dikelolakan.
3. Dialog Teologi: iaitu lebih merupakan perbincangan yang menyangkut tentang aspek doktrin dan keimanan.
4. Dialog Spiritual: iaitu berlegar di dalam esoteric (alam kerohanian) yang melibatkan orang tertentu sahaja dari kalangan pengamal mistik.<sup>195</sup>

Dalam hal ini IOA mula mengorak langkah dengan melaksanakan program dialog kehidupan dan dialog kerja sosial sebagai pendekatan dakwah terhadap non-Muslim. IOA bertindak sebagai sekretariat kepada World Council of Muslim Inter-faith Relation (WCNIR) dan Majlis Antara Agama dalam mengadakan program dialog keagamaan dengan pertubuhan agama Kristian, Buddha, Hindu, Sikh dan Bahai.<sup>196</sup> Justeru, IOA mengatur program tersebut dengan mengadakan mesyuarat bersama penganut agama lain yang mewakili badan NGO bagi membincangkan isu dan peraturan dialog. Kesepakatan dalam mesyuarat ini dapat melancarkan lagi perjalanan program tersebut.

IOA bukan sahaja bertindak sebagai Sekretariat Pelaksanaan Program Dialog Antara Agama. IOA juga terlibat secara langsung dengan program dialog yang

---

<sup>195</sup> Individu yang mengamalkan sesuatu ajaran kerohanian seperti suluk atau ‘uzlah sehingga mengalami keadaan ghaib yang tidak dapat diselami oleh pemikiran manusia. Kamus Dewan, *Op.cit.* h. 1037

<sup>196</sup> Temu bual dengan En. Azril Muhammad Amin, Pengurus IOA, di Masjid Negara Kuala Lumpur, Jam 2.30-4.00 petang, pada 22 April 2011

dianjurkan oleh pihak kerajaan. Sebagai contohnya, Presiden ABIM telah menghadiri Majlis Muhibah Perdana Menteri Bersama Pemimpin Agama bersempena Sambutan Hari Malaysia di Kementerian Kewangan. Antara yang terlibat ialah wakil dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Allied Coordinating Committee of Islamic NGOs (ACCIN), Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Majlis Perundingan Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao (MCCBCHST) dan Interfaith Spritual Fellowship (INSAF). Program ini memberi peluang kepada wakil masyarakat Islam dan non-Muslim untuk berbincang mengenai hal agama masing-masing secara aman dan harmoni. Malah program ini dapat dijadikan pendekatan menyeluruh dalam menangani isu Islamofobia.<sup>197</sup>

Berdasarkan program pendekatan dakwah non-Muslim yang dipraktikkan oleh IOA, penulis mendapati program ini sangat penting di dalam menjana keharmonian kerukunan kehidupan masyarakat beragama di negara Malaysia. Perlaksanaan program ini juga menyedarkan para pendakwah sukarelawan IOA tentang betapa pentingnya penguasaan dan pengaplikasian disiplin Ilmu Perbandingan Agama dalam memberi kefahaman kepada penganut agama lain. Ini kerana di dalam disiplin Ilmu Perbandingan Agama terdapat metode yang digunakan untuk mempelajari latar belakang agama-agama yang dianuti oleh pelbagai lapisan masyarakat yang berbilang kaum. Contohnya seperti kepercayaan dan kebudayaan adat resam kaum Cina, India, Sikh, dan juga Orang Asli yang menetap di Malaysia. Justeru kesemua program yang dilaksanakan oleh IOA mengandungi aspek pengetahuan tentang latar belakang agama-agama lain. Ini merupakan antara metode kajian Ilmu Perbandingan Agama.

---

<sup>197</sup> Temu bual dengan Dr.Muhamad Razak bin Idris, Presiden ABIM, di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Jam 2.30-5.00 petang, pada 18 Mei 2011

Untuk mengetahui aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah non-Muslim, penulis akan mengemukakan hasil kaji selidik dan temu bual dalam bab seterusnya terhadap responden yang terlibat di dalam program IOA.

## BAB EMPAT

### ANALISIS APLIKASI ILMU PERBANDINGAN AGAMA DALAM PENDEKATAN DAKWAH NON-MUSLIM

#### A. Kajian soal selidik

##### 4.1 Pendahuluan

Di dalam bab ini penulis akan mengemukakan hasil kajian soal selidik yang telah dijalankan pada 3 April sehingga 30 Mei 2011 di alamat 3402 Jalan Ampang Hilir 2, 55000 Kuala Lumpur. Berdasarkan buku laporan pendaftaran terdapat 70 orang responden<sup>198</sup> yang aktif menghadiri kelas tersebut. Oleh itu, penulis telah mengedarkan 60 set soal selidik<sup>199</sup> kepada responden berkenaan dan menerima semula sebanyak 51 set borang tersebut. Penulis mengambil tempoh masa lebih sebulan untuk mengumpul borang soal selidik yang telah dijawab. Hal ini kerana tidak semua 70 responden menghadiri satu-satu pengajian di IOA. Data-data dari sumber borang soal selidik yang mengandungi empat bahagian telah dianalisis dengan menggunakan SPSS 16.1.

##### 4.2 Latar Belakang Responden

Responden dalam kajian ini adalah Saudara baru yang masih aktif mengikuti kelas pengajian Islam yang dianjurkan oleh pihak IOA di Ampang Hilir 2 Kuala Lumpur. Saudara baru ini asalnya merupakan individu-individu non-Muslim yang cenderung menganut Islam hasil daripada aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah di IOA. Dalam menganalisis data-data yang berkaitan latar belakang responden,

<sup>198</sup> Responden dalam kajian ini merupakan jumlah populasi yang menjadi subjek kajian berkenaan dengan faktor utama pengaplikasian Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah non-Muslim. Jumlah ini merujuk kepada buku pendaftaran. Temu bual dengan Puan Normah Sulaiman, Timbalan Pengerusi IOA, di IOA Ampang Hilir 2 Kuala Lumpur, Jam 9.00-10.30 pagi, pada 10 April 2011

<sup>199</sup> Soal-selidik merupakan instrument kajian. Oleh itu, dalam menentukan subjek kajian, penulis telah mengedarkan 60 set soal-selidik kepada setiap orang responden dengan merujuk jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970). Lihat Chua Yan Piaw (2006), *Kaedah Penyelidikan Buku 1*, Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education, h. 186

penulis bahagikan kepada sembilan item iaitu: jantina, umur, warganegara, tempoh memeluk Islam, taraf perkahwinan, keturunan, agama asal, tahap pendidikan dan pendorong memeluk Islam. Latar belakang responden akan dihubungkaitkan dengan faktor minat terhadap Islam, dan aplikasi pendekatan Ilmu Perbandingan Agama dalam dakwah non-Muslim di IOA.

#### **4.2.1 Jantina dan Umur**

Jadual 1: Jantina dan umur

	Umur				Jumlah
	16-30 Tahun	31-40 Tahun	41-50 Tahun	51 Tahun ke atas	
Jantina					
Lelaki	9	8	1	4	22
Perempuan	5	8	10	6	29
JUMLAH	14	16	11	10	51

*Sumber: Borang soal selidik*

Berdasarkan jadual 1 menunjukkan bahawa responden wanita adalah paling ramai jika dibandingkan dengan responden lelaki. Daripada jumlah 51 responden, responden wanita seramai 29 orang. Sementara responden lelaki seramai 22 orang. Jika dibandingkan dengan lingkungan usia, responden wanita paling ramai berusia lanjut iaitu 6 orang (51 tahun ke atas), 10 orang (41-50 tahun), 8 orang (31-40 tahun) dan 5 orang (16-30). Sementara responden lelaki: 4 orang berusia (51 tahun ke atas), 1 orang (41-50 tahun), 8 orang (31-40 tahun), dan 9 orang (16-30). Tuntasnya, responden perempuan dewasa paling ramai mengikuti kelas pengajian di IOA jika dibandingkan responden lelaki. Walau bagaimanapun jadual di atas menunjukkan responden lelaki berusia (16-30 tahun) paling ramai berminat mengikuti kelas tersebut iaitu seramai 9 orang.

#### 4.2.2 Warganegara Dan Tempoh Memeluk Islam

Jadual 2: Warganegara dan tempoh memeluk Islam

Warganegara	Tempoh Memeluk Islam				Jumlah
	1-5 Tahun	5-10 Tahun	10-20 Tahun	20 Tahun ke atas	
Malaysia	3	3	7	8	21
Amerika	1	0	0	0	1
Thailand	0	1	0	0	1
Singapura	0	1	0	1	2
China	1	0	1	0	2
India	2	0	0	0	2
Filipina	5	1	4	1	11
Nigeria	4	0	0	0	4
Nepal	1	0	0	0	1
Ghana	3	0	0	0	3
Myanmar	2	0	0	0	2
Kanada	1	0	0	0	1
JUMLAH	23	6	12	10	51

*Sumber: Borang soal selidik*

Berdasarkan jadual 2 di atas menunjukkan bahawa warganegara Malaysia paling ramai (21 orang), diikuti warganegara Filipina (11 orang), dan Nigeria (4 orang). Sementara negara Ghana 3 orang, diikuti Myanmar, Singapura, China, dan India iaitu masing-masing negara seramai 2 orang. Selain itu terdapat juga seorang warganegara dari Nepal, Kanada, Amerika dan Thailand. Tempoh masa memeluk Islam merupakan faktor penting dalam minat responden menghadiri kelas pengajian Islam di IOA dan sekaligus menentukan tahap kefahaman responden mengenai ajaran Islam. Berdasarkan jadual di atas menunjukkan tempoh masa (1-5 tahun) adalah paling aktif menghadiri kelas tersebut (23 orang). Sementara responden yang memeluk Islam dalam tempoh masa 10-20 tahun seramai 12 orang diikuti tempoh masa 20 tahun ke atas seramai 10 orang dan 5-10 tahun adalah 6 orang. Adalah jelas bahawa saudara baru yang dikategorikan

sebagai baru memeluk Islam aktif menghadiri kelas pengajian untuk terus memantapkan pengetahuan. Responden yang telah lama turut hadir untuk terus tekun dan mempastikan diri mereka berada dalam keimanan dan sekaligus sebagai pendorong saudara baru untuk terus berikan komitmen terhadap anutan mereka iaitu Islam.

#### **4.2.3 Taraf Perkahwinan**

Jadual 3: Taraf Perkahwinan

	Bilangan	Peratusan	Peratusan valid	Peratusan keseluruhan
Berkahwin	30	58.8	58.8	58.8
Bujang	17	33.3	33.3	92.2
Duda/Janda	4	7.8	7.8	100.0
JUMLAH	51	100.0	100.0	

*Sumber: Borang soal selidik*

Taraf perkahwinan responden menunjukkan potensi responden untuk mempelajari ajaran Islam secara konsisten. Ini kerana perkahwinan merupakan faktor pendorong yang mempengaruhi responden untuk terus mempelajari Islam dengan lebih tekun dalam mencari panduan kehidupan berumah tangga.<sup>200</sup> Berdasarkan jadual di atas didapati responden yang berkahwin mendominasi responden yang berstatus bujang dan duda/janda. Responden berkahwin seramai 30 orang (58.8 %), bujang 17 orang (33.3%) dan duda/janda 4 orang (7.8%).

---

<sup>200</sup> Temu bual dengan Puan Aisyah Abdullah, Pegawai Kaunseling IOA, di IOA Ampang Hilir 2 Kuala Lumpur, Jam 9.00-10.30 pagi, pada 6 Mei 2011

#### 4.2.4 Bangsa Dan Agama Asal

Jadual 4: Bangsa Dan Agama Asal

Bangsa	Agama Asal					Jumlah
	Kristian	Buddha	Hindu	Tidak percaya kepada konsep ketuhanan	Lain-lain	
Siam	0	1	0	0	3	4
Cina	6	11	0	2	1	20
India	0	1	2	0	0	3
Amerika	0	0	0	1	1	2
Inggeris	0	0	0	1	0	1
Nasrani	1	0	0	0	0	1
Filipina	10	0	0	0	0	10
Afrika	3	0	0	1	0	4
Nepal	0	0	1	0	0	1
Ghana	3	0	0	0	0	3
Myanmar	0	2	0	0	0	2
JUMLAH	23	15	3	5	5	51

Sumber: Borang soal selidik

Jadual 4 menunjukkan bahawa terdapat 11 bangsa dan 5 buah agama asal yang menjadi anutan responden dalam kajian ini. Data yang dipaparkan di atas menunjukkan jumlah bangsa Cina paling tinggi (20 orang) jika dibandingkan dengan bangsa Filipina (10 orang), Afrika (4 orang) dan Thailand (4 orang) menghadiri kelas pengajian Islam di IOA. Bangsa Nepal (agama Hindu), Inggeris (tidak mempercayai ketuhanan), dan Nasrani<sup>201</sup> masing-masing seorang. Sementara 11 orang bangsa Cina yang asalnya beragama Buddha, 6 orang yang asalnya beragama Kristian, 2 orang (tidak mempercayai ketuhanan) dan seorang lain-lain agama. Jadual ini juga menunjukkan bahawa hampir kesemua bangsa menganuti agama Kristian adalah paling tinggi, iaitu

---

<sup>201</sup> Nasrani adalah satu bangsa yang secara umumnya memeluk agama Kristian atau satu bangsa keturunan Portugis yang berkahwin dengan perempuan Asia. Lihat Noresah Baharom, *Kamus Dewan Edisi Keempat, Op.Cit*, h. 1072

23 orang jika dibandingkan dengan Buddha 15 orang. Penganut asal beragama Hindu mencatatkan jumlah paling rendah iaitu 3 orang.

Oleh itu, penganut asal Kristian adalah paling berpengaruh dalam kehidupan masyarakat beragama. Fakta ini turut disokong oleh Dr. Razali Nawawi dengan menegaskan bahawa adalah wajar para pendakwah mempelajari latarbelakang ajaran Kristian dengan lebih mendalam sebagai pendekatan dakwah di dalam menyampaikan seruan Islam kepada mereka kerana populasi mereka lebih besar dan aktif juga dalam gerakan *missionary*.<sup>202</sup>

#### 4.2.5 Tahap Pendidikan



*Sumber: Borang soal selidik*

Carta bar ini menunjukkan peratusan taraf latar belakang pendidikan responden. Paparan sumber data mencatatkan peratusan paling tinggi adalah tahap pendidikan sekolah menengah iaitu 43.1% (22 orang) jika dibandingkan responden yang mendapat pendidikan di universiti seramai 19 orang (37.3%). Sementara di peringkat Diploma adalah 7 orang (13.9%). Manakala di tahap pendidikan rendah adalah seorang (2.0%)

<sup>202</sup> Temu bual dengan Dr. Razali Nawawi, Mantan Presiden ABIM yang pertama, di Bangi, Jam 3.00-5.00 petang, pada 6 Mei 2011

dan kategori lain-lain adalah 2 orang (3.9%). Jadi secara purata menggambarkan bahawa responden kajian mempunyai latar belakang pendidikan yang tinggi. Ini telah turut memudahkan para pensyarah IOA untuk menyampaikan pengajaran Islam kepada mereka dan tahap pemahaman mereka terhadap isi pengajian juga adalah memuaskan kerana para responden ini menghayati dan mengaplikasikannya dengan sempurna.<sup>203</sup>

#### **4.2.6 Pendorong Responden Memeluk Islam**

Jadual 6: Siapakah yang mendorong anda memeluk agama Islam?

Faktor Pendorong	Bilangan	Peratusan	Peratusan valid	Peratusan keseluruhan
Islamic Outreach ABIM	6	11.8	11.8	11.8
Secara kebetulan	1	2.0	2.0	13.7
Kawan-kawan	4	7.8	7.8	21.6
Ibu	4	7.8	7.8	29.4
bapa/Keluarga				
Orang yang disegani/Kekasih	7	13.7	13.7	43.1
Kehendak diri sendiri	26	51.0	51.0	94.1
Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA)	3	5.9	5.9	100.0
JUMLAH	51	100.0	100.0	

*Sumber: Borang soal selidik*

---

<sup>203</sup> Pengamatan dan ikut serta penulis dalam program pengajian di IOA, Jam 3.30-5.00 petang, pada 10 April 2010

Responden yang memeluk Islam adalah disebabkan beberapa faktor pendorong. Di antara faktor yang mempengaruhi mereka memeluk Islam ialah disebabkan kehendak diri sendiri, orang yang disegani/kekasih, peranan pendekatan dakwah Islamic Outreach ABIM (IOA), kawan-kawan, ibu-bapa/keluarga, dan melalui Malaysian Chinese Muslim (MACMA). Merujuk jadual 6 didapati faktor kehendak diri adalah paling tinggi iaitu 51% (26 orang). Responden juga memeluk Islam disebabkan faktor orang yang disegani/kekasih iaitu 13.7% (7 orang). Sementara responden yang memeluk Islam disebabkan faktor peranan pendakwah IOA adalah 11.8% (6 orang). Walau bagaimanapun terdapat juga responden yang datang ke IOA untuk mendapat khidmat kaunseling sebelum memeluk Islam adalah disebabkan kehendak diri sendiri.<sup>204</sup> Selain itu, faktor pengaruh kawan-kawan adalah merupakan faktor keempat iaitu 7.8% (4 orang), ibu-bapa/keluarga 7.8% (4 orang), faktor Malaysian Chinese Muslim (MACMA) 5.9% (3 orang) dan faktor secara kebetulan mencatat peratusan paling rendah iaitu 2.0% (1 orang). Oleh itu faktor kehendak diri menunjukkan bahawa responden mengkaji dan mempelajari agama Islam terlebih dahulu sebelum ia memeluk Islam. Dalam ertikata yang lain, individu tersebut telah membandingkan agama anutan asal dengan Islam. Apabila mereka mendekati IOA dan pendekatan pengajian IOA turut mengaplikasikan Ilmu Perbandingan Agama: telah memudahkan lagi pemahaman mereka terhadap ajaran Islam. Apatah lagi beberapa aktiviti IOA yang telah dinyatakan dalam bab tiga seperti aktiviti ekonomi, ziarah pesakit, aktiviti ziarah Orang Asli dan membina hubungan kasih sayang melalui jalinan komuniti dan memahami kehidupan non-Muslim telah turut menarik minat individu tersebut untuk terus memahami ajaran

---

<sup>204</sup> Temu bual dengan Puan Aissyah Abdullah, Pegawai Kaunseling IOA, di IOA Ampang Hilir 2 Kuala Lumpur, Jam 9.00-10.30pagi, pada 13 Mei 2011

Islam di IOA.<sup>205</sup> Jelas bahawa aplikasi Ilmu Perbandingan Agama sebagai pendekatan dakwah IOA adalah sangat berkesan. Justeru pendekatan ini wajar diteruskan dan dipertingkatkan oleh pihak IOA dengan menyediakan buku modul pendekatan Ilmu Perbandingan Agama secara lengkap bagi memenuhi keperluan sukarelawan para pendakwah dari semasa ke semasa.

#### **4.3 Faktor Minat Terhadap Islam**

Kenapa responden minat terhadap Islam? Dalam menjawab persoalan ini penulis telah mengemukakan 6 soalan yang berkaitan dengan persepsi responden terhadap ajaran Islam. Persoalan ini berkaitan dengan sifat keadilan dan kesempurnaan Islam, budaya toleransi beragama, ajaran Islam yang relevan, keaslian al-Qur'an, keyakinan terhadap kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. dan aplikasi Ilmu Perbandingan Agama sebagai metode dakwah. Persoalan ini telah dijawab oleh responden dengan menggunakan skala likert iaitu pengukuran jawapan sangat setuju, setuju, tidak pasti, tidak setuju dan sangat tidak setuju.

---

<sup>205</sup> Pemerhatian ikut serta dan temu bual secara tidak langsung pengkaji dengan individu terbabit dalam program pengajian di IOA Ampang Hilir 2 Kuala Lumpur, Jam 2.00-5.00 petang, pada 13 Mei 2010.

#### 4.3.1 Islam Dianggap Agama Yang Sempurna Serta Adil.

Jadual 7: Warganegara yang menganggap Islam agama yang sempurna serta adil

Warganegara	Islam dianggap agama yang sempurna serta adil				Jumlah
	Tidak Setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	
Malaysia	0	0	5	16	21
Amerika	0	0	1	0	1
Thailand	0	0	1	0	1
Singapura	0	0	0	2	2
China	0	0	0	2	2
India	0	1	1	0	2
Filipina	0	0	3	8	11
Nigeria	0	0	1	3	4
Nepal	0	0	1	0	1
Ghana	0	0	1	2	3
Myanmar	1	0	0	1	2
Kanada	0	0	1	0	1
JUMLAH	1	1	15	34	51

*Sumber: Borang soal selidik*

Berdasarkan jadual 7 didapati jumlah responden yang paling ramai sangat setuju dengan agama Islam yang dianggap sempurna serta adil adalah seramai 34 orang. Sementara yang setuju adalah 15 orang, tidak pasti seorang dan tidak bersetuju adalah seorang dari Myanmar. Responden yang menyatakan tidak pasti dan tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut adalah kerana disebabkan faktor tahap pendidikan yang menyebabkannya sukar memahami ajaran Islam dan faktor tempoh masa memeluk Islam (1 tahun) turut menyumbang kepada jawapan. Tahap pendidikan rendah dan faktor baru menjinakkan diri mengenali Islam mempengaruhi jawapan responden terhadap konsep keadilan di dalam Islam kerana masih lagi belum benar-benar

memahami tuntutan dan falsafah ajaran Islam.<sup>206</sup> Justeru soalan ini tidak dapat difahaminya, dan melahirkan jawapan tidak pasti dan tidak setuju. Apatah lagi responden dari India dan Myamar membandingkan keadaan suasana Islam di Negara asal mereka yang didapati lebih terkongkong kerana budaya bukannya kerana ajaran Islam. Tetapi kerana masih baru memeluk Islam, responden tidak dapat bezakannya.<sup>207</sup> Responden ini dikenal pasti sebagai responden yang tidak mempunyai pengetahuan asas tentang Islam.<sup>208</sup> Sementara warganegara Malaysia mencatatkan jumlah paling ramai (16 orang) amat bersetuju dengan kenyataan tersebut. Sementara warganegara Filipina bersetuju dengan kenyataan tersebut ialah seramai 8 orang. Oleh itu, secara purata dapat dinyatakan responden sangat memahami ajaran Islam yang mereka pelajari.

#### **4.3.2 Islam Bertoleransi, Adil Dan Bersesuaian Dengan Fitrah Kehidupan.**

Jadual 8: Islam (orang Islam?) dianggap mengamalkan toleransi beragama yang adil dan bersesuaian dengan fitrah kehidupan dan hubung kait dengan agama asal

	Agama Asal					Jumlah
	Kristian	Buddha	Hindu	Tidak percaya kepada konsep ketuhanan	Lain-lain	
Tidak pasti	1	0	0	0	0	1
Setuju	6	7	2	3	1	19
Sangat setuju	17	7	1	2	4	31
JUMLAH	24	14	3	5	5	51

*Sumber: Borang soal selidik*

<sup>206</sup> Temu bual dengan Puan Aisyah Abdullah, Pegawai Kaunseling IOA, di IOA Ampang Hilir 2 Kuala Lumpur, Jam 9.00-10.00 pagi, pada 14 Mei 2011

<sup>207</sup> Temu bual dengan responden yang tidak setuju dan tidak pasti dengan kenyataan di Jadual (4.3.1) di IOA Ampang Hilir 2 Kuala Lumpur, Jam 2.00-5.00 petang, pada 20 Mei 2010

<sup>208</sup> Responden ini merupakan klien IOA yang hadir untuk mendapat khidmat kaunseling mengenai masalah perkahwinan. Hasil temu bual dengan Puan Aisyah Abdullah, Pegawai Kaunseling IOA jam 9.00-10.00 pagi, pada 6 Mei 2011

Toleransi serta adil dalam kehidupan masyarakat beragama merupakan isu yang sering dibincangkan dalam Ilmu Perbandingan Agama. Isu ini juga sering menjadi hal penting yang perlu diketengahkan di program dialog antara agama. Mempelajari agama-agama bertujuan untuk mencari titik persamaan dan perbezaan yang dapat melahirkan perasaan saling hormat menghormati di antara penganut agama.

Berdasarkan jadual 8 didapati ramai responden sangat memahami tentang konsep toleransi dan adil dalam Islam. Jumlah responden yang sangat bersetuju adalah seramai 31 orang, setuju 19 orang dan tidak pasti hanya 1 orang. Ini menunjukkan bahawa responden sangat minat terhadap Islam kerana konsep toleransi yang diajar oleh Islam. Pun begitu seorang yang tidak pasti merupakan individu yang sama memberi jawapan tidak setuju terhadap Islam agama sempurna dan adil kerana masih kurang memahami ajaran Islam. Namun, seorang yang tidak pasti terhadap Islam agama sempurna dan adil, memberikan jawapan bersetuju. Ini membuktikan pendekatan dakwah IOA yang menitikberatkan aplikasi Ilmu Perbandingan Agama berjaya mendekati individu non-Muslim dan saudara baru untuk terus memahami ajaran Islam.

Jadual 8 juga menunjukkan bahawa penganut asal agama Kristian mencatat jumlah responden yang ramai (23 orang) iaitu sangat bersetuju dan bersetuju dengan konsep tersebut. Sementara individu yang asalnya menganut Buddha adalah 14 orang, iaitu 7 orang sangat bersetuju dan 7 orang setuju. Ini memperlihatkan agama Kristian sangat mendominasi faktor minat terhadap konsep toleransi di dalam Islam jika dibandingkan dengan agama-agama lain. Hal ini kerana pihak IOA telah menjelaskan konsep toleransi di dalam kelas pengajian Islam yang diadakan pada setiap minggu.<sup>209</sup> Oleh itu, responden lebih cenderung memahami konsep toleransi dalam Islam yang

---

<sup>209</sup> Temu bual dengan Dr. Syed Ali, penceramah sukarelawan IOA, di IOA Ampang Hilir 2 Kuala Lumpur, 3.00-5.00 petang, pada 5 Mei 2011

disampaikan oleh IOA dengan menggunakan pendekatan Ilmu Perbandingan Agama iaitu menjelaskan konseptual adil, toleransi, tasamuh menurut Islam, bukti-bukti dan realiti dari perbandingannya dengan konsep toleransi dalam agama-agama lain.<sup>210</sup>

#### **4.3.3 Ajaran Islam Relevan Sepanjang Zaman**

Jadual 9: Ajaran Islam relevan sepanjang zaman

	Bilangan	Peratusan	Peratusan valid	Peratusan Keseluruhan
Sangat Tidak setuju	1	2.0	2.0	2.0
Setuju	19	37.3	38.0	40.0
Sangat setuju	30	58.8	60.0	100.0
	50	98.0	100.0	
Tidak menjawab	1	2.0		
JUMLAH	51	100.0		

*Sumber: Borang soal selidik*

Dapatan sebagaimana yang tertera dalam jadual 9 menggambarkan bahawa faktor ajaran Islam relevan sepanjang zaman sangat disetujui oleh responden yang menghadiri kelas pengajian Islam di IOA iaitu mencatatkan peratusan tertinggi 58.8% (30 orang). Responden setuju dengan faktor tersebut adalah 37.3% (19 orang), sangat tidak setuju 1 orang (2%), iaitu individu yang sama yang tidak setuju dan tidak pasti dengan jawapan sebelum ini kerana masih belum memahami Islam atas faktor masih lagi berjinak-jinak denga Islam (baru memeluk) dan terdapat 1 orang responden yang tidak menjawab soalan. Walaupun terdapat responden yang tidak bersetuju tetapi secara purata responden yang bersetuju adalah 96.1% (49 orang dari 51 orang). Hal ini menunjukkan bahawa penceramah IOA telah berjaya menyampaikan pengajaran tentang ajaran secara

<sup>210</sup> Permohonan dan ikut serta pengkaji dalam program pengajian Islam di IOA Ampang Hilir 2 Kuala Lumpur, Jam 2.30-5.00 petang, pada 5 Mei 2011

berkesan dengan menggunakan metode Ilmu Perbandingan Agama. Contohnya penceramah telah membuat perbandingan di antara Islam dan Kristian tentang konsep ketuhanan bagi menjelaskan rasional keyakinan terhadap ketuhanan yang Maha Esa. Penceramah IOA juga menjelaskan tentang keaslian kitab suci al-Qur'an dengan menggunakan pendekatan perbandingan.<sup>211</sup> Faktor pengaplikasian Ilmu Perbandingan dalam pengajian di IOA menyebabkan ramai responden yang bersetuju dengan kenyataan ‘ajaran Islam relevan sepanjang zaman.’

#### **4.3.4 Al-Qur'an Kitab Suci Yang Asal, Tidak Berubah Dan Kekal Sepanjang Zaman.**

Jadual 10: Hubung kait agama asal dengan faktor al-Qur'an merupakan kitab suci yang asal yang tidak berubah dan kekal sepanjang zaman

		Al-Qur'an merupakan kitab suci yang asal yang tidak berubah dan kekal sepanjang zaman		Jumlah
		Setuju	Sangat setuju	
Agama Asal	Kristian	4	20	24
	Buddha	4	10	14
	Hindu	0	3	3
	Tidak percaya kepada konsep ketuhanan	2	3	5
	Lain-lain	0	5	5
	JUMLAH	10	41	51

*Sumber: Borang soal selidik*

Daripada 5 skala likert hanya 2 skala tertera dalam jadual 10 iaitu setuju dan sangat bersetuju. Responden sangat bersetuju dengan kenyataan di atas adalah 41 orang dan setuju 10 orang. Responden yang asalnya beragama Kristian adalah seramai 20 orang,

---

<sup>211</sup> Pemerhatian dan ikut serta pengkaji menghadiri kelas pengajian Islam di IOA dan temu bual dengan Dr. Syed Ali, sukarelawan penceramah IOA, di IOA Ampang Hilir 2, Jam 3.00-5.00 petang, pada 5 Mei 2011

responden yang asalnya beragama Buddha 10 orang yang sangat bersetuju dengan kenyataan tersebut. Sementara responden yang asalnya beragama Hindu seramai 3 orang, tidak percaya kepada konsep ketuhanan 3 orang dan lain-lain berjumlah 5 orang. Justeru dapat disimpulkan bahawa responden yang berasal dari agama Kristian sangat mempercayai dan meyakini al-Qur'an jika dibandingkan dengan responden lain. Ini kerana keaslian isi kandungan kitab al-Qur'an tidak pernah berubah sama sekali walaupun disebabkan faktor perubahan situasi dalam sistem kehidupan masyarakat. Al-Qur'an tetap terpelihara sepanjang zaman jika dibandingkan dengan Bible yang sentiasa berubah mengikut keperluan semasa. Hal ini juga diakui salah seorang responden bahawa setelah membuat perbandingan di antara kedua kitab (al-Qur'an dan Bible) ternyata baginya bahawa isi kandungan al-Qur'an adalah benar.<sup>212</sup>

#### **4.3.5 Nabi Muhammad s.a.w. Adalah Nabi dan Rasul Akhir Zaman**

Jadual 11: faktor Nabi Muhammad s.a.w. adalah Nabi dan Rasul akhir zaman.

		Nabi Muhammad s.a.wl adalah Nabi dan Rasul akhir zaman.			Jumlah
		Sangat tidak setuju	Setuju	Sangat setuju	
Bangsa	Thai	0	0	4	4
	Cina	0	3	17	20
	India	1	1	1	3
	Amerika	0	0	2	2
	Inggeris	0	0	1	1
	Nasrani	0	0	1	1
	Filipina	0	0	10	10
	Afrika	0	2	2	4
	Nepal	0	0	1	1
	Ghana	0	0	3	3
	Myanmar	0	0	2	2
<b>JUMLAH</b>		1	6	44	51

*Sumber: Borang soal-selidik*

<sup>212</sup> Temu bual dengan Puan Nurul Nadiah Tan binti Abdullah, peserta program pengajian Islam, di IOA Ampang Hilir 2 Kuala Lumpur, Jam 3.00-4.00 petang, pada 20 Mei 2011

Jadual 11 menjelaskan bahawa responden sangat setuju terhadap kenabian dan kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. Responden sangat yakin dengan kenyataan bahawa Nabi Muhammad adalah Nabi dan Rasul akhir zaman. Jumlah responden sangat setuju adalah 44 orang, dan setuju 6 orang. Walau bagaimanapun terdapat juga responden bangsa India yang sangat tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Bangsa yang sangat bersetuju ialah Cina mencatat jumlah 17 orang, Filipina 10 orang, Thai 4 orang, Ghana 3 orang, Amerika dan Myanmar 2 orang, India, Inggeris dan Nepal hanya 1 orang. Sementara setuju ialah 6 orang. Antaranya bangsa Cina 3 orang, Afrika 2 orang dan India 1 orang. Jadi secara purata jumlah responden setuju dan sangat setuju dengan kenyataan tersebut ialah 50 orang. Malah bangsa Cina paling ramai membenarkan kenabian dan kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. Bangsa Cina merupakan responden asalnya beragama Kristian. Dalam agama Kristian juga terdapat penjelasan mengenai konsep kenabian dan kerasulan. Oleh itu didapati pengajian akidah yang disampaikan oleh sukarelawan penceramah IOA telah menyentuh mengenai konsep kenabian dan kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. yang dilaksanakan secara perbandingan dengan konsep nabi dan guru menurut agama-agama lain.<sup>213</sup> Hal ini dapat menambahkan lagi pemahaman dan meyakinkan mereka terhadap kebenaran kenabian dan kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. Ini bererti Ilmu Perbandingan Agama telah berjaya memberi kefahaman terhadap saudara baru dan juga menarik mereka untuk menerima dan memperakuinya.

#### **4.3.6 Para Pendakwah Mengaplikasikan Ilmu Perbandingan Agama**

Ilmu Perbandingan Agama dapat ditakrifkan sebagai ilmu yang mempelajari, mengkaji agama-agama yang dianuti oleh penganut yang berlatar belakang pelbagai kaum, dan keturunan di seluruh dunia. Kegagalan para pendakwah di dalam menjinakkan

---

<sup>213</sup> Temu bual dengan Dr. Syed Ali, Sukarelawan penceramah IOA, di IOA Ampang Hilir 2 Kuala Lumpur, Jam 3.00-5.00 petang, pada 5 Mei 2010

masyarakat non-Muslim untuk mempelajari serta memahami ajaran Islam adalah disebabkan oleh sikap para pendakwah yang tidak mempelajari secara mendalam tentang ajaran dan kebudayaan agama-agama lain. Buktinya, ramai dalam kalangan para peserta kursus sukarelawan pemandu pelancong yang diadakan pada 19-20 April 2011 di Masjid Negara berpendapat bahawa para pendakwah yang ingin menjadi sukarelawan pemandu pelancong di Masjid Negara perlu memahami tentang latar belakang ajaran agama lain. Ini kerana pengetahuan tentang ajaran sesuatu agama lain akan memudahkan para pendakwah untuk menyesuaikan diri berkomunikasi dengan para pelancong non-Muslim yang setiap hari datang berkunjung ke Masjid Negara.<sup>214</sup> Jadual 12 menunjukkan bahawa salah satu faktor mengapa responden meminati Islam adalah disebabkan para pendakwah mengaplikasikan pendekatan Ilmu Perbandingan Agama ketika menyampaikan seruan dakwah kepada non-Muslim.

Jadual 12: Aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah non-Muslim

Aplikasi Ilmu Perbandingan Agama	Tahap Pendidikan					Jumlah
	Sekolah Rendah	Sekolah Menengah	Universiti	Diploma	Lain-lain	
Tidak setuju	0	2	2	0	0	4
Tidak pasti	0	2	5	0	1	8
Setuju	0	10	5	5	0	20
Sangat setuju	1	8	7	2	1	19
JUMLAH	1	22	19	7	2	51

*Sumber: Borang soal selidik*

Berdasarkan jadual 12 menunjukkan bahawa responden yang mempunyai pelbagai latar belakang tahap pendidikan memberikan jawapan setuju, sangat bersetuju, tidak pasti

<sup>214</sup> Temu bual dengan para peserta kursus sukarelawan pemandu pelancong masjid Negara (siri 1), di Dewan Utama Masjid Negara Kuala Lumpur, Jam 10.00-10.30 pagi, pada 20 April 2011

dan tidak setuju dengan kenyataan para pendakwah mengaplikasikan pendekatan Ilmu Perbandingan Agama sebagai faktor minat mereka terhadap Islam. Paparan data menggambarkan seramai 20 responden menyatakan setuju dan 19 sangat setuju. Sementara 8 orang responden menjawab tidak pasti dan 4 orang tidak setuju. Daripada jumlah tersebut yang menyatakan setuju dan sangat setuju adalah seramai 18 orang dan sebahagian dari mereka juga tidak setuju dan tidak pasti (4 orang). Mereka berlatar belakangkan tahap pendidikan sekolah menengah. Sementara di tahap pendidikan universiti adalah serama 12 orang yang menyatakan setuju dan tidak setuju. Tetapi terdapat juga 7 orang responden yang mendapat pendidikan peringkat universiti menyatakan jawapan tidak pasti dan tidak setuju. Begitu juga di tahap pendidikan diploma adalah 7 orang menyatakan setuju dan sangat setuju. Kategori tahap pendidikan lain-lain adalah 1 orang tidak pasti dan 1 orang sangat setuju. Pun begitu, mereka tidak pasti mengapa jawapan mereka sedemikian. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa seorang responden (tahap pendidikan rendah) juga sangat setuju dengan kenyataan tersebut. Jadi secara kesimpulannya, seramai 39 orang responden yang berlatar belakang pelbagai kategori tahap pendidikan didapati sangat setuju dan setuju dengan kenyataan tersebut. Oleh itu, dapatan ini menunjukkan bahawa para pendakwah sangat perlu menguasai pendekatan Ilmu Perbandingan Agama dalam menjalankan usaha dakwah terancang terhadap masyarakat non-Muslim. Kesannya ternyata salah satu faktor non-Muslim menganuti Islam adalah kerana aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah terhadap non-Muslim seperti mana yang dilaksanakan oleh IOA.

#### **4.4 Maklum balas Responden Sebelum Memeluk Islam.**

Maklum balas responden sebelum memeluk Islam merupakan aspek penting dalam menilai aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah non-Muslim. Ini

adalah kerana pengalaman kehidupan seseorang responden sebelum memeluk Islam sangat mempengaruhinya dalam menentukan pegangan sesuatu agama yang dianutinya. Ia juga sebagai suatu penjelasan yang membuktikan bahawa aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah non-Muslim yang dilaksanakan oleh Islamic Outreach ABIM telah berjaya memangkinkan kecenderungan non-Muslim untuk terus meyakini Islam sebagai hala tuju hidup mereka. Oleh itu, dalam menilai maklum balas responden, sebanyak tujuh soalan berkaitan aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah non-Muslim di IOA dikemukakan.

#### **4.4.1 Suka Membandingkan antara agama-agama di dunia**

Jadual 13: Saya suka membandingkan antara agama-agama di dunia

	Bilangan	Peratus	Peratus valid	Peratusan keseluruhan
Setuju	20	39.2	39.2	39.2
Sangat Setuju	15	29.4	29.4	68.6
Tidak pasti	6	11.8	11.8	80.4
Sangat tidak setuju	5	9.8	9.8	90.2
Tidak setuju	5	9.8	9.8	100.0
<b>JUMLAH</b>	<b>51</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	

*Sumber: Borang soal selidik*

Jadual 13 menunjukkan gambaran responden yang suka membandingkan agama sebelum memeluk agama Islam. Hasil dapatan kajian didapati 29.4% (15 orang) menyatakan sangat setuju dan setuju 39.2 % ( 20 orang) dengan kenyataan tersebut. Jumlah nilai positif adalah 68.6% (35 orang). Sementara nilai negatif adalah 31.4 (16 orang). Iaitu 9.8% (10 orang) memberi jawapan sangat tidak setuju dan tidak setuju. Sementara responden yang tidak pasti dengan jawapan tersebut adalah 11.8% (6 orang). Data ini menunjukkan peratus responden suka membandingkan agama sebelum

memeluk Islam adalah lebih tinggi daripada responden yang tidak melakukannya. Justeru apabila Ilmu Perbandingan Agama diletakkan sebagai pendekatan dakwah non-Muslim, ianya membuka minda responden yang sedia mempunyai kecenderungan menilai agama-agama lain sehingga mendorongnya memeluk Islam. Manakala responden yang tidak bersetuju, tidak memberikan mengapa jawapan mereka sedemikian. Namun tidak menafikan, pendekatan IOA membuka ruang hati mereka untuk memeluk Islam.<sup>215</sup>

#### **4.4.2 Kepentingan Kajian Mengenai Agama**

Jadual 14: Kajian agama-agama sangat penting dalam kehidupan saya

	Bilangan	Peratus	Peratus valid	Peratus Keseluruhan
Sangat tidak Setuju	1	2.0	2.0	2.0
Tidak setuju	3	5.9	5.9	7.8
Tidak pasti	3	5.9	5.9	13.7
Setuju	27	52.9	52.9	66.7
Sangat setuju	17	33.3	33.3	100.0
JUMLAH	51	100.0	100.0	

*Sumber: Borang soal selidik*

Responden juga menyatakan bahawa kajian agama sangat penting sebelum mereka membuat keputusan memeluk agama Islam. Dapatan kajian mencatatkan responden setuju adalah 52.9% (27 orang) dan sangat setuju adalah 33.3% (17 orang). Sementara responden yang menjawab tidak pasti 5.9% (3 orang), tidak setuju 5.9% (3 orang) dan sangat tidak setuju 2% (1 orang). Oleh itu, data ini menggambarkan bahawa para responden telah melakukan kajian terhadap pelbagai agama sebelum memeluk Islam. Apabila para pendakwah di IOA turut mengaplikasikan Ilmu Perbandingan Agama

<sup>215</sup> Temu bual secara tidak langsung dengan para responden di IOA Ampang Hilir 2 Kuala Lumpur, Jam 2.30-4.00 petang, pada 2 Mei 2010

dalam pendekatan dakwah mereka kepada non-Muslim memangkinkan lagi minat mereka untuk memeluk Islam. Jawapan yang sama turut diperolehi melalui temu bual secara terbuka dengan responden yang tidak setuju yang menyatakan tidak mempunyai jawapan yang jitu mengapa tidak setuju. Pun begitu tidak menafikan terdorong memeluk Islam melalui aplikasi pendekatan Ilmu Perbandingan Agama di IOA terhadap mereka.

#### **4.4.3 Mempelajari Kehidupan Masyarakat Beragama**

Jadual 15: Saya suka mempelajari kehidupan masyarakat beragama

	Bilangan	Peratusan	Peratus Valid	Peratus keseluruhan
Sangat tidak Setuju	3	5.9	5.9	5.9
Tidak pasti	3	5.9	5.9	11.8
Setuju	23	45.1	45.1	56.9
Sangat setuju	22	43.1	43.1	100.0
JUMLAH	51	100.0	100.0	

*Sumber: Borang soal selidik*

Responden turut mempelajari kehidupan masyarakat beragama sebelum memeluk agama Islam. Peratusan responden yang sangat setuju adalah 43.1% (22 Orang), setuju 45.1% (23 orang), tidak pasti dan sangat tidak setuju 11.8% (6 orang). Data ini menunjukkan nilai positif adalah 88.2% (45 orang) responden yang suka mempelajari kehidupan masyarakat beragama untuk memahami setiap agama yang wujud. Sehingga akhirnya memilih Islam sebagai cara hidup mereka. Ini adalah didorong oleh IOA yang mengaplikasikan Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah mereka.<sup>216</sup>

---

<sup>216</sup> Temu bual secara terbuka dengan para responden yang memberi jawapan setuju di Bilik Kuliah IOA Ampang Hilir 2 Kuala Lumpur, Jam 3.30-5.00 petang, pada 7 Mei 2010

#### 4.4.4 Memilih Islam Setelah Membuat Perbandingan

Jadual 16: Saya memilih Islam setelah membuat perbandingan dengan agama-agama lain dan hubung kait dengan agama asal.

		Saya memilih Islam setelah membuat perbandingan dengan agama-agama lain.					Jumlah
		Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	
Agama Asal	Kristian	0	0	0	7	17	24
	Buddha	1	2	2	2	7	14
	Hindu	0	0	1	2	0	3
	Tidak percaya kepada konsep ketuhanan	0	0	0	3	2	5
	Lain-lain	0	1	1	1	1	4
	JUMLAH	1	3	4	15	27	50

Sumber: Borang Soal Selidik

Jadual 16 menunjukkan bahawa responden yang asalnya beragama Kristian adalah paling ramai menyatakan setuju dan sangat setuju (24 orang) memilih Islam setelah membuat perbandingan dengan agama-agama lain. Sementara responden yang asalnya beragama Buddha mencatatkan jumlah 7 orang (sangat setuju), 2 orang (setuju), 2 orang (tidak pasti), 2 orang (tidak setuju) dan 1 orang (sangat tidak setuju). Sementara responden yang asalnya tidak mempercayai adanya konsep ketuhanan mencatatkan jumlah 3 orang (sangat setuju) dan 2 orang (setuju). Responden yang asalnya lain-lain agama adalah 1 orang (setuju), 1 orang (sangat setuju), 1 orang (tidak pasti), dan 1 orang (tidak setuju). Data ini membuktikan bahawa IOA telah mengaplikasikan Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah mereka. Sebagai contohnya, pendekatan IOA dalam memperkenalkan Islam kepada non-Muslim melalui program pemandu pelancong masjid telah menarik minat para pelancong mengenali syiar Islam

dengan lebih dekat. Penjelasan mengenai konsep masjid di dalam Islam secara tidak langsung membangkit rasa ingin membandingkannya dengan agama berkonseptan gereja dalam agama Kristian berkonseptan kuil, watt dan sebagainya dalam agama-agama lain.<sup>217</sup>

#### **4.4.5 Kefahaman Dan Minat Terhadap Islam**

Jadual 17: Hubung kait tahap pendidikan dengan kefahaman dan minat saya terhadap Islam amat mendalam setelah membuat perbandingan dengan agama-agama yang lain

		Kefahaman dan minat saya terhadap Islam amat mendalam setelah membuat perbandingan dengan agama-agama yang lain				Jumlah
		Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	
Tahap Pendidikan	Sekolah Rendah	0	0	0	1	1
	Sekolah Menengah	1	2	6	13	22
	Universiti	0	2	7	10	19
	Diploma	1	0	4	2	7
	Lain-lain	0	0	0	2	2
	JUMLAH	2	4	17	28	51

*Sumber: Borang Soal Selidik*

Tahap pendidikan dan aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah non-Muslim mempengaruhi kefahaman dan minat responden terhadap Islam. Jadual 17 menunjukkan responden berpendidikan universiti mencatatkan jumlah 10 orang (sangat setuju), 7 orang (setuju), dan 2 orang (tidak pasti). Sementara responden yang mempunyai tahap pendidikan sekolah menengah adalah seramai 13 orang (sangat setuju), 6 orang (setuju), 2 orang (tidak pasti), dan 1 orang (tidak pasti). Responden

<sup>217</sup> Temu bual dengan Puan Salamah Sulaiman, Pegawai Program Pemandu Pelancong, di Masjid Negara Kuala Lumpur, Jam 9.00-10.30 pagi, pada 20 April 2011

bertahap pendidikan diploma menyatakan sangat setuju (2 orang), setuju (4 orang) dan tidak setuju (1 orang), dan kategori lain-lain adalah didapati 2 orang sangat setuju. Begitu juga responden yang tahap pendidikan sekolah rendah adalah seorang yang menyatakan sangat bersetuju. Merujuk kepada data ini dapat disimpulkan bahawa tahap pendidikan mempengaruhi responden untuk memahami Islam dengan lebih jelas dengan membandingkan agama asalnya dengan agama-agama yang lain, dan Islam dilihat sebagai kayu ukur dalam membuat perbandingan. Peranan IOA dalam menyampaikan Islam dengan menggunakan pendekatan dialog antara agama dapat menyuburkan semangat untuk mengkaji agama dengan menggunakan metode perbandingan.<sup>218</sup> Jelas bahawa aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah non-Muslim di IOA telah memangkinkan dorongan golongan tersebut memeluk Islam dan yakin Islam yang benar dan syumul.

#### **4.5 Maklum Balas Terhadap Pengajian Islam Di IOA**

Dalam menilai aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah non-Muslim, penulis telah mengemukakan tujuh soalan berkaitan maklum balas responden terhadap pengajian Islam di IOA. Hal ini akan dapat membuktikan bahawa IOA telah mengaplikasikan metode Ilmu Perbandingan Agama dalam pengajian Islam yang disampaikan kepada responden.

---

<sup>218</sup> Temu bual dengan Encik Azril Muhammad, Pengerusi IOA, di Masjid Negara Kuala Lumpur, Jam 2.30-4.00 petang, pada 30 April 2011

#### 4.5.1 Peratusan suka mengikuti kelas di IOA

Jadual 18: Saya suka mengikuti kelas pengajian di IOA

	Bilangan	Peratusan	Peratus valid	Peratus keseluruhan
Sangat tidak Setuju	1	2.0	2.0	2.0
Tidak pasti	3	5.9	5.9	7.8
Setuju	13	25.5	25.5	33.3
Sangat setuju	34	66.7	66.7	100.0
JUMLAH	51	100.0	100.0	

*Sumber: Borang soal selidik*

Jadual ini menunjukkan peratusan responden yang suka mengikuti kelas pengajian Islam di IOA. Dapatan kajian mencatatkan peratusan responden yang menyatakan sangat setuju adalah 66.7% (34 orang), setuju 25.5% (13 orang), tidak pasti 5.9% (3 orang), dan sangat tidak setuju 2% (1 orang). Antara faktor penyebab responden yang suka dan amat berminat menghadiri kelas pengajian Islam di IOA adalah dipengaruhi keberkesanan komunikasi dalam bahasa Inggeris. Faktor penggunaan Bahasa Inggeris di dalam pengajian Islam di IOA telah menarik minat ramai kalangan warga asing non-Muslim untuk mempelajari Islam secara berjadual di IOA. Jadual kelas pengajian disediakan oleh pihak IOA dengan mengikut tahap pemahaman responden terhadap ajaran Islam. Selain itu, IOA juga menyediakan tenaga penceramah sukarelawan yang berpengalaman dan berpengetahuan di dalam bidang dakwah non-Muslim khususnya dalam bidang Ilmu Perbandingan Agama.<sup>219</sup>

<sup>219</sup> Temu bual dengan Encik Azril Muhammad, Pengurus IOA, di Masjid Negara Kuala Lumpur, Jam 2.30-4.00 petang, pada 30 April 2011

#### 4.5.2 Komitmen IOA

Jadual 19: IOA memberi komitmen yang tinggi dalam usaha memberi kefahaman Islam kepada kami (saudara baru/ non-Muslim)

	Bilangan	Peratus	Peratus valid	Peratus keseluruhan
Sangat tidak setuju	1	2.0	2.0	2.0
Tidak pasti	2	3.9	3.9	5.9
Setuju	19	37.3	37.3	43.1
Sangat setuju	29	56.9	56.9	100.0
Jumlah	51	100.0	100.0	

*Sumber: Borang soal selidik*

Jadual 19 menunjukkan bahawa IOA memberi komitmen yang tinggi dalam usaha memberi kefahaman Islam kepada responden. Jawapan responden menyatakan sangat setuju ialah 56.9% (29 orang), setuju 37.3% (19 orang), tidak pasti 3.9% (2 orang), dan sangat tidak setuju 2% (1 orang). Jawapan positif responden iaitu sangat setuju dan setuju mencapai peratusan 94.2% (48 orang). Hal ini menggambarkan bahawa responden sangat berpuas hati dengan kesungguhan IOA dalam usaha memberi kefahaman mengenai Islam kepada mereka. Justeru, dalam menarik minat responden memahami Islam, pihak IOA telah menyediakan perkhidmatan kaunseling, kelas pengajian Islam, pengurusan memeluk Islam, pengurusan perkahwinan secara percuma. Bagi memantapkan pemahaman responden, para penceramah telah memberi ruang untuk berdialog mengenai cara hidup yang sebenar di dalam ajaran Islam.<sup>220</sup> Aplikasi pengajian secara perbandingan ini membuka ruang untuk para responden berdialog, menyuarakan hasrat hati, membanding dan membuat justifikasi antara agama asal anutan dan Islam.

---

<sup>220</sup> Hasil pengamatan penulis ketika menghadiri kelas pengajian Islam di IOA Ampang Hilir 2 Kuala Lumpur, Jam 3.00-4.30 petang, pada 15 Mei 2011

#### 4.5.3 Keberkesanan Dan Manfaat Kelas Pengajian Islam Di IOA

Jadual 20: Kelas pengajian Islam secara perbandingan di IOA sangat berkesan dan memberi manfaat kepada responden

	Bilangan	Peratus	Peratus Valid	Peratus keseluruhan
Sangat tidak setuju	1	2.0	2.0	2.0
Tidak pasti	2	3.9	3.9	5.9
Setuju	16	31.4	31.4	37.3
Sangat setuju	32	62.7	62.7	100.0
JUMLAH	51	100.0	100.0	

*Sumber: Borang soal selidik*

Kajian ini dijalankan untuk menilai keberkesanan dan manfaat aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam kelas Pengajian Islam di IOA. Kajian mendapati 62.7% (32 orang) responden sangat setuju mengatakan bahawa kelas pengajian Islam secara perbandingan di IOA sangat berkesan dan memberi manfaat kepada mereka. Selain itu, 31.4 (16 orang) responden juga menyatakan setuju, 3.9% (2 orang) tidak pasti, dan 2% (1 orang) sangat tidak setuju. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa secara purata peratusan responden setuju dan sangat setuju adalah 94.1% (48 orang). Keberkesanan ini dapat dilihat dari segi penyampaian dan isi kandungan subjek pengajian yang membuka minda para responden dalam memahami Islam secara perbandingan antara agama yang dianuti mereka sebelum memeluk Islam.

#### 4.5.4 Kesan Terhadap Kefahaman Responden

Jadual 21: Hubung kait Tempoh Memeluk Islam - Setelah mengikuti pengajian di IOA, responden mendapati Islam amat berlaku adil terhadap kehidupan masyarakat beragama

	Setelah mengikuti pengajian di Outreach, kami mendapati Islam amat berlaku adil terhadap kehidupan masyarakat beragama					Jumlah
Tempoh Memeluk Islam	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	
1-5 Tahun	1	0	0	10	12	23
5-10 Tahun	0	0	1	3	2	6
10-20 Tahun	0	0	1	2	9	12
20 Tahun ke atas	0	1	1	2	6	10
JUMLAH	1	1	3	17	29	51

*Sumber: Borang soal selidik*

Jadual 21 menunjukkan faktor hubung kait tempoh memeluk Islam dengan kesan setelah mengikuti kelas pengajian di IOA, responden mendapati Islam amat berlaku adil dalam masyarakat beragama. Bagi responden yang telah memeluk Islam dalam tempoh 1-5 tahun seramai 23 orang memberi jawapan yang berbeza-beza terhadap kenyataan tersebut. Responden yang menjawab sangat setuju seramai 12 orang, sangat setuju 10 orang dan sangat tidak setuju 1 orang. Sementara tempoh masa memeluk Islam (10-20 tahun) seramai 12 orang memberi jawapan iaitu 9 orang menyatakan sangat setuju, 2 setuju dan 1 orang tidak pasti. Begitu juga tempoh 20 tahun ke atas seramai 10 responden memberi jawapan. Iaitu 6 orang sangat setuju, 2 orang setuju, 1 orang tak pasti dan 1 orang tidak setuju. Secara perbandingannya, responden yang memeluk Islam dari tempoh 1-20 tahun ke atas dan menyatakan sangat setuju adalah jumlah yang tinggi (29 orang) jika dibandingkan dengan jawapan responden yang lain. Justeru faktor tempoh masa memeluk Islam dan pengaplikasian Ilmu Perbandingan Agama di dalam

pengajian Islam di IOA adalah sangat mempengaruhi kefahaman responden terhadap konsep keadilan Islam dalam kehidupan masyarakat beragama. Manakala yang tidak bersetuju walaupun telah lama memeluk Islam kerana mereka berpendapat ada sikap masyarakat Muslim yang tidak memperlihatkan sikap Muslim sejati.

#### **4.5.5 Keberkesanan Terhadap Keyakinan Responden**

Jadual 22: Hubung Kait Agama Asal - Pengajian Islam di IOA dapat meyakinkan saya bahawa Islam agama benar dan diterima Allah

Agama Asal	Pengajian Islam di Outreach ABIM dapat meyakinkan saya bahawa Islam agama benar dan diterima Allah				Jumlah
	Sangat tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	
Kristian	0	0	9	15	24
Buddha	0	1	6	7	14
Hindu	1	0	1	1	3
Tidak percaya kepada konsep ketuhanan	0	0	3	2	5
Lain-lain	0	0	2	3	5
JUMLAH	1	1	21	28	51

*Sumber: Borang soal selidik*

Jadual 22 menunjukkan hubung kait faktor agama asal dengan keberkesanan kelas pengajian Islam di IOA terhadap kebenaran Islam yang diterima Allah. Responden asalnya beragama Kristian seramai 24 orang memberi jawapan sangat setuju dan setuju. Sementara asalnya beragama Buddha seramai 14 memberi jawapan sangat setuju, setuju, dan tidak pasti. Responden yang asalnya tidak percaya konsep ketuhanan adalah seramai 5 orang menyatakan sangat setuju dan setuju. Kategori lain-lain juga 5 orang menjawab sangat setuju dan setuju. Responden yang asalnya beragama Hindu seramai 3 orang memberi jawapan yang berbeza, 1 orang sangat setuju, 1 orang setuju dan 1 orang

sangat tidak setuju. Oleh itu, seramai 28 orang responden yang menyatakan sangat setuju; maka didapati responden yang asalnya beragama Kristian paling mendominasi dalam hal ini, iaitu seramai 15 orang yang sangat setuju mengatakan bahawa aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam pengajian Islam di IOA dapat meyakinkan mereka tentang kebenaran Islam yang diterima Allah. Ini juga membuktikan bahawa penganut Kristian lebih terdedah dengan Ilmu Perbandingan Agama dan memehami pendekatan tersebut berbanding penganut yang asalnya beragama Hindu.

#### **4.5.6 Aplikasi Ilmu Perbandingan Agama Sebagai Faktor Pendorong**

Jadual 23 memaparkan hubung kait faktor pendorong responden memeluk Islam dengan aspek kebenaran Islam tetap terserah apabila responden cuba membandingkan dengan agama-agama lain. Dapatkan kajian menunjukkan faktor pendorong kehendak diri sendiri paling ramai (29 orang) memberi jawapan sangat setuju, setuju, tidak pasti dan tidak setuju. Dari jumlah tersebut 16 orang sangat setuju, 8 orang setuju, 1 orang tidak pasti dan 1 orang tidak setuju. Begitu juga sekiranya dilihat dari keseluruhan faktor pendorong membuktikan paling ramai responden (26 orang) yang bersetuju dengan kenyataan kebenaran terserah apabila membandingkan Islam dengan agama-agama lain. Gambaran kekerapan dan taburan data adalah seperti berikut:

Jadual 23: Hubungkait ‘Siapakah yang mendorong anda memeluk agama Islam?’  
 - ‘Kebenaran Islam tetap terserlah apabila saya cuba membandingkannya dengan agama-agama yang lain’

Siapakah yang mendorong anda memeluk agama Islam?	Kebenaran Islam tetap terserlah apabila saya cuba membandingkan dengan agama-agama yang lain					Jumlah
	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	
Islamic Outreach ABIM	0	0	1	2	3	6
Secara kebetulan	0	0	0	0	1	1
Kawan-kawan	1	0	0	2	1	4
Ibu bapa/Keluarga	0	0	0	2	2	4
Orang yang disegani/Kekasih	0	0	0	4	3	7
Kehendak diri sendiri	0	1	1	8	16	26
Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA)	0	0	2	1	0	3
JUMLAH	1	1	4	19	26	51

*Sumber: Borang soal selidik*

Data-data tersebut menunjukkan bahawa aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah di IOA sangat mempengaruhi responden dalam memahami kebenaran ajaran Islam. Ini kerana pendekatan secara perbandingan adalah satu pendekatan yang berkesan kerana ianya dapat membezakan di antara kebenaran Islam dengan agama-agama lain.

#### 4.5.7 Aplikasi Ilmu Perbandingan Agama Dalam Pengajian Islam di IOA

Jadual 24: Hubungkait ‘Tempoh Memeluk Islam’ – ‘Pengajian di Islamic Outreach’

ABIM menggunakan pendekatan Ilmu Perbandingan Agama

	Pengajian di Islamic Outreach ABIM menggunakan pendekatan Ilmu Perbandingan Agama					Jumlah
		Sangat Tidak Setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	
Tempoh Memeluk Islam	1-5 Tahun	1	4	9	9	23
	5-10 Tahun	0	0	2	4	6
	10-20 Tahun	1	1	5	5	12
	20 Tahun ke atas	0	2	3	5	10
	JUMLAH	2	7	19	23	51

*Sumber: Borang soal selidik*

Salah satu tujuan soal selidik dikemukakan adalah untuk melihat sejauh mana Ilmu Perbandingan Agama telah diaplikasikan dalam Program Pengajian Islam yang dianjurkan oleh IOA. Jawapan kepada persoalan yang dikemukakan oleh responden membuktikan bahawa IOA mengaplikasikan pendekatan Ilmu Perbandingan Agama dalam program tersebut.

Jadual 24 ini menerangkan hubungan tempoh memeluk Islam dengan persoalan pengajian Islam di IOA yang menggunakan pendekatan Ilmu perbandingan Agama. Dapatkan kajian dalam jadual 24 menunjukkan bahawa jumlah responden yang memberi jawapan sangat setuju seramai 23 orang responden yang telah memeluk Islam dalam lingkungan tempoh masa 1 sehingga 20 tahun ke atas.

Merujuk jadual ini juga didapati jumlah responden yang memeluk Islam di antara tempoh 1-5 tahun adalah paling ramai memberi pelbagai jawapan. Iaitu 9 orang (sangat setuju), 9 orang (setuju), 4 orang (tidak pasti), dan 1 orang (sangat tidak setuju). Sementara tempoh 10-20 tahun mencatatkan jumlah responden yang kedua tertinggi. Iaitu seramai 5 orang (sangat setuju), 5 orang (setuju), 1 orang (tidak pasti), dan 1 orang (sangat tidak setuju).

Jadi, secara keseluruhannya, ramai responden (42 orang) memberi reaksi positif dengan menyatakan sangat setuju dan setuju dalam memberi jawapan mengenai aplikasi Ilmu Perbandingan Agama di dalam Program Pengajian Islam di IOA.

## B. Kajian Temu Bual

Temu bual merupakan salah satu pendekatan yang digunakan oleh pengkaji untuk memperoleh data-data yang bersifat primer. Dalam melihat sejauh mana aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah non-Muslim di IOA, penulis telah menemu bual 3 orang tokoh<sup>221</sup> yang terlibat secara langsung dalam menjayakan program-program dakwah non-Muslim yang dilaksanakan oleh pihak Islamic Outreach ABIM. Dalam kajian ini penulis telah menggunakan temu bual secara tidak berstruktur. Temu bual cara ini lebih memberi peluang kepada responden untuk meluahkan segala pandangan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Pandangan responden direkodkan melalui sistem rakaman suara MP4. Pandangan responden adalah merupakan data-data yang dianalisis secara kaedah kualitatif dan melalui proses membuat transkripsi,<sup>222</sup> reduksi, koding dan paparan data.

---

<sup>221</sup> Iaitu bekas Presiden ABIM yang pertama, Dr. Razali Zawawi, Pengurus IOA, Encik Azril Muhammad dan Dr.Syed Ali, penceramah sukarela IOA

<sup>222</sup> Transkripsi adalah merujuk kepada cacatan semula dalam bentuk perkataan demi perkataan (verbatim) temu bual tidak berstruktur yang dirakamkan kepada tiga tokoh yang terlibat secara langsung. Iaitu mantan presiden ABIM, Pengurus Outreach ABIM, dan penceramah sukarelawan IOA. Setiap responden akan dikenali R1, R2, dan R3

## **4.6 Perbincangan Mengenai Aplikasi Ilmu Perbandingan Agama Dalam Pendekatan Dakwah Non-Muslim di IOA**

### **4.6.1 Responden 1(R1)**

Perbincangan ini memfokuskan aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dari sudut pendekatan dakwah non-Muslim yang dipraktikkan oleh Islamic Outreach ABIM. Berdasarkan hasil temu bual didapati seramai tiga orang tokoh yang terlibat di IOA menekankan bahawa Ilmu Perbandingan Agama diaplikasikan oleh para pendakwah IOA untuk berinteraksi dan berkomunikasi dengan masyarakat non-Muslim dalam rangka menyampaikan seruan dakwah kepada mereka. Pandangan dan pendapat responden adalah seperti berikut:

*Ilmu Perbandingan Agama perlu diaplikasikan bagi orang nak masuk hiwar, nak masuk dialog dan kita kena ada seorang, dua. Tapi kita tak perlu buat satu Jabatan. Bagi Ana tak perlu jabatan Kristologi....<sup>223</sup>*

*Tapi dalam konteks sekarang kena ada pakar di kalangan orang Islam benar-benar mengetahui tentang Kristologi. Ana sikit-sikit tu tahuu laa tentang Kristologi. Kita kena tahu....<sup>224</sup>*

*Dialog ni supaya dia faham kita punya, betul kita faham dia punya...<sup>225</sup>*

Paparan transkripsi menunjukkan R1 berpendapat bahawa Ilmu Perbandingan Agama merupakan satu keperluan di dalam merealisasikan program dialog antara agama.

Antara keperluannya ialah para pendakwah perlu menguasai ilmu Kristologi.<sup>226</sup> Ilmu ini sangat penting bagi para pendakwah yang ingin menceburkan diri dalam

---

<sup>223</sup> Transkrip R1, (Dr. Razali Nawawi, Mantan Presiden ABIM yang Pertama) 20 Mei 2011, Jam: 3.00-5.00 petang, di Bangi. Selepas ini akan dirujuk sebagai Transkrip R1

<sup>224</sup> Ibid.

<sup>225</sup> Ibid.

<sup>226</sup> Ilmu Kristologi ialah satu ilmu yang membahaskan tentang teologi Kristian yang mencakup masalah Dogmatika, Etika, Gereja, Biblika, dan Apologetika. Lihat Husainy Ismail (1993), *Kristologi*, Banda Aceh: Syiah Kuala Universiti Press, h. 1

bidang dialog antara agama. Hal ini kerana R1 berpandangan agama Kristian banyak persamaan dengan agama Islam. Oleh itu, R1 mencadangkan supaya Malaysia perlu melahirkan pakar-pakar Ilmu Perbandingan Agama khususnya pakar Kristologi. Justeru R1 menyatakan bahawa matlamat dialog ini adalah memberi kefahaman mengenai ajaran agama masing-masing. Penganut Islam memahami Kristian begitu juga sebaliknya penganut Kristian perlu memahami Islam dengan jelas dan benar.

R1 juga menyentuh pendekatan dakwah non-Muslim yang dilaksanakan oleh Islamic Outreach ABIM. Beliau menyatakan bahawa:

*Jadi kalau kita nak berdakwah kepada orang Kristian kita kena tahu sikit sebanyak latar belakang agama Kristian. Begitu juga sebagaimana kita nak berdakwah kepada orang Buddha kita belajar tentang Buddha. Bagi kita nak dakwah kita kena memahami orang yang kita nak dakwah. Sepatutnya berbeza pendekatan dakwah kita dengan orang Kristian, orang Hindu dan orang Cina. Berbeza berdasarkan perbezaan agama. Pendekatan Kristian dia guna bahasa mudah bagi orang Melayu faham. Sebab tu dia guna perkataan ‘Allah’ dan ‘al-Kitab’ supaya kita mudah faham ajaran dia.<sup>227</sup>*

*Cina masuk Islam cakap pada orang Cina. Orang India masuk Islam cakap pada orang India. Jikalau orang Melayu cakap pada orang Cina dan orang India lain dia punya pendekatan. Orang Cina dia datang daripada agama yang sama, pengalaman yang sama, dia cakap soal pengalaman yang sama lah kan dia mudah sebab dari pengalaman dia.<sup>228</sup>*

Menurut R1, Islamic Outreach ABIM yang ditubuhkan pada 1987 telah mengaplikasikan Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah non-Muslim. R1 sangat bersetuju sekiranya para pendakwah yang ingin terlibat secara langsung atau tidak langsung hendaklah mempelajari latar belakang agama-agama lain secara mendalam. Hal ini amat penting bagi para pendakwah non-Muslim yang ingin menyesuaikan diri dengan situasi penganut-penganut agama yang berlatar belakang pelbagai kepercayaan, keyakinan, kaum dan keturunan. Selain itu, R1 menjelaskan bahawa IOA telah melatih dan membimbing saudara-saudara baru yang berketurunan

---

<sup>227</sup> Transkrip R1

<sup>228</sup> Ibid.

Cina dan India untuk menjadi kader dakwah dalam usaha membantu pihak IOA menyampaikan seruan Islam. Dengan turut mengaplikasikan Ilmu Perbandingan Agama sebagai pendekatan dakwah non-Muslim. Jelasnya, saudara baru berketurunan Cina hendaklah berdakwah kepada masyarakat Cina di Malaysia. Begitu juga dengan saudara baru berketurunan India yang lebih memahami kehidupan dan pemikiran masyarakat India di Malaysia. Ini bermakna Ilmu Perbandingan Agama amat penting untuk terus diaplikasikan dalam pendekatan dakwah non-Muslim.<sup>229</sup>

#### **4.6.2 Responden 2( R2)**

Sementara responden 2 (R2) lebih melihat kepentingan Ilmu Perbandingan Agama dari sudut matlamatnya. Pandangan responden telah ditranskrip sebagaimana berikut:

*Dalam konteks Malaysia, mungkin objektif akhir Ilmu Perbandingan Agama ni, kita nak mewujudkan rasa hormat dan muhibah laa.. Saya tak suka perkataan toleransi pasal toleransi kita tolak-ansur, kita tahan tapi dalam hati kita simpan, kita tahu ada sempadan.*<sup>230</sup>

*Perbandingan Agama ni sebenarnya mewujudkan perasaan hormat-menghormati di antara penganut agama. Dan akhirnya wujud rasa muhibah. Jadi tahu perkara tak boleh. Macam sekarang ni lah dia orang menuntut hak dia orang. Dia orang kena tahu kedudukan dia orang sebagai penganut agama Kristian tu. Kedudukan Islam memang lebih tinggi daripada agama lain. Kalau ikutkan konteks tu kerana agama Islam diiktiraf dalam perlembagaan. Sebagai agama Perlembagaan Persekutuan. Seolahnya kalau Malaysia sebuah tubuh manusia. Malaysia yang bernama manusia ni adalah orang Islam. Dan dia hanya 11%. So, dia kena tahu konteks ni.*<sup>231</sup>

*So kalau dia belajar Ilmu Perbandingan Agama ni dia tahu status agama Islam. Kenapa kita tak benarkan penggunaan kalimah Allah. Kalimah tu berkaitan dengan akidah kita. Kalau tahu macam tu, dia pun tak mintalah. Jadi saya melihat Ilmu Perbandingan Agama satu metode yang berkesan laa. Tapi tak semua orang boleh terlibat dalam perkara ni. Pasai siapa yang terlibat perlukan latihan. Kita IOA cuba terap dan apply Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah non-Muslim. Sejak 1987*

---

<sup>229</sup> Temu bual dengan Dr. Razali Nawawi pada 20 Mei 2011, Jam: 3.00-5.00 petang, di Bangi

<sup>230</sup> Transkrip R2, (En. Azril bin Muhammad Amin, pengurus IOA ABIM), 22 April 2011, Jam 2.30-4.00 petang, di Masjid Negara Kuala Lumpur. Selepas ini dirujuk sebagai Transkrip 2

<sup>231</sup> Ibid.

*sehingga lah sekarang ni lebih kurang 5000 non-Muslim yang telah diIslamkan.*<sup>232</sup>

Berdasarkan data transkrip ini, dalam konteks negara Malaysia R2 melihat pengaplikasian Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah non-Muslim di IOA telah dapat melahirkan suasana masyarakat beragama yang saling hormat-menghormati antara satu sama lain. R2 lebih suka istilah ‘hormat dan muhibah’ dipopularkan dalam objektif mempelajari Ilmu Perbandingan Agama. R2 berpendapat istilah ‘toleransi’ tidak mencapai objektif sebenar dalam melahirkan kesejahteraan kehidupan masyarakat beragama kerana penggunaan istilah tersebut menampakkan ketidaktelusan dalam konteks keharmonian kehidupan masyarakat beragama di Malaysia.<sup>233</sup>

Dalam melahirkan keharmonian kehidupan masyarakat beragama, R2 berpendapat bahawa semua penganut agama perlu memahami kebudayaan dan tuntutan ajaran sesuatu agama yang dianuti. Dalam erti lain, penganut Muslim perlu memahami agama Kristian, Hindu, Buddha, dan lain-lain agama di Malaysia. Begitu juga dengan agama-agama lain perlu memahami kehendak dan tuntutan ajaran Islam yang menjadi pegangan rasmi agama negara. Bagi R2, Penganut Kristian adalah tidak wajar menggunakan kalimah ‘Allah’ dalam mengembangkan agama mereka. Ini kerana penggunaan kalimah ini merupakan persoalan yang menyangkut dengan akidah orang Islam di Malaysia. Oleh itu, Ilmu Perbandingan Agama amat perlu diinterpretasikan oleh setiap penganut agama supaya lebih memahami konteks agama lain dan tidak mencerobohi pegangan dan ajaran agama-agama lain.<sup>234</sup>

---

<sup>232</sup> *Ibid.*

<sup>233</sup> *Ibid.*

<sup>234</sup> *Ibid.*

R2 menyatakan bahawa Ilmu Perbandingan Agama adalah pendekatan yang berkesan dalam konteks dakwah non-Muslim di Malaysia. Tetapi tidak semua individu Muslim menyampaikan seruan dakwah kepada masyarakat non-Muslim. Para pendakwah yang ingin menceburi bidang dakwah perlu menghadiri dan menguasai latihan terlebih dahulu sebelum menjalankan kegiatan dakwah mereka. R2 mengakui Islamic Outreach telah menerapkan dan mengaplikasikan Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah non-Muslim. Hasilnya sejak ditubuhkan pada 1987, IOA telah berjaya mengIslamkan lebih kurang 5000 masyarakat non-Muslim yang terdiri daripada pelbagai agama, kepercayaan, keyakinan, bangsa, keturunan dan negara melalui pengaplikasian Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah non-Muslim.<sup>235</sup>

#### **4.6.3 Responden 3 (R3)**

Responden 3 (R3) merupakan tenaga pensyarah sukarelawan IOA. Beliau berpengalaman lebih 15 tahun dalam menyampaikan pengajian Islam kepada saudara baru di IOA. Menyentuh tentang pendekatan dakwah non-Muslim R3 juga menyatakan Ilmu Perbandingan Agama telah diaplikasikan di dalam program dakwah IOA. R3 melihat Ilmu ini amat sesuai dijadikan pendekatan dakwah untuk menarik penganut non-Muslim agar memahami Islam. Pendapat R3 adalah sama dengan pendapat R1. R3 menjelaskan;

*Bagi saya ok. Oleh sebab kita nak reach out to basicly dalam konteks ABIM la ya, kita target non-Muslim. Kami fokus lebih kepada Kristian lah.. I do a lot of comparative religion on Jesus and Moses (Nabi Musa).<sup>236</sup>*

*Bagi saya relevan, macam Nabi Isa tu relevan sebab pa, al-Qur'an kita banyak cerita tentang Nabi Isa, Ibu dia malah cerita dalam al-Qur'an tu,*

---

<sup>235</sup> Ibid.

<sup>236</sup> Transkrip R3, (Dr. Syed Noor Azman bin Syed Mustafa, penceramah IOA), 22 Mei 2011, Jam 10.00-11.30 pagi, di IOA Ampang Hilir 2 Kuala Lumpur. Selepas ini akan dirujuk sebagai Transkrip R3

*dedicated to Mariam, saya rasa dalam Bible tak dak langsung pun.. jadi kita boleh perbandingkan..*<sup>237</sup>

*Hang kata Marry tu macam orang Mulia, kira maqam tinggilah, tapi kami orang Islam ni kami kata wanita yang soleh. Jadi satu cerita dalam al-Qur'an. Marry is nothing to us. Kami tak dak masalah dalam al-Qur'an jelas, macam mana Roh Kudus mari, macam mana dia kata dia seorang perempuan yang suci. Ini pun ada dalam Bible. Kita baca Bible ada persamaan sikit.*<sup>238</sup>

Berdasarkan penjelasan tersebut, nyata bahawa dalam pendekatan dakwah non-Muslim, Ilmu Perbandingan Agama adalah relevan kerana ilmu ini dapat menjelaskan perbezaan dan persamaan di dalam ajaran sesuatu agama yang dianut. Dalam hal ini R3 melihat agama Kristian adalah menjadi fokus utama di dalam pendekatan dakwah non-Muslim dengan menggunakan Ilmu Perbandingan Agama kerana terdapat persamaan dan perbezaan yang boleh diperbahaskan antara agama Kristian dan Islam. Justeru hasil temu bual mendapati bahawa ketiga tokoh responden mempunyai pendapat yang sama di dalam menilai aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah non-Muslim di IOA. Mereka mengakui ilmu ini berupaya diaplikasikan sebagai pendekatan dakwah non-Muslim yang sangat berkesan. Malah ilmu ini telah diaplikasikan di dalam program-program dakwah non-Muslim yang dianjurkan oleh Islamic Outreach ABIM dan membawa hasil yang amat berkesan dalam memberi kehidupan Islam kepada saudara baru dengan lebih sempurna dan juga memberi kefahaman yang sebenar mengenai Islam kepada non-Muslim sehingga mendorong mereka memeluk Islam.

---

<sup>237</sup> *Ibid.*

<sup>238</sup> *Ibid.*

## **BAB LIMA**

### **PENUTUP**

#### **5.1 Pendahuluan**

Bab ini merumuskan hasil kajian terhadap aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah non-Muslim di IOA.

#### **5.2 Kesimpulan**

Ilmu Perbandingan Agama merupakan suatu disiplin ilmu pengetahuan yang mengkaji dan membandingkan antara satu fenomena atau gejala yang terdapat di dalam sesuatu agama dengan agama-agama lain. Tujuan ilmu ini adalah untuk melihat titik persamaan dan perbezaan di antara agama-agama yang berkembang di dunia. Antara metode yang digunakan di dalam ilmu ini ialah: metode historis, metode sosiologi, metode psikologi, metode antropologi, metode fenomenologis, metode tipologis, dan metode perbandingan (*comparative*). Jelasnya, metode-metode ini telahpun digunakan oleh para sarjana Muslim dan Barat untuk membuat kajian secara ilmiah dalam menilai perkembangan kehidupan masyarakat beragama di seluruh dunia.

Konsep Ilmu Perbandingan Agama ini telah diaplikasikan oleh Islamic Outreach ABIM dalam menyampaikan seruan Islam kepada kelompok sasaran non-Muslim. Ilmu ini telah diaplikasikan melalui program-program yang dirancang oleh IOA bertujuan mendekati penganut agama non-Muslim supaya mereka tidak memandang Islam secara negatif. IOA mengaplikasikan Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah non-Muslim melalui Program Pengajian Islam, Program Pemandu Pelancong Masjid, Program Dialog Antara Agama, Program Ziarah Pesakit Hospital dan Program Orang

Asli. Antara rumusan hasil soal selidik dan temu bual yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Responden perempuan lebih ramai menghadiri Program Pengajian Islam di IOA. Hasil soal-selidik juga mendapati responden asal agama Kristian sangat berminat mengikuti kelas Pengajian Islam di IOA yang mengaplikasikan Ilmu Perbandingan Agama. Peratusan (94%) juga menunjukkan bahawa responden memeluk Islam adalah disebabkan faktor kehendak diri sendiri setelah membuat kajian mengenai ajaran dan kepercayaan sesuatu agama secara perbandingan.
2. Peratusan (85%) menunjukkan bahawa responden berminat terhadap Islam adalah disebabkan beberapa faktor: antaranya ialah Islam adalah agama yang sempurna dan adil, Islam mengamalkan toleransi yang bersesuaian dengan fitrah kehidupan, ajaran Islam relevan sepanjang zaman, al-Qur'an merupakan kitab suci yang asal, tidak berubah dan kekal sepanjang zaman, Nabi Muhammad adalah Nabi dan rasul akhir zaman, dan para pendakwah telah mengaplikasikan Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan non-Muslim. Jelasnya, faktor minat responden terhadap agama Islam juga didorong oleh faktor pengaplikasian Ilmu Perbandingan Agama di dalam Program Pengajian Islam di IOA.
3. Hasil kajian maklumbalas balas responden sebelum memeluk Islam mendapati mereka suka membandingkan agama-agama di dunia, menganggap kajian agama-agama sangat penting dalam kehidupan, suka mempelajari kehidupan masyarakat beragama, memilih Islam setelah membuat perbandingan dengan agama-agama lain. Hal ini membuktikan bahawa sangat wajar ilmu ini diaplikasikan dalam pendekatan dakwah non-Mulim seperti yang dilaksanakan dalam program di IOA.

4. Hasil soal selidik juga mendapati responden suka mengikuti kelas di IOA kerana IOA memberi komitmen yang tinggi dalam usaha memberi kefahaman Islam kepada responden. Selain itu, responden mengatakan bahawa mereka memahami Islam kerana pendekatan Ilmu Perbandiangan Agama yang telah diaplikasikan oleh IOA, khususnya para responden yang asalnya beragama Kristian kerana mereka telah terdedah dengan corak pendekatan Ilmu Perbandingan Agama dalam gerakan missionari mereka. Justeru, aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah non-Muslim di IOA telah mendorong mereka memahami dan menerima Islam sebagai anutan.
5. Berdasarkan hasil temu bual yang dijalankan penulis ke atas tiga orang responden yang merupakan mantan Presiden ABIM, Presiden ABIM, Penggerusi IOA mendapati mereka bersepakat mengatakan bahawa Ilmu Perbandingan Agama sangat penting bagi para pendakwah yang ingin menyampaikan seruan Islam ke atas sasaran kelompok non-Muslim. Para responden juga berpendapat bahawa Ilmu Perbandingan Agama telah diaplikasikan dalam program-program Islamic Outreach ABIM melalui Program Pengajian Islam, Program Dialog Antara Agama, Program Pemandu Pelancong Masjid, Program Ziarah Hospital, Program Khidmat Orang Asli dan Program kaunseling. Untuk itu, ketiga-tiga tokoh responden menekankan betapa pentingnya mempelajari sejarah dan latar-belakang sesuatu agama secara perbandingan agar dapat menambahkan lagi wawasan pemikiran dakwah ketika berhadapan dengan kelompok sasaran non-Muslim.

Merujuk kepada hasil pengaplikasian Ilmu Perbandingan Agama di IOA, amatlah wajar disiplin ilmu tersebut dijadikan sebagai salah satu alternatif terbaik dalam menyampaikan seruan dakwah terancang kepada sasaran non-Muslim. Justeru, ilmu ini

juga merupakan salah satu usul dakwah yang perlu dipelajari oleh setiap Muslim yang akan menjalankan usaha dakwah Islamiah terhadap masyarakat non-Muslim. Dengan mempelajari ilmu ini para pendakwah Muslim dapat menyesuaikan diri dengan latar-belakang penganut agama yang berbeza di antara satu sama lain. Pengetahuan tentang kepercayaan dan keyakinan agama-agama yang berkembang akan memudahkan para pendakwah Muslim untuk berkomunikasi dan berhujah secara berhikmah dengan penganut agama-agama lain.

Kepentingan mempelajari Ilmu Perbandingan Agama tidak perlu dipersoalkan walaupun ianya dikaitkan dengan punca menyuburkan semangat ‘pluralisme’ dalam agama oleh sesetengah pihak. Ilmu ini tidak perlu dilihat dari sudut yang negatif. Ilmu ini harus dimanfaatkan oleh para pendakwah Muslim sebagai pendekatan dakwah yang berkesan dalam menarik minat golongan non-Muslim untuk memahami ajaran Islam. Oleh itu, konsep Ilmu Perbandingan Agama perlu dilihat dari sudut kaca mata Islam bukannya konsep Barat yang menekan pluralisme agama. Ajaran Islam adalah panduan dan justifikasi dalam melakukan perbandingan dengan ajaran agama-agama yang lain.

### **5.3 Cadangan dan Saranan**

Menyedari bahawa kepentingan aplikasi Ilmu Perbandingan Agama dalam pendekatan dakwah non-Muslim, beberapa cadangan dan saranan bagi memperkasakan ilmu ini dikemukakan. Antaranya ialah:

1. Ilmu Perbandingan Agama perlu dijadikan sebagai ilmu asas para pendakwah yang menceburkan diri dalam bidang dakwah khususnya dakwah non-Muslim. Untuk itu ilmu ini perlu dikembangkan dan disesuaikan dengan disiplin ilmu dakwah yang sedia ada.

2. Ilmu Perbandingan Agama dilihat sebagai ilmu yang dapat mengembangkan wawasan pemikiran setiap individu dalam menyesuaikan diri dengan suasana kehidupan sosial masyarakat majmuk yang berlatarbelakangkan pelbagai agama, kaum, etnik dan bangsa. Oleh itu, Ilmu ini sangat wajar dijadikan mata pelajaran wajib yang perlu diajar di peringkat sekolah menengah supaya para pelajar mendapat pendedahan awal tentang penyesuaian kehidupan masyarakat beragama.
3. Peringkat universiti, ilmu ini perlu dijadikan sebagai subjek asas bagi setiap mahasiswa di setiap fakulti kerana mereka berlatarbelakang pelbagai agama. Ini perlu untuk mewujudkan masyarakat yang harmoni dan saling menghormati.
4. Wajar Jabatan Ilmu Perbandingan Agama diwujudkan di peringkat universiti bagi melahirkan para ilmuwan Muslim yang mahir dalam hal-ehwal dialog antara agama.

## BIBLIOGRAFI

### RUJUKAN BAHASA ARAB

Al-Qur'an al-Karim (Tafsir Pimpinan Al-Rahman)

Ahmad Syalaby, Dr. (1989), *Tārīkh al-Manāhij al-Islāmiyyah*, Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah.

\_\_\_\_\_ (1978), *Muqāranah al-Adyān, al-Yahūdi*, Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah.

Al-A'zami Muhammad Diya' al-Rahman (1988) *al-Yahudiyah wa al-Masihiyyah*, al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-Dar.

Al-Tahtawi Syeikh Muhammad 'Izzat al, *al-Mīzān Fi Muqāranah Adyān*, Syiria: Darul Salam.

Khalilullah Muhammad Rahmatillah, (t.t) *Kitāb Izhār- al-Haq* (Jilid 1), Dar al- Hadis, Kaherah.

Sa'id Qādī - Tabaqāt al-Umam P. 119)

Zahir Rifqi (1980), *Qiṣṣat al-Adyān Dirāsat Tārīkhiyah Muqāranah*, Kaherah: Darul Matbu'at al-Dawliyyah.

### RUJUKAN BAHASA INGGERIS

E. Durkheim (1912) The Elementary form of the Religious Life: A Study in Religious Sociology.(tt).

John C.Super and Briane K.Turley (2006), *Religion in World History, The persistence of Imperial Communion*, New York and London: Routledge Taylor& Francis Group.

John M. Echols & Hassan Shadily (1975), *An English-Indonesia Dictionary*, London: Cornell University Press.

Kamar Oniah Kamaruzaman (2003), "Early Muslim Scholarship in Religionswissenschaft, The Works and Contributions of Abu Rayhan Muhammad Ibn. Ahmad al-Biruni, Kuala Lumpur: ISTAC, IIUM.

Marshall, Catherine & Rossman, Gretchen B (1998), *Designing Qualitative Research*, London: Sage Publication.

Mc Leod, John (1994), *Doing Counselling Research* London: Sage Publication.

Michael Pye (1972), *Comparative Religion An Introduction through Source Materials*, Great Britain: David & Charles Limited Newton Abbot Devon.

R.Pummer, "Research In Comparative Religion-Implication For Interfaith Dialogue" dalam Amarjit Singh Sethi et.al (1979), *Comparative Religion*, New Delhi Bomby: Vikas Publishing House Pvt Ltd.

*The Encylofida of Islam, 1971 ed. "Ibn. Taimiyyah".*

## **RUJUKAN BAHASA MELAYU**

A.Mukti (1975) Ilmu Perbandingan Agama (Sebuah Pembahasan tentang Methodos dan Sistema). Yogyakarta.

Ab.Aziz Mohd Zin (2001), *Metodologi Dakwah*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Abdul Karim Zaidan, (1984), *Usul al-Da'wah: Dasar-Dasar Ilmu Dakwah*. H.M. Asywadi Syukur Lc (terj.) Kuala Lumpur: Pustaka Al Ameen.

ABIM, Modul Dakwah ABIM: Meniti Sejarah Membangunkan Ummah, Kuala Lumpur (2003).

Ahmad Deedat, (Terj.) (2010) *The Choice Dialog Islam & Kristian*, Petaling Jaya: Kharisma Network Sdn. Bhd.

Ahmad Fadhl bin Shaari (2001) Islamisasi di Malaysia: Satu sorotan Pencapaian, (TP).

Ahmad Syalaby (t.t), *Perbandingan Agama Kristen (Muqaranah Adyan;Al-Masihiyah)* J.S Badudu (terj.), Bandung: Al-Ma'arif.

\_\_\_\_\_ (1992) *Muqāranah al-Adyān* (terj.), Jakarta: Pt. Rineka Cipta.

Amran Kasimin (1985) Saudara Baru di Wilayah Persekutuan dan Selangor, Selangor: UKM Bangi.

Angkatan Belia Islam Malaysia 1971-1996, Bangi, ABIM

Burhanuddin Daya dan Herman Leonard Beck (1990), *Ilmu Perbandingan Agama di Indonesia dan Belanda (Beberapa Permasalahan)* Jakarta.

Chua Yan Piaw (2006), Kaedah dan Statistik Penyelidikan,Buku 1, Kaedah Penyelidikan, Kuala Lumpur: Mc Graw Education.

Hajah Noresah Baharom et.al (2005), *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Herman L. Beck, (t.t) "Ilmu Perbandingan Agama dan Fenomenologi Agama: Mencari Inti Sari Agama? (T.P.)

Husainy Ismail (1988), *Konsepsi-Konsepsi Dasar Agama*, Banda Aceh: Syiah Kuala University Press.

Husainy Ismail(1993) *Kristologi*, Syiah Kuala University Press, Banda Aceh Indonesia.

Joachim Wach (1958), *The Comparative Study of Religions*, Djamanuri (terj.) c. 1. (1984), Jakarta: CV. Rajawali.

Jongeneel, J.A.B.(1978), Pembimbing ke dalam Ilmu Agama dan Teologi Kristian Pembimbing Umum Pembimbing ke dalam Ilmu Agama, Jakarta: (T.T.P)

K.H. Agus Hakim (1993), Perbandingan Agama: Pandangan Islam Mengenai Kepercayaan Majusi, Shabiah, Yahudi, Kristian, Hindu, Budha, Sikh. Bandung: CV. Diponegoro.

Karel J.Veeger (1992) *Pengantar Sosiologi*, Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.

Lum Cih Feng (2001), *ABIM Tiga Dekad Yang Penuh Dugaan*, Ng Boon & Kok Wahying (Terj.) ctk.1, Kuala Lumpur, Teras Penerangan ABIM Pusat.

Lutfi Mustafa El-Batani, (1997) *Pandangan Negatif Barat Terhadap Islam*, Kuala Lumpur: Darul Nu'man.

M. Darojat Ariyanto (2007), Ilmu Perbandingan Agama (Isi, Perkembangan dan manfaat bagi seorang Muslim), Jakarta: (T.P.)

M.Quraish Shihab,(1992), Membumikan al-Qur'an, Fungsi dan Peranan Wahyu dalam Kehidupan Masyarakat, Bandung: Mizan Khazanah Ilmu Islam.

Md.Nor bin Hj.Ab.Ghani *et.al* (2007), *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Othman Hj. Ibrahim (1995), *Mekanisme Dakwah, Pendekatan Kepada Masyarakat Pedalaman*, Kota Baharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

*Perlembagaan Persekutuan* (Hingga Ogos 2008) Kuala Lumpur: MDC Publishers SDN BHD.

Richard King (1999) (Ter.) Orientalism and Religion Postcolonial Theory, India and 'The Mystic East'. Yogyakarta: Penerbit Qalam.

*Risalah* (Jan-April 2011) Bual Bicara Menjana Gelombang Kedua Dakwah Berteraskan Ilmu Dan Bakti Kuala Lumpur: ABIM.

*Risalah ABIM*, (t.t) Biro Penerangan ABIM Pusat, Gerakan Islam di Malaysia, Satu Tinjauan Sepintastas Lalu.”

Sarlito Wirawan Sarwono (1982) *Pengantar umum Psikologi*, Jakarta: Bulan Bintang.

Siddiq Fadhil (1989), “*Garis-garis Besar Haluan Perjuangan*,” dalam koleksi Ucapan Dasar Muktamar Senawi ABIM, Mengangkat Martabat Umat, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam

Siddiq Fadhil, “Dasar Perjuangan ABIM,” *Majalah Risalah*, Januari 1985.

Zakiah Daradjat (1992) *Perbandingan agama 11*, Jakarta: (T.T.P)

## **RUJUKAN DISERTASI**

Abdullah Ma Zheng (2001) *Persepsi Orang Cina di Kuala Terengganu Terhadap Agama Islam*, Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. (Disertasi yang tidak diterbitkan).

Khairulnizam Mat Karim (2005), Realiti Aplikasi Dialog Antara Agama Di Malaysia: Kajian Terhadap Inter-Faith Spirituil Fellowship (INSAF) dan Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, (Disertasi yang tidak diterbitkan).

Mohd Ali Saripan (2000), *Pembinaan Rumah Ibadat di Pulau Pinang: Satu Kajian Mengenai Insiden Agama*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, (Disertasi yang tidak diterbitkan).

Yusri Abu (2004), *Kefahaman Akidah di Kalangan Saudara Baru : Satu Kajian di Kuala Lumpur*, Kuala Lumpur: Pengajian Usuluddin, Universiti Malaya,(Disertasi yang tidak diterbitkan).

## **RUJUKAN JURNAL, ARTIKEL DAN KERTAS KERJA**

“Peranan Pertubuhan Belia Dalam Membenteras Gejala Sosial”, Kertas Kerja Majlis Pertubuhan Belia Negara.

Abdul Ghafar Hj.Don (1998), “Metodologi Dakwah Terhadap Masyarakat Orang Asli: Pengalaman Pengislaman di Paya Sendayan, Temerloh Pahang”, dalam Abdul Ghafar Hj.Don *et.al* (eds), *Dakwah kepada Non-Muslim di Malaysia: Konsep, Metode dan Pengalaman*, Selangor: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahmad Zaki Berahim@ Ibrahim, “Pemikiran Ibn Hazm Mengenai Hubungan Antara Agama dan Dialog Peradaban: Analisis Pada Era Pemerintahan Bani Umaiyyah Di Andalus” dalam Wan Suhaimi Wan Abdullah *et.al* (1997), *Konsep Asas Islam Dan Hubungan Antara Agama*, Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Amini Amir bin Abdullah (2002), “Strategi Menangani Gejala Sosial Melalui Pendekatan Islam” (Kertas Kerja Muzakarah Menengani Gejala Sosial Pringkat Zon Utara, 24-26 September 2002).

Badlihisham Mohd Nasir (2008), “Ketokohan Dan Pemikiran Dakwah Dato” Dr. Siddiq Fadhil”, Jurnal Usuluddin.

Burhanuddin Daya,“Kuliah Ilmu Perbandingan Agama Pada Institut Agama Islam Negeri (IAIN)” dalam Burhanuddin Daya & Herman Leonard Beck *et.al* (1990), *Ilmu Perbandingan Agama di Indonesia dan Belanda*, Jakarta: Indonesia-Netherlands Cooperation in Islamic.

Che Yusoff Che Mamat (2004), “Pendekatan Dakwah kepada Orang Asli suku Semai di Kampung Sungai Rail, Raub, Pahang,” dalam *Jurnal Islamiyyat* bil. 25, Bangi Selangor: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.

Herman L. Beck, “Ilmu Perbandingan Agama dan Fenomenologi Agama: Mencari Inti Sari Agama? dalam Burhanuddin Daya & Herman Leonard Beck *et.al* (1990), *Ilmu Perbandingan Agama di Indonesia dan Belanda*, Jakarta: Indonesia-Netherlands Coperation in Islamic.

Khadijah Mohd Khambali @Hambali, “Islam Agama Rahmah” Dan Toleransi Beragama: Realiti dan Cabaran, dalam Khadijah Mohd Khambali *et.al* (2008), *Isu dan Cabaran Hubungan Antara Agama Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

\_\_\_\_\_. (2008) “Toleransi Beragama Dan Amalannya di Malaysia: Rujukan kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia,” dalam *Jurnal Usuluddin* Bil. 27 (2008), Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Mohamad Kamil Hj. Ab.Majid dan Moh Fauzi Hamat, “Bicara Al-Qardawi Tentang Islam Dan Hubungannya Dengan Agama Lain Dalam Konteks Pengharmonian Kehidupan Beragama Di Malaysia.” dalam Khadijah Mohd Khambali@ Hambali *et.al* (2008) *Isu Dan Cabaran Hubungan Antara Agama Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Wan Suhaimi Wan Abdullah, “Pengajian Falsafah Islam Di Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia: Sukatan, Masalah dan Cabaran Pengajian,” dalam Mohd. Fauzi Hamat *et.al* (2007), *Pengajian Islam di Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Zaini Hamzah, Kertas Seminar Kesedaran Umat Islam Untuk Berdakwah Kepada Masyarakat Belum Islam Di Malaysia Pada 21 Ogos 1998, Pusat Islam Kuala Lumpur.

## **RUJUKAN TEMU BUAL**

Puan Aisyah binti Abdullah, Pegawai Kaunseling IOA, di IOA Ampang Hilir 2, Kuala Lumpur, jam 9.00-10.00 pagi, pada 6 Mei 2011.

En. Azril Muhammad Amin, Pengurus IOA, pada 20 April 2011, Jam 2.30-4.00 petang, di Masjid Negara Kuala Lumpur.

En. Hilmi Jamaluddin, Pegawai Unit Orang Asli IOA, di IOA Ampang Hilir 2, Kuala Lumpur, jam 8.00-10.00 pagi, pada 23 Mei 2011.

Dr. Muhamad Razak bin Idris, Presiden ABIM, di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Jam 2.30-5.00 petang, pada 18 Mei 2011.

Puan Normah Sulaiman, Timbalan Pengurus IOA, di Masjid Negara Kuala Lumpur, jam 9.00-10.30 pagi, pada 15 April 2011.

Dr. Razali Nawawi, Mantan Presiden ABIM yang pertama, di Bangi, Jam 3.00-5.00 petang, pada 6 Mei 2011.

Dr. Syed Norazman bin Syed Mustafa, Penceramah sukarelawan saudara baru IOA, di IOA Ampang Hilir 2, Kuala Lumpur, Jam 10.00-11.00 pagi, pada 28 April 2011.

En. Zulharman Zakaria, Pegawai Unit Program Ziarah Hospital, di IOA Ampang Hilir 2, Kuala Lumpur, jam 9.00-11.00 pagi, pada 22 Mei 2011.

## **RUJUKAN LAMAN SESAWANG**

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Isu semasa, <http://www.islam.gov.my/portal>

Profil Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), [www.abim.org.my](http://www.abim.org.my)

[www.abim.org.my/koleksi](http://www.abim.org.my/koleksi)